



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 17 APRIL 2014 (KHAMIS)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

**Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)**

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

**Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
(Menunaikan Umrah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara
Encik Mohd. Hafizan bin Yusoff

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ke sembilan 17 April 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. BACAAN DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, awal pagi ini, rakyat Malaysia telah dikejutkan dengan berita kemalangan maut yang telah meragut nyawa Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Gelugor serta pemimpin DAP yang kami sayangi dan hormati, mendiang Yang Berhormat Karpal Singh serta pembantu beliau. Saya pasti ramai di luar sana akan memberikan penghormatan mereka kepada beliau di hari-hari yang mendatang. Oleh yang demikian, atas berita yang mengejutkan ini saya dengan rendah diri memohon supaya dewan memperuntukkan seminit masa bertafakur bagi memberikan penghormatan kepada mendiang.

(Seminit Ahli-Ahli Dewan bertafakur)

Baiklah. Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, Soalan 163.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: SISTEM SOKONGAN ISTERI DATO' MENTERI BESAR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sistem sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada isteri MB untuk beliau berperanan dalam kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan?

- b) Atas peruntukan peraturan manakah sistem sokongan disediakan?
- c) Berapa jumlah peruntukan ini sejak daripada mula hingga Mac 2013?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Hulu Kelang telah bertanyakan tentang sistem sokongan kepada isteri Dato' Menteri Besar. Apakah sistem sokongan yang diberikan oleh kerajaan kepada isteri Menteri Besar untuk beliau berperanan dalam kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan. Atas peruntukan peraturan manakah sistem sokongan itu disediakan? Berapa jumlah peruntukan ini sejak mula hingga Mac 2013? Walaupun kerajaan negeri tidak memberi sokongan khusus kepada isteri Menteri Besar, Menteri Besar telah menggunakan salah satu peruntukan kemudahan sokongan kerja yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri saraan RM1180, enakmen 8. Kemudahan sokongan itu diterima oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas budi bicara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dari segi penggunaan, oleh sebab isteri saya tak banyak perlu menggunakan kenderaan dan kereta, jadi tidak banyak penggunaan dan *detail-detail* mengenai *claim* perjalanan dan juga *detail-detail* mengenai penggunaan dan bayaran boleh, sudah diaudit dan boleh dibentangkan kepada jawatankuasa dewan jika perlu.

Pegawai Khas yang membantu Puan Sri Salbiah adalah di bawah peruntukan MBI, program-program kebajikan atas kapasiti Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan amal wanita PEKAWANIS, ditaja oleh GLC dan peruntukan CSR berkenaan. Kertas kerja pemilihan-pemilihan dana dimajukan kepada Dato' Menteri Besar, setiap program dan projek PEKAWANIS. Hanya setelah mendapat kelulusan Menteri Besar, dia dimajukan kepada GLC. Sumbangan sejak 2008 bererti PKNS telah memberikan sumbangan RM55,000 dan satu sumbangan kepada rumah amal yang perlu kita tak banyak bincangkan ialah anak-anak muda, gadis-gadis muda yang telah, belum berkahwin tapi akan melahirkan anak. Jadi, oleh sebab itu, kita ada program Rumah Tumpangan supaya kita dapat membela dan mendidik mereka dan nama-nama mereka adalah dirahsiakan dan usaha kita ialah untuk menolong mereka supaya mereka akan dapat keluar semula. Kebanyakannya daripada anak-anak ini terdiri daripada umur 18 tahun dan ke bawah. KDEB memberi sumbangan RM75 juta, MBI memberi sumbangan RM531,000, KDEB memberi RM75,800, Pejabat Menteri Besar RM6,000, Lembaga Zakat RM1,000, Majlis Bandar raya Petaling Jaya RM1,000.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Mencelah. Dato' Menteri Besar, saya ingat Dato' Menteri Besar kena baca balik. Tadi *you* kata KDEB RM75 juta, ribu ke juta?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: RM75,000. Saya dah betulkan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Betulkan Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Kalau RM75 juta saya pun terperanjat. Saya dah betulkan balik. RM75,000. Itu pun setiap pemberian, *I think* Yang Berhormat Sri Andalas tau, nama-nama orang yang mendapat pun, kita ada senarai nama-nama mereka dan boleh disemak dan dimasuk pula dalam *database I-work fare*, semuanya itu ada berlaku dan saya rasa tak ada ahli jawatankuasa PEKAWANIS dapat eluan dalam kerja ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Sesungguhnya, apa yang telah dilakukan oleh isteri Dato' Menteri Besar melalui PEKAWANIS adalah sangat bermakna dalam konteks kerja-kerja kebajikan dan amal. Tetapi sistem sokongannya adalah minimal. Dan oleh sebab itu, kita dapat bahawa semua sumbangan daripada MBI dan GLC disalurkan sepenuhnya kepada rakyat yang teramai. Jadi, persoalan saya, adakah projek-projek seperti Laman Dapur, Taman Herba, RPA akan ditingkatkan sumbangan daripada GLC?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Yang Berhormat Hulu Kelang, membangkitkan program-program ini. Saya rasa itu terpulang kepada PEKAWANIS dan jika dia hendak mempertingkatkan program-program ini, dia mesti *justify* atau memberikan kerja-kerja yang dilakukan supaya kita dapat ukur sebenarnya dan hasil yang telah dilakukan. Dengan cara itu, kita akan dapat memberikan maklumat kepada mana-mana GLC supaya mereka akan dapat memantau tentang keberkesanan program-program tersebut.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai. Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Peraturan Tetap. Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24(2), saya ingin mengambil soalan Y.B. Teratai 164 sebagai soalan saya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: KURSUS

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri akan menawarkan kursus kepada Wakil Rakyat, Ahli Majlis, Ketua Kampung atau Ketua Komuniti?
- b) Apakah program / kursus yang dianjurkan oleh kerajaan negeri untuk perkara 10 (a) tersebut berserta jadual pelaksanaan?

TUAN SPEAKER: Pihak kerajaan?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Speaker, dan soalan daripada Teratai, jawapannya ya, kerajaan negeri Selangor akan menawarkan kursus kepada Wakil Rakyat, Ahli Majlis, Ketua Kampung serta Ketua Komuniti. Kerajaan negeri Selangor sentiasa mengambil berat, memberi perhatian yang tinggi serta memberikan usaha yang terbaik daripada segi pembinaan modal insan melalui latihan dan ini telah dibuktikan bahawa bermula pada 2008 hingga 2013 seramai 636 orang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor telah hadir dengan jayanya kursus Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor yang telah dijalankan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan dibantu oleh Pusat Latihan Awam Selangor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Morib. Kursus ini memberi pendedahan serta ilmu berkenaan asas perundangan dan pentadbiran serta pengurusan kewangan PBT dan bagi sesi lantikan baru Ahli Majlis PBT Selangor bermula tahun 2014, UPEN bersama dengan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan PLUS sedang merangka dan akan melaksanakan kursus tersebut pada suku ketiga tahun 2014.

Kursus pada Yang Berhormat ADN, Ahli Dewan Negeri Selangor juga akan dilaksanakan selari dengan hasrat kerajaan Selangor bagi meningkatkan tarikh, tadbir urus dan integriti serta perkhidmatan kepada rakyat. Kursus Asas Perundangan Tanah, Kursus Pengurusan dan Perundangan Pihak Berkuasa Tempatan, Kursus Pentadbiran Kewangan Kerajaan dan Kursus Protokol dan Etiket adalah di antara perkara yang dicadangkan untuk dianjurkan pada tahun 2014 ini dan akan dilaksanakan oleh Pejabat Dewan Negeri Selangor bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SUK dan saya difahamkan oleh Pejabat Dewan, Insya-Allah akan bermula pada Jun 2014. Ketua Kampung dan Ketua Komuniti juga merupakan barisan hadapan pemimpin di peringkat tempatan yang memainkan peranan penting bagi bersama-sama dengan kerajaan negeri Selangor untuk memajukan negeri Selangor dari segi pembangunan minda rakyat dan pembangunan fizikal, Insya-Allah, dan secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, Kursus Asas Pengurusan dan Pentadbiran serta Kewangan Organisasi, Kursus Pengucapan Awam, Kursus Penganjuran Majlis Rasmi, Kursus Protokol dan Etiket ada dicadangkan untuk diadakan bagi kumpulan ini dan akan diselaraskan oleh Seksyen Sektoral UPEN dan bagi mencapai sasaran tersebut juga, Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah negeri Selangor telah melaksanakan kursus-kursus

kepada Ketua Kampung dan Ketua Komuniti sejak tahun 2008 seperti Kursus *Team Building*, Kursus Asas Organisasi dan juga Kursus SPIES Kepimpinan dan Insya-Allah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan akan melihat secara menyeluruh dan sentiasa menerima pa-apa cadangan lagi daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya ilmu dan kemahiran yang perlu dan penting bagi mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan modal insan yang berjuang bagi mencapai visi bersama iaitu menjadikan Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkebajikan akan tercapai.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 165.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : KITAR SEMULA

165. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan sasaran Kerajaan bagi perlaksanaan kitar semula di peringkat negeri dan PBT. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dia b mil untuk menjayakannya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menasarkan peningkatan terhadap kitar semula di semua peringkat bagi memastikan penghasilan sampah dapat dikurangkan dan tahap kesedaran awam mengenai kepentingan kitar semula dipertingkatkan. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi merealisasikan sasaran tersebut adalah seperti berikut :-

- i) Memperbanyakkan program-program kitar semula dan pameran di semua peringkat merangkumi sekolah, institusi pengajian tinggi, komuniti dan sebagainya bagi memberi kesedaran dan memupuk semangat cintakan alam sekitar sekali gus mengelakkan dari berlakunya pembuangan sampah yang berleluasa.
- ii) Mewujudkan lebih banyak pusat kitar semula dan sentiasa beroperasi bertujuan menyalurkan bahan-bahan kitar semula kepada pengilang-pengilang yang berkaitan.

- iii) Menyediakan lebih banyak tong-tong kitar semula di semua kawasan terutamanya di kawasan sekolah, bandar dan kampung. Tong-tong kitar semula memudahkan masyarakat mengasingkan bahan buangan seperti kertas, botol kaca dan plastik serta tin aluminium dan ini mempercepatkan kerja-kerja pihak kilang kitar semula.
- iv) Penggunaan pelbagai media hebahan bagi mempromosikan Program Kitar Semula dan kepentingan kitar semula di laman web serta Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bahan cetakan dan media masa.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya lihatkan program kitar semula ini nampak sangat tidak berkesan.

TUAN SPEAKER: Soalannya.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Sesuai dengan negara maju, kenapa tidak kitar semula? Negara maju kitar semula itu bermula daripada *kitchen* lagi, di mana tiap-tiap rumah disediakan 3 tong, tiap-tiap rumah dan mengasingkan di antara kertas, kaca dan *kitchen waste*. Kenapa tidak Kerajaan Negeri membuat satu model untuk dilaksanakan dahulu. Saya cadangkan di kawasan Kota Anggerik.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Tuan Speaker, memang perbincangan telah dan masih dijalankan bagaimana kita menjadikan ia sebahagian daripada syarat untuk pungutan sampah di mana kitar semula diwajibkan melalui undang-undang dan ini akan mendatangkan impak yang agak besar dan perbincangan sedang dijalankan untuk melihat bagaimana ia dapat dilaksanakan mulai dapur, sebenarnya ini sudah mula dibincangkan bagaimana kita bermula daripada dapur tapi ini bukan satu tugas yang mudah kerana kita sedia maklum juga apabila setiap rumah dikehendaki setiap rumah disediakan satu tong sampah pun menjadi satu masalah apatah lagi kita kalau kita mensyaratkan 3 tong sampah kita sediakan. Ini melibatkan kos, sudah tentu dengan keadaan kedudukan kewangan PBT, kalau hendak ditanggung oleh PBT memang tidak mampu tapi kalau hendak ditanggung oleh setiap rumah maka ia akan menjadi satu isu dan juga tentu ramai penduduk yang isu yang akan timbul sekiranya diwajibkan berbuat demikian tapi perbincangan sedang diadakan untuk melihat bagaimana ia dapat dilaksanakan di sekolah dan kemudiannya bermula daripada dapur di setiap rumah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya bahawa sebab di peringkat persekutuan telah meluluskan akta pengurusan sisa pepejal yang mewajibkan pengasingan sampah untuk setiap isi rumah. Saya ingin tahu sejauh manakah PBT di Selangor bersedia sama ada telah diberikan taklimat oleh pihak Wilayah Persekutuan untuk kita adakan undang-undang kecil ataupun langkah yang sepatutnya sewajarnya bersetujuan dengan kehendak akta ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Walaupun akta disediakan tapi penguatkuasaannya tidak ada jadi buat masa ini Selangor sedang dalam proses untuk menggubalkan undang-undang yang sama untuk diguna pakai di Negeri Selangor dan itulah langkah yang saya maklumkan di dalam Dewan ini. Draf tersebut telah siap dan sedang dalam perbincangan di antara Seksyen PBT di UPEN dengan pihak Kamar Penasihat Undang-Undang untuk memastikan satu undang-undang yang lengkap daripada pungutan sampah di rumah hingga pelupusan dapat disiapkan dan selepas itu kita akan mengikut berperingkat untuk melaksanakannya dan memang Kerajaan Negeri mempunyai *political will* untuk melaksanakannya cuma perancangan perlu dibuat dengan rapi untuk mengelakkan perkara-perkara teknikal yang mungkin berlaku apabila kita melaksanakan program pengasingan sampah ini.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan saya 166 telah pun dijelaskan semalam cuma satu soalan kepada Dato' Menteri Besar ialah apakah pihak I-City telah menjelaskan bayaran pembinaan ini ?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN FLY OVER MERENTASI JALAN TOL SUNGAI RASA KE SEKSYEN 7 SHAH ALAM

166. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kos pembinaan *Fly Over* tersebut?
- b) Berapakah sumbangan yang diberikan oleh pemaju untuk pembinaan *Fly Over* tersebut. Sila senaraikan sumbangan mengikut pemaju?
- c) Bilakah jangkaan *Fly Over* in akan siap?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang sebenarnya Tuan Speaker, Kota Anggerik, sebenarnya I-City apabila kelulusan itu diberikan sebelum kelulusan apa-apa penambahan diberikan I-City mesti membayarkan apa yang dipanggil istilahnya bayaran bukan premium tetapi bayaran untuk kenaikan densiti tersebut dia kena bayar, dia tidak boleh tidak dibayar kalau tidak dia tak boleh meneruskan kerja.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Ketika penjelasan yang Menteri Besar semalam, persoalan Sri Muda berkaitan dengan *Fly Over* tersebut dinyatakan bahawa I-City patut menjelaskan 21 juta untuk *Fly Over* tersebut, itu soalan saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebab cara yang dibuat ialah apabila sebuah syarikat itu untuk mendapat kelulusan pembangunan dia termasuk dalam kelulusan pembangunan itu ialah bayaran-bayaran *infrastructure* yang dikenakan. Jadi oleh sebab itu duit di dalam kumpulan itu akan dibayarkan untuk pembiayaan perkara ini. Buat masa ini Unit Perancang Ekonomi yang mengendalikan pemantauan tentang pembayaran-pembayaran dan pelaksanaan tersebut.

TUAN SPEAKER: Sungai...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan ini penting kerana jawapan yang diberikan semalam dengan jawapan yang saya dapati daripada komputer ini berbeza. Pertamanya ialah dari segi jumlah keseluruhan kutipan daripada pihak penyumbang-penyumbang. Dalam jawapan semalam yang diberikan kepada saya ialah..

TUAN SPEAKER: Soalannya Sri Muda, terus kepada soalan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Jadi soalannya kenapa wujud perbezaan jawapan semalam RM42 juta tetapi jawapan hari ini ialah RM45.9 juta. Jadi mohon penjelasan Kerajaan Negeri terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya pun tidak mengamati keseluruhannya tapi data yang terakhir yang telah diberikan ialah terdapat tambahan perbelanjaan sebanyak RM53 juta itu angka yang terakhir. Apa pun angka-angka ini ia mesti dibayar oleh mereka-mereka yang mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan tersebut dan oleh kerana itulah kita benarkan tapi ia dibuat secara

telus, dibuat secara tender dan seterusnya. Jadi ini adalah satu kes tadi yang mana besok apabila pemaju-pemaju hendak membuat projek-projeknya, mereka mesti membuat perjanjian supaya membiayai prasarana yang mereka akan lakukan dan angka yang terakhir selepas dibuat dan *satisfied* adalah merupakan angka yang untuk dibayar.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, soalan 167.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PEMELIHARAAN HUTAN BAKAU

167. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan penebangan pokok hutan bakau tidak menjaskan kemusnahan alam sekitar?
- b) Sejauh manakah penebangan pokok hutan bakau menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri?
- c) Apakah usaha-usaha yang dibuat untuk memulihkan semula kawasan hutan bakau yang telah musnah?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, selaras dengan dasar moratorium tiada kelulusan diberi bagi tujuan penebangan pokok hutan simpan bakau. Walau bagaimanapun apabila berlaku permohonan untuk tebangan pokok-pokok hutan bakau bagi sesuatu projek ianya tertakluk kepada langkah-langkah mitigasi di tetapkan dalam laporan kesan-kesan alam sekitar ataupun EIA. Kutipan hasil pada masa ini bagi kayu bakau adalah merupakan cukai perkhidmatan seperti mana ditetapkan dalam kaedah-kaedah hutan Negeri Selangor. Pada masa ini cukai perkhidmatan ini dikenakan terhadap pokok kayu-kayu bakau yang di bawa dari Indonesia. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menjalankan aktiviti penanaman pokok bakau setiap tahun. Ianya dilaksanakan di bawah program penanaman bakau dan spesis-spesis yang sesuai di persisir pantai negeri. Dalam masa yang sama jabatan juga menjalankan kempen kesedaran dengan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dan juga pihak sekolah dan syarikat swasta sebagai usaha meningkatkan kesedaran serta memulihara kawasan hutan bakau. Semenjak tahun 2009 sehingga Mac 2014 sejumlah 8 hutan simpanan kekal bakau telah dan sedang dipulihkan dengan kluasan meliputi lebih daripada

40.40 hektar. Senarai kawasan yang terlibat adalah Hutan Simpan Kuala Bernam, Hutan Simpan Banjar Utara, Hutan Simpan Teluk Gong, Hutan Simpan Pulau Klang, Hutan Simpan Jugra, Hutan Simpan Teluk Gedung dan Hutan Simpan Telok Gong serta Hutan Simpan Kuala Sepang.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun tadi ada terdapat dasar supaya tidak berlaku penebangan pokok hutan tetapi masalah yang berlaku ialah terdapat kecurian oleh aktiviti mencuri kayu-kayu bakau secara haram. Jadi apakah langkah-langkah dan tindakan telah diambil dan juga kalau ada tangkapan-tangkapan yang telah dibuat oleh aktiviti haram ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sungai Burong. Memang ada kaedah-kaedah yang kita adakan di Negeri Selangor untuk menegah ataupun menangkap orang yang mencuri pokok bakau di hutan simpan. Antaranya adalah rondaan berkala. Keduanya, kita menggunakan satelit ataupun GIS untuk mengenal pasti tempat-tempat yang dicerobohi. Sepanjang 2013 terdapat 9 kes yang telah dikesan melibatkan kesalahan hutan berkaitan dengan tebangan secara haram kayu bakau. Kebanyakan kes ini dikesan melibatkan pengangkutan kayu bakau melalui sungai. Semua kayu bakau dirampas termasuk sampan dan bot-bot serta enjin digunakan disita. Untuk tahun 2014 sehingga hari ini hasil daripada risikan yang telah dibuat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengesan 5 kes lagi dan kes-kes ini sedang dalam tindakan siasatan dan juga dakwaan.

TUAN SPEAKER: Kuang

Y.B. PUAN HALIAMTON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Tuan Speaker. Peraturan Tetap 24 (2) soalan nombor 168.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)**

TAJUK : MIGRASI METER AIR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Skim PERMAI "Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu"?
- b) Apakah isu dan masalah yang timbul dan penyelesaiannya?

c) Nyatakan statistik penyelesaian meter individu hasil skim ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Kota Damansara. Tentang status Skim PERMAI ataupun penyelesaian migrasi meter air individu, taskforce PERMAI telah ditubuhkan pada Jun 2012 di antara Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor bersama Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) mesyuarat diadakan secara berjadual supaya pemaju, badan pengurusan bersama atau Perbadanan Pengurusan MC mendapat khidmat nasihat secara terus dan tepat daripada SYABAS berkenaan mekanisme perlaksanaan migrasi meter air individu khususnya bagi pangaspuri bukan kos rendah iaitu kod 17. Ini adalah kerana skim terbabit perlu melaksanakan migrasi meter air individu bagi mendapatkan rebat air percuma secara automatik. Setakat bulan Mac 2014, sejumlah 201 kawasan pangaspuri telah terlibat dalam rundingan Skim PERMAI, kalau kita amati bahawa sebelum ini untuk kos rendah ada skim-skim yang lain seperti Skim Dapur dan Dapat dan juga Skim Kupon Air.

Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi dan apakah penyelesaiannya? Yang pertama, borang persetujuan tidak memenuhi kuota 80% yang ditetapkan oleh SYABAS. SYABAS menetapkan 80% *concern*, dengan izin daripada penduduk pangaspuri. Bolehlah dilakukan apa yang dipanggil sebagai migrasi tetapi cara untuk penyelesaiannya adalah Kerajaan Negeri telah meminta kepada pihak SYABAS untuk mempertimbangkan supaya kuota ini diturunkan kepada 50% unit yang diduduki bukan 50% daripada unit yang ada.

Seterusnya kekangannya adalah dari segi tunggakan bil air meter pukal. Kita melihat bahawa terdapat bil-bil yang tertunggak yang tidak dibayar oleh penduduk yang perlu dibayar sebelum pihak SYABAS meluluskan migrasi. Jadi apa yang dilakukan adalah supaya bil-bil ini dibahagi-bahagikan di kalangan unit-unit yang ada.

Yang ketiga adalah keperluan teknikal iaitu memerlukan perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh SYABAS dipatuhi terlebih dahulu. Kelonggaran syarat teknikal yang ditetapkan SYABAS dengan perakuan aku janji daripada pihak Pengurusan Bangunan sama ada JMB atau MC. Itulah isu-isunya. Dari segi prestasi Skim Permai ini, sekarang ini seperti mana yang dinyatakan tadi bahawa 201 kawasan pangaspuri terlibat dalam rundingan dan daripada data tersebut, statistik penyelesaian meter individu adalah seperti berikut iaitu :-

- 2012 - Tidak ada
- 2013 – 39 kawasan
- 2014 – 5 kawasan

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan no. 169.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: PERKAHWINAN PERDANA

169. Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini telah menganjurkan Majlis Perkahwinan Perdana di bawah Jawatankuasa Belia dan Sukan. Dilaporkan bahawa Majlis ini dianggap berjaya mencapai objektif.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah peruntukan untuk penajaan program ini?
- b) Adakah dalam perancangan untuk memanjangkan program seperti ini untuk kaum yang lain di Malaysia?
- c) Berapa banyakkah telah diperuntukkan bagi Insentif Perkahwinan Belia bagi tahun 2013 yang dikeluarkan kepada pasangan pengantin?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM120,328.00 untuk penajaan program Majlis Perkahwinan Belia 2013 yang diadakan pada 30 November 2013 bertempat di tapak Selangor Agro Fest pada 2013, perkarangan Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor.

Program Majlis Perkahwinan Belia adalah merupakan program di bawah Jawatankuasa Belia dan Sukan bagi meraikan pasangan pengantin di samping menggalakkan perkahwinan di kalangan belia yang tidak berkemampuan untuk melaksanakan majlis perkahwinan. Sehubungan dengan itu, dalam menjayakan program tersebut sebanyak 45 pasangan pengantin yang diraikan termasuk sepasang daripada kaum India dan sepasang daripada kaum Cina yang dipilih untuk menyertai program tersebut. Bermakna daripada jumlah yang kita belanjakan itu, kita belanjakan lebih kurang dalam RM2,600.00 bagi setiap pasangan.

Pada tahun 2013, Jawatankuasa telah menerima sebanyak 5,777 permohonan Insentif Perkahwinan Belia bagi Fasa I hingga ke Fasa 19. Daripada jumlah keseluruhan permohonan telah diterima, sebanyak 4,425 permohonan yang telah

diluluskan. Manakala sejumlah 644 permohonan yang telah ditolak atau tidak berjaya berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Seterusnya, permohonan bagi Fasa 14 sehingga Fasa ke-19 yang berjumlah keseluruhannya sebanyak 708 permohonan Insentif Perkahwinan Belia adalah dalam proses kelulusan. Secara keseluruhannya, jumlah permohonan yang telah berjaya adalah sebanyak 4,425 permohonan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM885,000.00. Terima kasih.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker, soalan no. 170.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK: KLORR – KUALA LUMPUR OUTER RING ROAD

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini projek Kuala Lumpur Outer Ring Road (KLORR) yang akan dibina sebahagiannya merentasi Kampung Sungai Pusu, Gombak?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Projek Kuala Lumpur Outer Ring Road atau pun kini mula dikenali sebagai Projek East Klang Valley Expressway sedang ditangguhkan pelaksanaannya. Projek ini sebagaimana maklum akan melibatkan dua fasa iaitu persimpangan bertingkat Sungai Long hingga persimpangan bertingkat Ukay Perdana. Kedua, persimpangan bertingkat Ukay Perdana hingga persimpangan bertingkat UIAM.

Status bagi fasa I yang bermula dari persimpangan bertingkat Sungai Long hingga Ukay Perdana telah siap pelan pengambilalihan balik tanah di bawah Seksyen 8, Pengambilan Tanah tahun 1960 dan telah diwartakan pada 7 November 2013. Selain daripada itu, laporan terperinci mengenai *Environmental Impact Assessment* telah disiapkan dan proses *Public Enquiry*, penyiasatan awam sedang dilakukan oleh kerajaan sebagai pra-syarat untuk mewarta keluar rizab hutan simpan yang terlibat pembinaan lebuh raya dan dijangka pendengaran awam ini bermula tidak lama lagi.

Manakala projek fasa II, kini masih ditangguhkan oleh Kerajaan Pusat yang mana Kampung Sungai Pusu, Gombak dikatakan tidak terlibat dalam pembinaan yang awal ini.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa? Tidak hadir. Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no. 172.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN LOH CHEE HENG
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PROJEK GO RURAL

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan perkembangan Projek "Go Rural" yang diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang akan disalurkan kepada Daerah Kuala Langat.
- c) Peruntukan yang diturunkan sebagai pembangunan infrastruktur asas di DUN Teluk Datuk.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Teluk Datuk bertanyakan tentang Projek Go Rural. Projek Go Rural ialah satu projek yang berusaha untuk mencari beberapa program untuk membangunkan kawasan desa atau kawasan-kawasan luar bandar. Dari segi perjumpaan awal, kita mendapati walaupun terlalu banyak program-program yang telah dilakukan tapi fokusnya masih tidak jelas. Oleh sebab itulah, kerajaan akan mengadakan satu forum untuk merancang sama ada negeri ini meletakkan satu *projection* yang mana sumbangan sektor pertanian dipertingkatkan dari yang ada sekarang, kurang daripada 1% ke satu angka yang lebih besar. Boleh jadi ke 5%. Jika itu berlaku, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan?

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan sudah mula mengadakan perbincangan dan perbincangan yang pertama ialah mengadakan *Awareness Campaign* dan terdapat banyak pertemuan mengenai memperkenalkan agenda polisi dan dengan bengkel-bengkel yang disertai oleh Pegawai Daerah, Ketua-ketua Kampung, Setiausaha,

JKKK, wakil-wakil wanita dan ramai lagi dan tujuannya ialah supaya kita mengetahui apa yang telah dan apa yang boleh dilakukan.

Peringkat kedua ialah kita menyusun agenda-agenda yang dirancangkan mengikut keutamaan. Jadi kita akan utamakan protes agenda untuk tujuan mencapai ke tahap meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi Negeri Selangor dengan tujuan dengan peningkatan kenaikan sumbangan tersebut, sudah tentulah hasil dan pendapatan masyarakat di luar bandar dan desa itu dapat dinaikkan. Jadi, jawapannya Kuala Langat sudah tentulah antara daerah-daerah yang dalam rancangan yang akan dilakukan.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Dengan izin Tuan Speaker, soalan saya no. 173.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)

TAJUK: MASALAH FLAT KOS RENDAH DI FLAT MPK PANDAMARAN

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaiktaraf pendawaian semula sistem elektrik, memperbaiki bumbung dan tangki bangunan yang telah bocor dan juga saluran air yang rosak di Flat MPK Pandamaran yang berusia melebihi 50 tahun?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pandamaran. Pada 2013, Majlis Perbandaran Klang telah pun memohon kepada Kerajaan Negeri supaya menyenaraikan Flat MPK Pandamaran yang telah dijual kepada penghuni-penghuni asal untuk disenaraikan di dalam Program Pangrupur Ceria bagi membantu merealisasikan Rumah Pangsa Kos Rendah ini menjadi pangrupur yang lebih cantik dan indah dengan program seperti mengecat semula bangunan, pembersihan kawasan, pendawaian semula dan sebagainya. Oleh kerana tidak ada peruntukan daripada Majlis dan Insya-Allah pangrupur ini akan dimasukkan ke dalam CERIA sekarang ini untuk kelulusan RM13,000,000.00 untuk tahun ini yang telah digunakan untuk 54 kawasan yang pertama. Kita akan masuk kepada fasa II iaitu Ceria 5 sebab apabila habis tabung RM13,000,000.00 ini telah digunakan untuk 54 kawasan itu. Kita akan mohon lagi untuk di *top up* dengan izin, tabung tersebut untuk digunakan untuk pangrupur-pangrupur yang seterusnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih, Tuan Speaker.
Soalan no. 174.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan lokasi PPR yang bakal dibina oleh Kerajaan Negeri mengikut Parlimen dan DUN?
- b) Nyatakan jumlah unit PPR baru yang akan dibina dan PPR yang sedia ada tetapi masih belum berpenghuni?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Kota Damansara. Kota Damansara bertanya tentang PPR atau pun Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Buat masa ini, pembinaan Projek Perumahan yang telah dibina adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk membina rumah PPR di Negeri Selangor secara skala yang besar. Tetapi cadangan yang ada di dalam manifesto Pakatan Rakyat pada Pilihan Raya Umum 2013 adalah untuk kita mewujudkan rumah-rumah untuk disewa. Yang ini kita akan gunakan atau pun yang kita akan lakukan melalui pembelian rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh pemaju-pemaju. Bermakna, contohnya yang dibina oleh PKNS ada beberapa peratus yang belum ditetapkan lagi, masih lagi dalam rundingan yang Kerajaan Negeri akan beli. Ia tidak akan dijual kepada *public*, kepada awam tetapi akan dibeli oleh Kerajaan Negeri dan ia akan dijadikan rumah untuk disewa seperti mana *Council Home*.

Berkenaan dengan jumlah rumah yang telah dibina setakat ini di Negeri Selangor, ada empat (4) PPR iaitu Kota Damansara, di Lembah Subang, di Kampung Baru HICOM dan di Serendah sebanyak 5,436 unit yang telah dibina. Yang telah didiami adalah sebanyak 3,719. Yang kosong adalah sebanyak 1,717. Jadi bermakna untuk fasa yang ini, kempennya adalah untuk memenuhi unit-unit yang kosong tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan no. 175.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

**TAJUK: PEJABAT PENASIHAT EKONOMI DAN KETUA STAFF PEJABAT
Y.A.B. MENTERI BESAR**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah struktur organisasi dan berapakah kakitangan Pejabat Penasihat Ekonomi dan Pejabat Ketua Staf?
- b) Berapakah perbelanjaan gaji bulanan kakitangan yang terlibat untuk kedua-dua pejabat ini?
- c) Berapakah perbelanjaan operasi Pejabat Penasihat Ekonomi dari tahun 2010 hingga sekarang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pejabat Penasihat Ekonomi diurus oleh tiga (3) kakitangan yang terdiri daripada Ketua Staf, Eksekutif Komunikasi dan Pembantu Peribadi. Perbelanjaan gaji kasar termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan elaun untuk Pejabat Penasihat Ekonomi ialah sebanyak RM25,350.00 sebulan iaitu untuk ketiga-tiganya. Pejabat Penasihat Ekonomi menerima peruntukan perbelanjaan operasi dari Kerajaan Negeri sebanyak RM150,000.00 setahun.

Antara 2010 hingga 2013, jumlah perbelanjaan operasi adalah sebanyak RM433,129.97. Berikut ialah pecahan :-

TAHUN	PERBELANJAAN
2010	RM70,926.00
2011	RM78,259.00
2012	RM80,690.00
2013	RM200,253.00
JUMLAH	RM433,129.00

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar berkenaan dengan keperluan untuk mengadakan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Seperti mana yang kita maklum. Y.A.B. Dato' Menteri Besar sendiri telah membuat keputusan-keputusan besar dalam negeri Selangor ini umpamanya isu kenaikan gaji wakil rakyat dan juga EXCO tidak saya difahamkan tidak dirujuk dengan Penasihat Ekonomi Selangor dan kedua saya ingin bertanya juga adakah Penasihat Ekonomi Negeri Selangor bersetuju dengan isu penstrukturran semula air dan juga loji Langat 2, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Y.B. Dengkil ingin nak tahu tentang gaji ataupun mengaitkan mengapa gaji dibayar ataupun adakah nasihat itu perlu atau tidak. Dari masa ke semasa kita ada mengadakan perbincangan bukan, jadi perbincangan seperti juga daripada masa ke semasa Y.A.B. Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Penasihat-penasihat jadi tidak bererti apabila Penasihat keputusan dibuat, keputusan akan dibuat oleh Perdana Menteri dan keputusan juga akan dibuat oleh Menteri Besar dan saya boleh jadi terperanjat jika Perdana Menteri mengatakan keputusan ini saya buat bersama dengan Penasihat saya. Tak ada. Jadi memang tak boleh dibuat macam itu, tetapi adalah satu daripada usaha yang baik sentiasa berbincang. Jadi, boleh jadi saudara ada perkara yang kita bincang dan selepas daripada itu keputusan dan tanggungjawab untuk melaksanakannya terletak ditangan Eksekutif. Maknanya, saya tidak boleh mengatakan keputusan itu adalah keputusan Penasihat saya. Saya kena dengar, maknanya tak boleh. Dia keputusan itu mesti dibuat oleh Ketua Eksekutif. Oleh sebab itu, terdapat serupa juga mana-mana negeri pun perbezaan dari Penasihat pendapat Penasihat dengan pendapat Eksekutif sebab dan ada kalanya serupa. Kedua-duanya tidak dilaporkan kerana perlu kerana tidak perlu kerana dari segi keputusan Dewan Negeri menganggap keputusan ini mesti dibuat oleh orang yang mempunyai kuasa Eksekutif itu sahaja. Jadi, kalau nak mengatakan nak mencari jalan ada perbezaan, ada persamaan ataupun ada tatacara. Itu memang perkara biasa, ia bukan satu perkara yang saya anggap tidak akan timbul sebab untuk mencari satu-satu jawapan kita kena memikirkan beberapa opsyen dan hasilnya daripada opsyen-opsyen tersebut barulah kita membuat keputusan dan kalau saudara pernah jadi Ketua Eksekutif sebuah syarikat pun, saudara tidak boleh memberikan alasan bahawa Penasihat ataupun *My Investment Advisor* yang suruh saya buat ini. Tak boleh. Saudara kena berhenti kerja itu sahaja.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Puan Speaker, 176.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YANG BERHORMAT IR. HJ. MOHD HASLIN BIN HASSAN
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN DESA

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Apakah bentuk pembangunan desa yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat desa?
- b) Apakah usaha kerajaan bagi memastikan keberkesanan penyelenggaraan jalan-jalan dan bahu-bahu jalan di kampung-kampung dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual yang munasabah?
- c) Adakah kerajaan bersedia melaksanakan program pemberian kampung tradisi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tanjung Sepat juga membangkitkan tentang isu yang serupa pembangunan desa, saya rasa pembangunan desa ini jawapan saya agak stereotip sebab kita sekarang tengah membuat rancangan, kalau kita buat rancangan maknanya kita kata kita punya *target* untuk meningkatkan penglibatan sektor pertanian daripada 1-2% ke 5% sekarang usaha itu tengah dibuat, mana, apa dia, dia yang dikatakan menaikkan 5%, di mana yang kita mesti tumpukan sama ada dalam. Dia ada senarai namanya dari segi jenis apa itu jenis tanaman dan seterusnya. Semalam saya sempat berjumpa dengan senator dari Kenya. Senator dari Kenya dalam percakapan tersebut dia menyatakan pada saya Kenya dari segi penjualan bunga adalah antara terbesar di dunia. Kemudian saya tanya pada dia, macam mana dia jual bunga tersebut. Dia memberi jawapan yang saya sendiri tidak menyangka dia bawa bunga-bunga ros itu, dihantar ke Amsterdam. Di Amsterdam dia jual bunga, bukan di Kenya di Amsterdam. Di Amsterdam itu ada pasaran bunga tiap-tiap pagi. Dijual mengikut harga pasaran, lepas itu baru dia dapat dan boleh tak itu sebab saya tahu mengapa dulu kerajaan negeri tanam orkid ada projek tanam orkid. Mengapa orkid itu tidak berjaya. Bukan sahaja menanam, menjualnya mesti tahu di tempat menjual. Jadi itu sebab sekarang saya mengikuti, jadi tiap-tiap kali saya tanya saya buat tak malu saya, saya tak buat malu. Kenya kat mana you jual, macam mana saya tanya. Sebab saya nak tahu mengapa dia boleh berjaya, mengapa kita tidak berjaya. Jawapannya we *must follow through*. Itu sebab jawapan saya. Tapi sekarang saya belum ada jawab sebab saya masih banyak soalan yang belum dijawab dan kita berjanji bersama dengan Y.B. EXCO Pertanian untuk buat dan kita telah meminta nasihat lagi nasihat, tapi tidak dibayar juga, nasihat daripada Syarikat Nestle. Kita telah meminta nasihat daripada Syarikat Nestle bagaimana dia boleh menjual dan membeli cili yang terbaik, apa-apa semua kita lakukan supaya kita faham proses tersebut. Jadi Insya-Allah dalam masa 2

bulan yang terdekat bila kita ada forum kita bawa juga Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersedia untuk mengadakan perbincangan ini untuk kita membawa satu perubahan dalam persepsi bahawa pertanian *is a* yang dipanggil *a sunset industry*. Sudah tentulah Kota Anggerik akan protes tentang perkara ini. Tapi *a sunset industry*. Jadi saya nak membawa supaya pertanian ini tidak lagi menjadi *sunset industry*. Jadi jawapannya, masih banyak belum saya jawab dan saya sendiri pernah dalam sektor pertanian pun tak reti menjawabnya. Saya dari segi pengalaman saya berani bercakap penjualan barang keluaran oleh Syarikat yang saya kerja melebihi daripada RM2000 juta setahun. Tapi, angka itu tidak dianggap angka pertanian sebab kelapa sawit bukan pertanian, itu sebabnya. Jadi oleh sebab itu saya nak mencari bagaimana produk-produk yang boleh dimasukkan dalam pertanian. Jadi, angka yang mesti kita jual kalau hanya RM120 ratus ribu tidak berbaloi dia mesti sampai kepada RM1000 juta baru dia baru pendapatan masyarakat itu meningkat. Jadi kita kena buat rancanganlah. Melaksanakan program pembesaran kampung tradisi. Y.B. dari Kota Anggerik dia tak ada di sini, dia ada dengan program ABC (Asset Based Community Development), ABCD. Saya juga membaca tentang ABCD itu dan saya dapati tidak sama dengan pembesaran kampung. Tidak. Projek ABCD itu tak sama, pembesaran kampung ini dari rakan kita daripada Hulu Selangor menghadapi terlalu banyak pembesaran kampung ini terbengkalai kerana tak cukup dana dan tak cukup program. Jadi oleh sebab itu kita kata tunggu dulu pembesaran kampung sehingga kita akan dapat usahakan meningkatkan pendapatan di kampung sebelum mengadakan pembinaan perumahan kerana kalau tak ada duit bagaimana nak membeli rumah, bagaimana nak meningkatkan harta. Jadi, isunya ialah *income first before asset*. Jadi dia punya adalah teori ekonomi yang sekarang kita bincangkan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Yang soalan 177 telah dijawab bersekali dengan soalan 50. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 178.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS AWAM SECARA PERCUMA

178. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terkini mengenai program perkhidmatan bas awam secara percuma?

- b) Berapakah perbelanjaan setahun yang perlu ditanggung oleh kerajaan negeri bagi program ini?
- c) Bilakah MPSJ bercadang akan melaksanakan program ini?

Y.B. DATO' THENG CHANG KIM: Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan program perkhidmatan bas awam percuma yang juga dikenali sebagai bas komuniti. Antara PBT yang telah melaksanakan program ini adalah Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Manakala pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang telah selesai menjalankan kajian untuk tujuan pelaksanaan program tersebut. Kerajaan Negeri Selangor dan PBT berkenaan perlu memberi penelitian yang rapi akan usaha menyediakan perkhidmatan bas awam percuma kerana melibatkan perbelanjaan yang tinggi dari segi kos dan pelaburan. Perbelanjaan yang perlu ditanggung adalah berbeza mengikut PBT bergantung kepada konsep pelaksanaan yang dipilih sama ada dengan cara pembelian atau penyewaan bas atau secara kontrak dengan penyedia perkhidmatan bas sedia ada. Anggaran perbelanjaan setahun yang ditanggung PBT adalah dalam lingkungan RM350 ribu hingga RM650 ribu bagi pembelian atau penyewaan bas termasuk kos-kos sampingan seperti kos pengurusan dan penyelenggaraan. Pihak MPSJ telah selesai menjalankan kajian untuk tujuan pelaksanaan projek perkhidmatan bas awam percuma ini yang akan diperluaskan oleh MPSJ secara berperingkat setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi memastikan pelaksanaan ini dapat dinikmati dan memberi manfaat kepada semua.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker, Soalan 179.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL Selangor

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sistem pengurusan sisa pepejal yang digunakan oleh kerajaan Selangor yang mampu mengatasi masalah sampah yang sedia ada?
- b) Bagaimana pendekatan pemulihan tapak pelupusan sampah haram dilakukan, anggaran kos dan tempoh dapat dipulihkan?

Y.B. DATO' THENG CHANG KIM: Tuan Speaker, pada masa ini kerajaan negeri mempunyai 2 tapak pelupusan sanitari, sebuah *transfer stesen* sampah, 3 buah tapak pelupusan sampah sisa lengai dan 3 buah tapak pelupusan sampah secara terbuka. Sistem pengurusan sistem pepejal yang digunakan kerajaan negeri Selangor adalah bersifat konvensional iaitu pemprosesan akhir di tapak pelupusan sampah dan dibantu oleh *transfer station*. Satu jawatankuasa *Task Force Pengurusan Sisa Pepejal* telah diwujudkan bagi mengkaji serta mencadangkan kepada kerajaan negeri sama ada keperluan menggunakan teknologi pelupusan sisa pepejal seperti *inseparator Refuse Fuel (RDF)*, *Waste To Energy (WTE)* atau teknologi seumpamanya bagi meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai pendekatan bagi melakukan proses pemuliharaan tapak pelupusan secara haram antaranya dengan membuat penutupan secara selamat, pasca penutupan dan rampasan tanah akan dibuat sekiranya perlu bagi mengawal masalah tapak pelupusan sampah haram berulang. Walau bagaimanapun, anggaran kos pemuliharaan tapak adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti saiz tapak dan kesan pencemaran dan selain mengambil masa lebih kurang 2 hingga 4 bulan bagi melakukan proses pemuliharaan. Bagi projek pemuliharaan tapak pelupusan Sungai Kertas yang berkeluasan 14.19 ekar. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5,109,000.00 bagi melakukan kerja-kerja pemuliharaan tapak. Manakala bagi tapak pelupusan Sungai Kembung yang berkeluasan 70 ekar, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM4,738,000.00 yang telah selesai sepenuhnya pada bulan Mei 2011. Kos kerja-kerja pemeliharaan adalah bergantung kepada keadaan tapak berkenaan. Ketika ini masih terdapat banyak tapak-tapak pelupusan sampah yang beroperasi secara haram seperti di Jalan Ampang, Hulu Langat dan Jalan Iskandar, Kapar, Klang. Oleh yang demikian, kerajaan negeri telah mengambil pelbagai langkah dengan menjalankan aktiviti pemantauan secara berterusan dengan mengadakan operasi bersepodu bagi menangani masalah tersebut. Selain daripada itu tindakan penguatkuasaan telah dikenakan kepada pesalah-pesalah yang membuang sampah di tapak tersebut dengan mengenakan kompaun sehingga RM1000.00 selain menyita kenderaan yang terlibat dalam kegiatan tersebut mengikut undang-undang kecil pemungutan pembuangan dan pelupusan sampah.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Sekiranya tapak pelupusan sampah haram itu diceroboh, siapakah pihak yang akan membiayai kos untuk pemulihan tapak tersebut dan keduanya sebentar tadi Y.B. EXCO menyatakan denda hanya RM1000.00 dan juga alat jentera disita. Saya nampak ada dendanya

terlampaui kecil, jadi berulangnya kesalahan itu sentiasa berlaku. Jadi, adakah mungkin dikenakan denda yang lebih berat.

Y.B. DATO' THENG CHANG KIM: Ya. Tuan Speaker mengikut Akta Kerajaan Tempatan yang tertinggi yang boleh dikenakan di bawah rang undang-undang adalah RM2000.00. Itu adalah kekangan yang dihadapi. Oleh itu, kerajaan negeri telah pun saya sebutkan di Dewan ini berulang kali iaitu di dalam proses mengubah satu enakmen di peringkat negeri di mana hukuman, denda dan sebagainya dapat dilipatgandakan supaya dia berkesan. Sekiranya dengan RM1000.00, kalau RM1000.00, kalau setakat RM10,000.00 ribu pun mungkin tidak dapat menakutkan mereka-mereka yang melakukan kesalahan sedemikian. Sementara itu di tanah rizab dia bergantung kepada keadaan, sama ada tanah rizab itu telah pun diberi di bawah jagaan Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun dia masih di bawah kerajaan negeri. Sekiranya di bawah kerajaan negeri, kebiasaan kerja ini dilakukan oleh pihak PBT yang sudah tentu pihak PBT amat keberatan untuk melakukannya memandangkan mereka terpaksa menggunakan kewangan mereka untuk menjalankan kerja tersebut dan ini masih memerlukan penyelarasan yang seterusnya untuk memastikan supaya tapak-tapak yang disalahgunakan itu dapat dipulihkan demi keselamatan orang ramai.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Terima kasih Puan Speaker, saya nak bertanya dengan Y.B. EXCO isu terbaru di Jalan Sungai Lalang, Semenyih. Ada RDF penduduk melakukan tindakan yang saya rasa tidak wajarlah menahan lori-lori sampah. Isu mengalihkan tempat pelupusan sampah ke kawasan lain.

TUAN SPEAKER: Soalannya?.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan saya adakah Y.B. EXCO saya lihat kenyataan Y.A.B. Menteri Besar pun ada menyatakan ini bersifat sementara tetapi sehingga hari ini penduduk masih lagi menahan lori-lori sampah ini. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah isu RDF di Sungai Lalang ini.

Y.B. DATO' THENG CHANG KIM: Ya, Tuan Speaker memang masalah yang disebabkan oleh loji RDF di Kajang tersebut menyebabkan sampah tersebut terpaksa dialihkan ke Semenyih dan disebabkan bantahan daripada orang kampung yang sepautnya tidak ada hak dalam perkara ini kerana jalan yang dilalui adalah jalan negeri tidak melalui jalan kampung itu sendiri dan sekiranya sampah tidak boleh melalui jalan awam, ke manakah sampah hendak dilupuskan ya. Jadi itu yang satu masalah yang patut kita hadapi bersama untuk mendidik masyarakat bahawa adalah tanggungjawab kita untuk melupuskan sampah. Sampah kena melalui jalan

awam, tidak ada tidak boleh kita menggunakan helikopter tapi itu mungkin perlukan sedikit masa untuk mendidik masyarakat, tetapi buat masa ini pada mulanya kerajaan telah pun membuat keputusan supaya sampah itu dihantar ke satu tapak pelupusan sampah yang baru ya yang telah pun dikenal pasti dan diputuskan lebih kurang 2 bulan dahulu dan dalam proses persiapan untuk dijadikan satu tapak pelupusan sanitari dan tetapi disebabkan ada masalah akses ke tapak itu buat masa sekarang ini dan keputusan terakhir yang telah pun di buat oleh pihak kerajaan negeri adalah menghantarkan sampah itu ke Sungai Kembung iaitu kepada tapak pelupusan sebelum ini yang telah pun disebutkan tadi bahawa telah sebenarnya ditutup tetapi terpaksa digunakan buat sementara waktu bagi mengatasi masalah sampah harian yang sedang dihadapi oleh Kajang ini. Jadi, ini juga mungkin satu peluang untuk kita bersama-sama merenungkan sama ada kita dah sudah bersiap sedia untuk meninjau dengan lebih mendalam cara-cara pelupusan sampah yang lebih moden lagi. Sekiranya kita masih bergantung kepada pengetahuan kita 10 tahun yang dahulu. Sudah tentu kita tidak dapat merangka satu pelan induk untuk 50 tahun akan datang. Jadi saya berharap semua pihak saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Y.B Sekalian untuk bersama-sama kita mengkaji cara yang termoden yang digunakan oleh negara-negara yang maju untuk kita guna pakai di Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 180.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : **KAWALAN POPULASI NYAMUK AEDES MELALUI NYAMUK PEMANGSA TOXO**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah keputusan dan keberkesanan pelepasan nyamuk gajah atau *Toxorhynchites (Toxo)* dewasa di hutan Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 dan Kampung Seri Aman di bawah Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi mengurangkan populasi nyamuk Aedes pada tahun 2013?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku. Tuan Speaker, Kampung Tunku bertanyakan tentang kawalan populasi nyamuk aedes melalui nyamuk pemangsa iaitu nyamuk *Toxorhynchites*. Kawalan populasi nyamuk aedes melalui nyamuk pemangsa *Toxorhynchites* masih di dalam kajian di bawah Majlis Perbandaran Subang Jaya bersama dengan pihak Universiti Sains Malaysia. Hasil pemerhatian awal menunjukkan ada penurunan kesenggi di lokasi kajian.

Contoh di lokasi kajian di Kampung Seri Aman menunjukkan tiada kes denggi dilaporkan selama lebih kurang 11 bulan selepas pelepasan nyamuk Toxo kali ketiga ini. Walau bagaimanapun, penggunaan nyamuk Toxo ini untuk mengurangkan populasi nyamuk aedes hanya sesuai dijalankan di kawasan yang banyak tumbuhan dan pokok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Berapakah kos yang terlibat dalam projek rentis yang dijalankan di Kampung Seri Aman Puchong dan adakah ianya berbaloi sekiranya dilakukan di PBT yang mempunyai di taman-taman permainan ataupun rekreasi yang diuruskan oleh PBT. Terima kasih Kampung Tunku. Kos yang diperuntukkan adalah sebanyak RM60,000.00 yang dibiayai oleh Bank CIMB yang mana ianya masih lagi berbaki sehingga kini.

TUAN SPEAKER : Soalan 181 telah dijawab bersekali dengan soalan 51. Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Terima kasih Puan Speaker, Soalan 182.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)

182. PKPS bertanggungjawab memodenkan pertanian Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:

- a) Apakah halatuju perancangan dan inovasi baru PKPS?
- b) Apakah manfaat projek dan produk PKPS kepada petani Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim*, Puan Speaker, Sungai Air Tawar ingin bertanyakan tentang Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Mulai pada tahun 2008, PKPS telah mengubah langkah untuk menjadikan ianya sebagai satu organisasi komersial yang boleh menjana keuntungan untuk disumbangkan kepada rakyat dan negeri iaitu hala tujunya ialah :

- i. Menumpukan kepada projek-projek komersial yang berdaya maju supaya akan mendapat hasil dan juga pulangan.
- ii. Memfokuskan hasil pengeluaran kepada pasaran domestik kerana lebih terjamin ia terjamin dan juga senang dikelolakan.
- iii. Mengutamakan projek-projek yang memberi impak positif kepada pendapatan PKPS dan rakyat Selangor.

Apa projek yang telah dilakukan?

- i. Kawasan perladangan kelapa sawit diperluaskan. Kini pendapatan kelapa sawit menyumbang melebihi daripada 55% dari jumlah pendapatan PKPS. Oleh yang demikian, kawasan kelapa sawit perlu diperluaskan supaya dapat menjana pendapatan yang tinggi dan pendapatan yang diperolehi daripada perladangan kelapa sawit boleh digunakan sebagai pelaburan lain-lain projek PKPS tanpa pinjaman daripada pihak luar.
- ii. PKPS bercadang untuk membina sebuah kilang kelapa sawit. Sebuah kilang kelapa sawit akan dibangunkan di Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam. Kapasiti pemprosesan kilang kelapa sawit adalah sebanyak 30-45 metrik tan sejam. PKPS akan memproses buah tandan segar milik PKPS sendiri dan PKPS akan menjimatkan kos pengilangan *transport*. Seterusnya, semua pekebun-pekebun kecil tanaman kelapa sawit di daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor boleh menjual kepada untuk menjual buah tandan segar itu kepada PKPS dan akan mendapat pendapatan yang lebih baik daripada keadaan sekarang yang mana tak ada kilang yang berhampiran.
- iii. **Ternakan Ayam Daging**

PKPS telah meningkatkan pelaburan dalam projek ternakan ayam daging dengan menambahkan bilangan rumah-rumah ternakan ayam. Ketika ini PKPS menternak sebanyak 200,000 ekor ayam daging bagi satu pusingan iaitu tiap-tiap 35 hari dia menternak 200,000 ekor. Pada masa yang sama, PKPS membina 4 rumah ayam dengan kapasiti 100,000 ekor bagi satu pusingan di Mukim Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor dan PKPS juga akan membina 4 lagi rumah ayam di kawasan tersebut pada pertengahan tahun 2014 sebagai tambahan kepada yang sedia ada.

iv. **Rumah Sembelih Ayam**

PKPS bercadang mendirikan sebuah kilang sembelih ayam di Rawang yang dapat menjamin produk halal yang kini telah mendapat kelulusan kebenaran merancang (KM) daripada Majlis Perbandaran Selayang pada 4 Disember 2013. Kapasiti sembelihan ayam adalah 50,000 ekor sehari. Permintaan daging ayam di Lembang Klang ialah sekitar 400,000 ekor sehari dan kini penjualan daging ayam di Pasar Borang Selangor keupayaan PKPS hanyalah tidak melebihi 10,000 ekor/ hari.

v. **Program Usahawan Tani ‘Selangor Fruits Valley’ (SFV)**

Dengan tujuan pembangunan petani-petani dan bilangan pengeluaran buah-buahan PKPS telah memperuntukkan semula 270 hektar di Selangor Fruits Valley untuk memilih 10 peserta yang melalui tender terbuka dan mula beroperasi pada bulan ini. Projek-projek ini adalah antara tujuan supaya kita dapat mempertingkatkan keluaran pertanian dan membangun usahawan-usahawan yang akan dapat hasil yang cukup untuk mereka meneruskan kerjaya dalam projek-projek pertanian.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sudah panjang lebar jawapan. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 183.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: LEMBAGA URUS AIR NEGERI SELANGOR (LUAS)

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan apakah peranan utama LUAS?
- b) Sila nyatakan apakah LUAS mempunyai kuasa mutlak dalam operasi merobohkan pelantar ikan tanpa terlebih dahulu rujuk kepada kerajaan negeri?
- c) Kenapa LUAS begitu ghairah dalam konteks penguatkuasaan terhadap pelantar ikan Bagan Sekinchan tanpa mempedulikan sensitiviti masyarakat setempat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Sekinchan. Puan Speaker, bertanyakan Lembaga Urus Air Selangor. Sila nyatakan adakah LUAS mempunyai kuasa mutlak dalam operasi merobohkan pelantar ikan tanpa terlebih dulu rujuk kepada kerajaan negeri? Kedua, kenapa LUAS begitu ghairah dalam konteks penguatkuasaan terhadap pelantar ikan Bagan Sekinchan tanpa mempedulikan sensitiviti masyarakat setempat?

Dari segi kuasa, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah sebuah agensi kerajaan negeri Selangor yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus sumber air termasuk air bumi dan permukaan serta perairan pantai negeri Selangor. Antara tugas-tugasnya menyelaras perhubungan pelbagai agensi dalam negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber-sumber air, menerima pakai dan melaksanakan dasar pelan projek oleh kerajaan yang di bawah Piuh Berkusa Negeri, menjaga kepentingan negeri dalam pembangunan pengurusan dan pemulihan sumber-sumber air, memberi lesen atau syarat-syarat yang dianggap wajar oleh lembaga kepada mana-mana pihak, menyiasat sebarang kejadian, kesalahan dan kemalangan yang berlaku di atas atau berhubung dengan sumber satu sumber air. Daripada apa yang saya katakan sini, dia tidak mempunyai kuasa mutlak tetapi dia ada mempunyai kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan.

Pembinaan jeti adalah termasuk dalam aktiviti pengubahan sumber yang dikawal oleh LUAS di bawah Seksyen 43(1) Tahun 1999. Di bawah seksyen itu, apa-apa aktiviti pengubahan sumber di dalam 50 meter rizab sungai hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Pengarah. Jadi, dia kebenaran bertulis. Jadi, Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah melalui perintah bertulis mana-mana orang atau pihak berkusa yang mengendalikan aktiviti pengubahan sumber di bawah seksyen tersebut. Dia ada mempunyai kuasa tapi jika perintah tidak dipatuhi, LUAS atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh LUAS boleh memasuki tapak kerja itu untuk menjalankan kerja-kerja seperti diperintahkan dalam surat arahan dan untuk diambil tindakan. Apa-apa kos yang ditanggung oleh LUAS berhubung dengan tindakan yang diambil boleh dituntut sebagai hutang.

Jadi, dan saya nyatakan apa kenyataan LUAS mengenai Nakhoda Omar. Seperti tindakan di atas jeti dan bangunan di Bagan Nakhoda Omar Sabak Bernam, pihak kerajaan telah bersetuju dan meluluskan tindakan penguatkuasaan untuk merobohkan jeti. Dan begitu juga tindakan perobohan jeti di Kuala Sepang Kecil, Kampung Bagan Lalang Sungai Pelek yang telah dipersetujui.

Walau bagaimanapun sebelum perkara itu dilakukan, masa yang sesuai diberikan notis supaya mereka dapat membetulkan benda yang tak betul. Jadi, sekarang kita selain daripada struktur di Bagan Sekinchan, LUAS telah menjalankan mekanisme yang sama terhadap tiga struktur jeti (dua jeti di Bagan Nakhoda Omar dan satu jeti di Sepang Kecil). Tindakan ini akan dibuat. Jadi, pembinaan struktur di sepanjang

perairan sungai dan pantai negeri Selangor perlu dikawal dan dipantau bagi memastikan persekitaran sumber air tidak mengalami kesan yang buruk akibat aktiviti pembinaan-pembinaan ini. Itu dia punya jawapan.

Dan daripada jawapan ini, kenapa LUAS tidak ghairah dalam konteks penguatkuasaan? Jawapannya kita telah meminta LUAS untuk berjumpa dengan pemilik-pemilik itu nak menerangkan kuasa LUAS dalam hal ini supaya sama-sama dapat menyelesaikan perkara ini.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan kuasa yang diperuntukkan oleh LUAS itu dalam enakmen, saya tidak ada masalah. Tapi dalam proses penguatkuasaan itu, dalam tempoh kerajaan merangka satu garis panduan untuk memantau, mengawal selia semua pelantar-pelantar ikan di kawasan nelayan khususnya di Sekinchan dan kawasan sebagainya. Kenapa LUAS begitu ghairah tidak menunggu selepas garis panduan dan perbincangan dilakukan, satu pendekatan yang lebih bijaksana dan berhemah dilakukan, barulah kita lakukan tindakan susulan. Dalam Hari Raya, hari yang kelima dia datang untuk nak roboh.

TUAN SPEAKER: Soalan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Soalan saya, kenapa LUAS begitu ghairah dan adakah ini kerajaan bagi signal supaya dia buat kerja tersebut dengan begitu efektif dalam masa (semasa) Hari Raya juga dia datang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Sekinchan dari segi pelaksanaan. Saya rasa itulah kita sekarang kena dapat mengimbangkan antara kuasa undang-undang dengan kuasa pelaksanaan. Jadi, undang-undang memang ada. Ada kalanya walaupun undang-undang ada, tapi orang tak mengikut undang-undang. Itu pun ada. Jadi, bagaimana satu-satu jabatan untuk menyelesaikan supaya pelaksanaan itu dapat ataupun pemantauan ataupun penjagaan undang-undang itu dapat dibuat? Itu. Saya rasa yang perlu berlaku ialah persefahaman antara dua pihak iaitu satu pihak yang kalau dia dah faham tentang undang-undang tersebut, barulah kita juga beritahu dia apa tindakan yang dibuat.

Saya nak bagi contoh mengapa EXCO telah membuat beberapa keputusan mengenai TOL. Ada TOL yang orang dah bayar tiap-tiap tahun, tapi kita dapati apabila dia membayar TOL tiap-tiap tahun, dia merasakan dia memiliki harta tersebut. Tapi jika kerajaan negeri perlu tanah tersebut, kerajaan negeri kena memberi notis kepada mereka. Cara notis yang terbaik kepada mereka ialah kerajaan tidak menerima bayaran TOL lagi. Itu cara dia dan memberi mereka notis kalau dia setuju untuk hanya berada satu tahun, barulah kita bagi TOL tersebut.

Jadi, maknanya kita mesti ada berapa teknik perbincangan supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Jadi, saya faham dan saya telah meminta Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri menasihati pegawai-pegawai supaya pelaksanaan (dan itu) dapat dibuat dengan penuh berhemah tetapi jangan dibiarkan lagi (kita tidak boleh membiarkan lagi). Kalau membiarkan lagi, memang sukar untuk melaksanakan kerja-kerja ini.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 184.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)

TAJUK : KENDERAAN RASMI MBPJ

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapa kenderaan MBPJ yang bukan dari Jabatan Penguat kuasa (contoh Jabatan Sukan) menggunakan cermin hitam?
- b) Adakah tindakan ini mendapat kelulusan JPJ dan kerajaan negeri?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, peraturan mengenai cermin hitam pada kenderaan ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan Raya. Dan bagi kenderaan kerajaan, sekiranya hendak menggunakan cermin hitam ia memerlukan kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Awam dan bagi mereka yang tidak memperolehi kelulusan daripada jabatan berkenaan, maka mereka terpaksa menghadapi tindakan daripada pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang tersebut.

TUAN SPEAKER: Seri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan 185.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK: BANJIR DI JOHAN SETIA

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besa :-

- a) Bilakah projek kolam tadahan akan dibina seperti di pohon melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK)?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah melaksanakan kajian *Drainage Master Plan* untuk bandar Klang dan hasil daripada kajian tersebut, tidak dicadangkan pembinaan kolam tadahan di kawasan Johan Setia. Hasil kajian ini digunakan sebagai panduan dalam perancangan pelaksanaan projek-projek pembangunan di JPS.

Kebanyakan pembinaan kolam takungan di daerah Klang dibangunkan oleh pemaju bagi kawasan yang melebihi 25 ekar yang mana bagi pelaksanaan pembinaan kolam tadahan tersebut telah disyaratkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan semasa proses kelulusan kebenaran merancang dilakukan.

Manakala bagi kawasan pembangunan yang tidak lebih daripada 5 ekar, pemasangan *On Site Detention* ataupun OSD secara individu mengikut bilangan kediaman perlu dibina oleh pihak pemaju bagi tujuan pengumpulan air hujan yang turun ataupun *stormwater* dan disimpan buat sementara waktu dan sebelum dilepaskan secara perlahan-lahan supaya ia tidak mengakibatkan masalah banjir di kawasan hilir dengan berdasarkan ulasan teknikal yang dikeluarkan oleh pihak JPS negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, pihak JPS negeri Selangor sentiasa memantau sistem perparitan di kawasan Kampung Johan Setia daripada masa ke semasa. Selain daripada itu, rancangan dan pelaksanaan kerja-kerja tebatan banjir turut diberi penekanan khususnya di kawasan Kampung Johan Setia adalah seperti butiran di bawah ini :-

- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ke atas parit-parit yang berada di dalam kawasan-kawasan berisiko banjir;
- (ii) Kerja-kerja penyelenggaraan parit dijalankan mengikut keadaan penjadualan pengorekan iaitu dalam tempoh paling kurang sekali dalam masa setahun mengikut keadaan semasa di tapak;
- (iii) Pemantauan dan pemeriksaan di kawasan parit-parit di dalam kawasan Kampung Johan Setia secara lebih kerap.

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 186 telah dijawab bersekali dengan soalan 129.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker. Tuan Speaker, belum lagi.

TUAN SPEAKER: Belum lagi?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Belum.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Silakan Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Dari Meru ke Sabak Bernam, soalan nombor 186.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK: KILANG-KILANG HARAM

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa dan senaraikan yang wujud selepas 2008 hingga 2014 di kawasan Majlis Perbandaran Klang?
- b) Senaraikan masalah-masalah yang dihadapi dalam proses pemutihan kilang-kilang tersebut dan langkah-langkah untuk mengatasinya.
- c) Bagaimanakah dapat dipastikan kawalan pembuangan sampah dan sisa pepejal kilang-kilang ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Meru. Tuan Speaker, sejumlah 192 kilang tanpa kebenaran telah wujud selepas tahun 2008 hingga tahun 2014 di kawasan Majlis Perbandaran Klang dan senarai itu saya akan bagi secara lisan kepada Y.B. Meru selepas ini.

Dan antara punca atau masalah pemilik tanah dan pengusaha kilang gagal memohon program pemutihan adalah seperti berikut :-

- (i) Pemilik tanah telah menyewakan tanah kepada pengilang-pengilang dan ia merupakan sumber pendapatan utama kepada mereka. Ini menyebabkan pemilik tanah enggan menyertai program pemutihan kerana tidak mampu untuk membayar premium;

- (ii) Pemilik tanah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman bank kerana tempoh pajakan yang hampir luput dan usia pemilik tanah yang telah berumur;
- (iii) Satu hak milik yang mempunyai pemilikan tanah yang ramai merupakan salah satu pemilik tanah tidak dapat membuat permohonan tukar syarat kerana sukar untuk mendapat persetujuan semua pemilik tanah.

Dari segi kawalan pembuangan sampah dan sisa pepejal kilang tanpa kebenaran adalah mengikut peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang sedia ada iaitu mereka perlu melantik kontraktor untuk menguruskan sampah dan sisa pepejal yang dihasilkan sendiri. Sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul di bawah Peraturan Tetap 17(1) oleh Y.B. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawa usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahwasanya Dewan yang mulia ini menggesa Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar Selangor mengambil tindakan segera bagi menamatkan pencatuan air dan membekalkan semula air kepada pengguna-pengguna seluruh Negeri Selangor, Lembah Klang dan Wilayah Persekutuan serta kawasan-kawasan yang terlibat sehingga menyebabkan kesusahan, kepayahan dan penderitaan rakyat dalam mengharungi kehidupan harian mereka. Perkara ini tertentu berhubung langkah pencatuan air yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di kalangan pengguna dan rakyat Negeri Selangor, Lembah Klang dan Wilayah Persekutuan serta kawasan-kawasan yang terlibat. Perkara ini hendaklah disegerakan kerana perlu disegerakan kerana tindakan pencatuan ini telah lama berlaku serta perlu dihentikan segera dan air perlu kembali disalurkan kepada rakyat. Perkara ini berkepentingan orang ramai kerana pencatuan air melibatkan ramai rakyat di Negeri Selangor, Lembah Klang dan Wilayah Persekutuan serta kawasan-kawasan terlibat sehingga kekurangan bekalan air telah menyebabkan kesusahan, kepayah dan penderitaan rakyat dalam mengharungi kehidupan harian mereka.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya telah menerima dan mempertimbangkan usul menangguhkan Dewan Di bawah Peraturan 17(ii) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan daripada Yang Berhormat Sungai Burong. Saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati 3 syarat yang diperuntukkan Di bawah Peraturan 17(i) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan iaitu:

Satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian menurut Peraturan 17(3)(a) Peraturan Tetap Dewan, saya dengan ini menangguhkan tempoh ini sehingga 2.30 petang hari ini.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Sambungan Usul No. 6 Tahun 2014 Usul di Bawah Peraturan Tetap 26(i) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan Yang Berhormat Permatang untuk menyambung perbahasan. Tolong ringkaskan ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan sebelum saya meneruskan ucapan ini bagi pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat DUN Barisan Nasional, kita juga ingin merakamkan Ucapan Takziah kepada Y.B. Ahli Parlimen Jelutong Yang Berhormat Karpal Singh yang terlibat dalam kemalangan telah meninggal dunia pada malam tadi. Jadi bagi pihak DUN BN kita mengucapkan takziah kepada keluarga beliau dan juga bersabar dengan apa yang telah ditentukan oleh Tuhan.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin meneruskan ucapan saya, perbahasan saya dengan membuat beberapa kesimpulan dengan apa yang telah saya hujahkan semalam mengenai usul Kampung Tunku berhubung dengan desakan kepada kerajaan agar tidak memberi kelulusan kepada Langat II. Yang mana semalam saya telah memberikan hujahan saya bagaimana kita rakyat Selangor hari ini berasa amat dukacita dan kecewa dengan usul ini. Walau bagaimana pun saya ucapkan terima kasih kepada Kampung Tunku. Sungguh pun saya tidak menyokong usul ini tetapi jelas dengan kemunculan usul ini rakyat Selangor dapat melihat siapa sebenarnya individu-individu atau pun orang-orang yang cuba menggagalkan rakyat Selangor untuk mendapat bekalan air yang sewajarnya. Sudah jelas apabila usul ini dikemukakan, akan mengecewakan bukan sahaja kami di kalangan ADUN-ADUN Barisan Nasional malah seluruh rakyat Negeri Selangor dalam keadaan kita memerlukan air, dalam keadaan kita memerlukan berbagai bentuk sokongan, tindakan-tindakan daripada pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini, ada usul-usul yang sebegini. Saya ingin simpulkan beberapa perkara. Yang pertama, saya nak menyentuh mengenai apa yang dikatakan oleh Sekinchan bahawa desakan Sekinchan menyokong supaya kelulusan ini tidak diberi kerana dengan alasan tidak dirunding dengan pemimpin-pemimpin parti di kalangan Pakatan Rakyat. Jadi saya ingat Sekinchan kena berfikir terbukalah. Ini hak rakyat bukan mesti mendapatkan keperluan untuk mendapat sokongan daripada ahli-ahli parti. Ini hak rakyat kalau boleh biar. Jelas sekali bahawa di sebalik penjelasan ini parti politik.

TUAN SPEAKER: Permatang, Sekinchan nak mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Permatang. Saya rasa Permatang keliru dengan hujah saya. Semalam di mana saya hanya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar berwaspada. Kerjasama daripada pihak Kerajaan Persekutuan kita alu-alukan. Cuma rekod yang lalu, peristiwa yang lalu mematangkan kita, mendewasakan kita. Jadi kita harus berhati-hati dalam konteks ini jadi saya tidak menghalang, cuma harus berhati-hati dan berwaspada jadi Permatang jangan cuba nak speen lagi.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tapi di sebalik berhati-hati tu ada minta kerana tak berunding. Itu saya masih ingat, saya boleh tengok *hansard* dia orang. Kalau itu saya dah bagi jawapan. Kedua, saya ingat, Kampung Tunku saya ingat saya teruskan dululah..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bagi.

TUAN SPEAKER: Permatang, lepas ini saya bagi 5 minit ya, untuk ringkaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya tak pasti sama ada Permatang ini tahap pemahaman Bahasa Malaysia dia mencapai kelulusan minimum atau tidak yang saya tulis di sini, usul saya ialah selagi tidak di muktamadkan dari segi kos khususnya komitmen tanggungan yang akan dikenakan kepada kerajaan rakyat negeri Selangor. Saya tidak bercadang untuk menolak secara bulat-bulat. Tetapi sekiranya ia melibatkan tanggungan atau pun melibatkan kepentingan rakyat Negeri Selangor, ianya perlu diteliti. Saya kata, saya belum habis lagi Yang Berhormat. Saya teruskan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Permatang mengapa perkara yang seperti ini mudah tidak dapat difahami dengan begitu lengkap Yang Berhormat. Yang kedua, saya ingin bertanya

TUAN SPEAKER: Baiklah Kampung Tunku, Permatang sudah faham.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya takut tidak faham. Saya takut Permatang tidak faham. Saya nak tanya Yang Berhormat Permatang, kos ini melibatkan kepentingan rakyat kalau kita terpaksa membayar kos yang lebih mahal. Bergaduh... Jawab, jawab di Dewan yang mulia ini. Jangan main-main...

TUAN SPEAKER: Ok, saya minta semua duduk. Semenyih tolong duduk. Kampung Tunku duduk, Permatang, 5 minit ringkaskan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Enam (6) tahun dah bagi Dewan, Tuan Speaker, 6 tahun kita dah bagi peluang berhujah mengenai kepentingan rakyat, apa lagi nak tangguh. Nak tunggu nak tambah lagi 5 tahun, biar jadi 11 tahun. Isu saya nak sebut juga pasal Seri Andalas sebut pasal kenapa pula pasal wasiat. Tak perlu sepatutnya kalau tempoh 6 tahun diberi berunding dengan pihak konsesi, 6 tahun diberi untuk berunding dengan pihak konsesi.

TUAN SPEAKER: Teruskan kita ada banyak usul lagi, nanti nak bahas catuan air, jadi saya bagi 5 minit, cepat ringkaskan. Mohon-mohon.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya mengharapkan supaya kita nak tengok kalau boleh Seri Andalas ni beri jawapan. Dulu waktu jadi EXCO di bagi peluang mewakili kerajaan cerita fasal air, tak mengaku air akan menjadi masalah, tiada krisis air, tak berlaku air banyak pergi ke empangan. Tunjuk air banyak, air melimpah-limpah dan hari tengok, Yang Berhormat semua tengok apa yang berlaku krisis air. Dia kata tidak akan berlaku 2014, 2018, 2020 tetapi hari ini terbukti. Saya tak tahu mana Seri Andalas, dia pergi, pergi kempenlah kot. Tapi takpelah saya sekurang-kurangnya saya nak tunjuk kepada Dewan ini bahawa peri pentingnya mesti kita beri sokongan kepada Kerajaan Negeri supaya Sungai Langat II ini diteruskan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada fikiran saya minta maaf kalau saya tak betul, ada RM11.6 bilion di tangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk berunding dengan pihak konsesi. RM9.6 bilion jangkaan aset atau pun tawaran yang diberikan oleh pihak Yang Amat Berhormat, saya tahu dengan tawaran RM9.5 bilion, sudah tentu Yang Amat Berhormat sudah memikirkan di mana akan dapat sumber pinjaman atau pun sebagaimana sudah tentu ada. Kerajaan Persekutuan bagi lagi RM2 bilion bukan pinjaman. Saya tak benarkan nanti dulu. Bagi lagi suntikan RM 2 bilion supaya Yang Amat Berhormat ada RM11.5 bilion. RM11.5 bilion boleh gunakan untuk berunding dan kalau boleh belikan saham-saham. Kerajaan Negeri ada dalam SYABAS, ada dalam SPLASH, ada dalam ABASS, saya fikir jumlah itu akan berkurang jika ditolak lagi dengan saham yang dibeli oleh kerajaan negeri. Jadi pada saya tidak ada sebab kita tidak boleh segerakan rundingan ini kerana hari ini rakyat memerlukan air. Rakyat di luar sana, Kampung Tunku dia tak kira apa berlaku dalam Dewan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Permatang nak bagi laluan atau tidak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bagi Sungai Buronglah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Permatang. Terima kasih Tuan Speaker kerana beri laluan. Saya nak bertanya dan minta penjelasan kepada Permatang. Dengan kita melengah-lengahkan projek ini, sebenarnya ya kita akan melibatkan kos, masa sekarang akan bertambah, kelewatan untuk membina Langat II jadi ini oleh kerana menangguhkan ini juga apabila ditenderkan kosnya lebih dibandingkan dengan 5 tahun dulu sekiranya dibuat. Jadi dengan melengah-lengahkan ini akan menjadi kos yang tinggi kepada rakyat. Dan kita rakyat telah pun dalam masa 6 tahun kita menderita. Mengapa kita

tidak selesaikan masalah ini dan saya ingin bertanya penjelasan ini daripada Yang Berhormat Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Sungai Burong. Saya percaya kalau 5 tahun lepas kita bermula Langat II, kosnya mungkin RM1x aman tetapi bila kita nak bina di masa yang akan datang, mungkin minggu depan, bulan depan, tahun depan kos barangkali bukan kata barangkali saya yakin kosnya lebih berbanding dengan kos sebelum 2008 atau pun pada tahun 2008 dahulu. Bayangkan juga perbelanjaan terpaksa kita gunakan. Hari ini kos sudah meningkat. Itu terima kasih Sungai Burong kerana menjelaskan juga membantu dari segi kos ini. Juga saya nak minta kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita daripada Barisan Nasional, kita amat menyokong sebab kita tak nak rakyat terus menderita. Kita tak nak rakyat terus sengsara. Hari ini pun kalau ikut kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kemungkinan malam tadi saya tengok laporan di Televisyen, di media-media sosial kemungkinan sampai bulan puasa, hari raya besok pun mungkin catuan air akan berjalan. Sampai bila rakyat nak menanggung kesengsaraan ini. Apa rancangan-rancangan kita, rakyat di luar tak nak tahu apa kos ke, apa masalah ke, dia nak air. Itu yang rakyat nak. Yang kita kena fikir bersama sebagai Ahli Dewan kita wajib mendapatkan satu persetujuan, satu pandangan yang mesti kita putuskan dalam Dewan ini dan kalau boleh berakhir saja Dewan ini sudah ada kata putus, Langat II akan dibina, bila masanya akan berjalan. Itu yang kita nak yang rakyat nak tahu. Jadi soal janji saya ingat pasal Balakong semalam,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras nak mencelah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Isu air juga. Boleh bahaskan. Saya ada 5 minit ni.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Permatang nampak sayang pada Selangor inilah dan seolah-olah kerajaan tidak mengambil apa-apa langkah. Soalan saya kepada Permatang, kalau wakil rakyat daripada BN benar-benar mengambil berat tentang isu air ni, Langat II, apakah wakil rakyat daripada BN telah berjumpa dengan Menteri yang berkenaan seluruh yang ada dalam Dewan ini telah berjumpa dan berbincang bagaimana nak bantu rakyat Selangor, ada atau tidak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya dari semalam sampai pagi ini Yang Berhormat tak nampak ya, semalam Yang Berhormat tak datang kot. Saya dah cakap dah macam-macam. Kita dah bagi RM2 bilion, kita dah bagi penjelasan. Bagi air, Tolong fikir air tu bagi tong itu secara umumnya lah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalannya ada tak wakil rakyat daripada BN yang jumpa dengan Menteri berhubung dengan isu ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Hampir tiap-tiap bulan Yang Berhormat, tiap-tiap bulan daripada Kementerian beri taklimat bagaimana kita nak bawa. Kita bawa dalam usul dalam Dewan pun telah menunjukkan itu sumbangan Kerajaan BN atau pun wakil rakyat BN pertahankan atau minta supaya isu air ini disegerakan. Itu sumbangan kita, dah jelas secara dasar itu sahaja Tuan Speaker.

Minta maaf apa ni, Seri Andalas pun dah jelas, bohong rakyat. Dia kata, air banyak, air melimpah. Bila orang tanya kenapa tak minta Negeri Sembilan tawarkan nak bagi bantuan air kalau boleh salurkan ke Negeri Selangor. Oh Negeri Sembilan tak payah jaga negeri sendiri, cukup. Tapi payah nak tolong. Hari ini Yang Berhormat kita kena fakir, apa langkah kita nak bantu rakyat dari segi air ini. Apa kontingenensi plan kita dengan izin. Dalam keadaan rakyat yang sangat perlukan. Sudah berapa bulan kawan saya Dengkil. ada ini tak tahu berapa hari tak mandi ni. Ketawa.... Minta maaflah Dengkil, sebab dia kata dia paling lama tu. 3 minggu lebih tak ada air. Tapi saya percaya dia mandilah. Jadi bayangkan kesengsaraan ini kalau kita teruskan, melengah-lengah lagi nak tangguh lagi Langat 2, kita lagi nak tolak tarik dengan isu ini. Bagi saya soal membeli aset air tak menjadi masalah. Boleh diuruskan. Dan saya rasa dengan kebolehan, ketokohan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menguruskan isu-isu besar negara kita dari segi pemulihian saya rasa yakin isu ini boleh diselesaikan dengan kadar yang segera. Dan saya ingat Balakong nanti boleh hujahlah. Semalam saya tengok nak kata Kerajaan Barisan Nasional semalam tak mungkin jadi, mungkin jadi apa, saya nak tanya, yang semalam Yang Berhormat Balakong kata ok, apa dia, apa yang Kerajaan Barisan Nasional boleh menipu Kerajaan dari sudut apa, saya nak tahu.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Siapa mencelah, siapa berbahas?. Ketawa....

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Saya minta penjelasan sedikit daripada Permatang. Tengok kita macam dah terperangkap dalam suatu keadaan, kerajaan negeri mesti beri kelulusan dulu. Saya percaya semua Ahli Dewan dalam Dewan ini ikhlas nak selesaikan isu air ini. Kenapa tidak boleh pihak Kerajaan Pusat selesaikan penstrukturran air semula air dulu baru kemudian kerajaan negeri beri kelulusan Langat II. Kenapa tidak boleh macam ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bila kerajaan negeri nak tolong selesai, Menteri Besar setuju MoU, MoU Yang Berhormat juga menentang. Itu yang saya hairan tu. Yang menentang bukan kita orang, kami tak menentang. Ini-ini Pakatan Rakyat ini yang menentang ini penyokong-penyokong kerajaan. Kerajaan ikhlas saya percaya. Memang kena selesaikan. Yang menentang yang batu apinya Yang Berhormat semua. Bukan kami, kami nak. Kami nak air. Jadi saya nak mintalah kepada pihak-pihak rakan-rakan kita hari ini.

TUAN SPEAKER: Minit terakhir, simpulkan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bila direkodkan dalam dewan ini, biar jelas dalam dewan ini, inilah rakyat negeri Selangor kalau ada secara langsung TV Selangor jelaskan kepada rakyat, siapa sebenarnya yang menghalang supaya rakyat Selangor mendapat air. Ha inilah sebenarnya tuan-tuan isu-isu yang dibawa ini ha inilah buktinya hari ini bahawa penyokong-penyokong kerajaan inilah yang menyebabkan Langat 2 tidak dapat dibina. Dan akhirnya Tuan Speaker, saya nak beri ruang kepada rakan-rakan lain, saya dengan rasa, dengan rasa rendah dirilah saya seru dan saya melontarkan ini ayat saya, melontarkan Kajang tak ada minta maaf nak sebut depan Kajang kalau boleh Kajang ada nak melontarkan kalau masalah yang rumit dunia tak boleh selesai tapi Penasihat Ekonomi boleh selesai dengan satu minit boleh jumpa MH3 satu saat 370 MH370 saya melontarkan, saya bagi satu minit untuk Penasihat Ekonomi Selangor selesaikan krisis air di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa minta mencelah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta, saya beri satu minit kepada Penasihat Ekonomi selesaikan pula krisis air di Selangor.

TUAN SPEAKER: Permatang Bukit Antarabangsa minta mencelah. Bagi ke tidak.

Y.B. TUAN MOHAMMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Permatang. Inilah pembohongan yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional. Dato' Sri Anwar Ibrahim tak pernah mendakwa dia boleh selesai dalam satu saat. Apa yang dimaksudkan ialah kegagalan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional untuk bertindak dengan segera dalam kes kemalangan MH370. Dia tak sebut dalam satu saat boleh selesaikan semua masalah. Tetapi mengapa UMNO mengambil masa yang terlalu lama kerana kecuaian, kelembapan dan ketidaktelusan UMNO dan Barisan Nasional. Itu yang dimaksudkan. Jangan bawa isu ini dalam dewan ini nak putar belitkan kenyataan yang sebenarnya. Jadi saya minta Permatang berhati-hati.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak, saya tak kalau pun tak satu Malaysia

Y.B. TUAN MOHAMMED AZMIN BIN ALI: Kalau, kalau boleh Permatang ulang di luar jadi kita boleh ambil tindakan pada Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak beritahu kepada Bukit Antarabangsa kalau satu minit tak cukup saya nak minta penasihat kewangan Selangor sila muncul ke hadapan dan selesaikan krisis air di Selangor ini. Tolong bantu rakyat Selangor. Itu saya nak jelaskan.

Y.B. TUAN MOHAMMED AZMIN BIN ALI: Kalau nak suruh muncul kenapa halang dia bertanding di Kajang. Kalau UMNO berani jangan halang Dato' Seri Anwar bertanding

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tiada siapa yang halang, dia tak layak bertanding.

TUAN SPEAKER: Permatang, Bukit Antarabangsa bangkitkan sebab Permatang yang bangkitkan tadi sampai isu kapal terbang. Jadi kita bagi kelonggaran Permatang sentuh pasal isu kapal terbang, jadi kalau Bukit Antarabangsa nak mencelah itu hak Bukit Antarabangsalah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak habis dah Tuan Speaker bagi laluan.

TUAN SPEAKER: Memang saya bagi laluan tadi. Saya bagi lima minit ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Jadi dengan ini saya apa ni menggulung ucapan saya dan saya amat mengharapkan akhirnya bagi pihak rakan-rakan Barisan Nasional kita mengharapkan rakyat Selangor mengharapkan seluruh negara mengharapkan sebab kesan ini bukan sahaja kepada rakyat, kepada industri, kepada pelaburan, kepada pembangunan dalam negeri kita kalau tak dapat diselesaikan dalam tempoh yang terdekat ini pelan-pelan kontingensi kita kena kemukakan kepada rakyat, biar rakyat tahu bagaimana perlu pentingnya air ni kepada rakyat untuk jangka panjang, bagaimana pelabur-pelabur akan datang melihat ini sebagai kriteria kalau mereka nak melabur tak ada bekalan air yang mencukupi, bagaimana mereka nak dapat. Jadi ini akan memberi.

TUAN SPEAKER: Ok. ok simpulkan cepat ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih beri peluang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hari ini kaget terkejut, terperanjat kerana tiba-tiba sahaja ADUN-ADUN BN UMNO khususnya sangat prihatin tentang air di Selangor. Selama ini Dato' Menteri Besar dengan kertas putih menggambarkan dan menceritakan penderitaan beliau menulis surat kepada Menteri-Menteri, kepada Timbalan Perdana Menteri tidak berjawab. Betul Tan Sri. Membisu tak jawab.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat kalau nak mencelah, mencelah ya minta laluan, kalau nak buat bising, buat bising di luar ya. Teruskan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Bertahun-tahun Dato' Menteri Besar dan kami daripada Pakatan Rakyat menanggung penderitaan ini. Tidak tak dapat layanan, tidak dapat perhatian bahkan lebih awal lagi sepatunya dengan, dengan pengakuan sendiri BN tentang penswastaan air gagal. Telah mencipta satu undang-undang yang bernama WSIA agar mengambil alih dalam bentuk yang terhormat *billout* penswastaan air di negeri-negeri. Dengan kuasa pusat untuk menggunakan kuasa pusat untuk mengambil alih aset air untuk dikendalikan balik kepada negeri. Dan kita dapat bahawa WSIA sepatutnya selesai pada 2008, 2008 apabila dengan undang-undang WSIA kerajaan negeri patut menerajui penstrukturran air semula. Tapi tidak dapat sokongan. ADN-ADN BN UMNO membisu tak mahu beri sokongan. Betul atau tidak. Jadi ini satu perkara yang.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya cuma nak

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang Sungai Burung nak mencelah.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Hulu Kelang ini pakai *Mike* lain daripada *Mike* yang disediakan.

TUAN SPEAKER: Itu atas permintaan khas. Permintaan khas.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: *Mike* dah ada pakailah yang ada.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong itu atas permintaan khas daripada Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ada yang cemburu ke. Ada rasa cemburu. Tak perlu minta maaf, tak perlu minta maaf. Tetapi saya menyatakan inilah sikap tabiat berpura-pura yang dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional. Isunya hari ini adalah persoalan pertama yang saya bimbang ialah di antara MOU dengan *Agreement*, dengan izin. Apa yang dimaktubkan oleh Menteri Besar adalah MOU tapi MOU ini masih terbuka, masih ada ruang-ruang yang boleh dirundingkan lagi. Tidak terikat sepenuhnya. Tapi pentafsiran pimpinan kerajaan persekutuan UMNO Barisan Nasional menganggap dan menggunakan media menyatakan ia adalah *agreement*, itu perjanjian dan sepatutnya dengan MOU ini komitmen kerajaan pusat berdasarkan kuasa yang terkandung dalam WSIA adalah untuk menyelesaikan *selling buyer* dan *willing buyer* dalam konteks penstrukturran air. Tetapi hari ini seolah-olah apabila *agreement* itu dianggap sebagai *agreement* kerajaan negeri terpaksa menyelesaikan perkara ini dan inilah yang saya bimbang. Dewan yang mulia ini lah yang saya bimbang kerana pentafsiran itu berbeza. Selagi mana pentafsiran ini tidak dapat kita selaraskan di mana apa yang dikatakan MOU itu MOU sebagaimana yang didekah oleh Bukit Antarabangsa baru-baru ini dalam pertemuan beliau dengan Timbalan Perdana Menteri mengatakan urusan air urusan

Selangor kena selesaikan. Jadi ini adalah tidak adil dan saya yakin inilah yang cuba dipaparkan oleh UMNO Barisan Nasional di Selangor seolah-olah mereka wira membela dan memperjuangkan air di Selangor sedangkan mereka berhasrat untuk memerangkap agar program ini gagal. Jadi dengan ini saya ingin sebagaimana yang dinyatakan oleh Sekinchan bahawa pihak kerajaan hendaklah berhati-hati waspada, waspodo dalam konteks penstrukturan air semula. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin menyertai perbahasan di bawah usul yang dibawa oleh Kg. Tunku tentang hasrat beliau untuk mendesak kerajaan negeri tidak memberi kelulusan kepada kerajaan persekutuan untuk membina Langat 2. Namun amat malang sekali pihak pembangkang UMNO dan Barisan Nasional telah memutarbelitkan usul yang di bawa oleh Kg. Tunku, seolah-olah kita ini tidak mahu pembangunan untuk rakyat negeri Selangor. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita tidak menolak pembangunan, kita mahu pembangunan khusus nya untuk rakyat Negeri Selangor itu diberikan keutamaan, namun pembangunan itu mesti diasaskan kepada prinsip ketelusan, keterbukaan, supaya akhirnya yang dapat manfaat ialah rakyat di negeri Selangor. UMNO juga bicara soal pembangunan, seolah-olah mereka ini juara kebajikan rakyat tetapi mereka lah sebenarnya yang telah merompak hak rakyat selama 50 tahun sebelum ini. Yang beri air percuma ini bukan UMNO. UMNO dah perintah puluh tahun dah tak pernah teringat nak bagi air percuma kepada rakyat negeri Selangor. Yang dapat air hujan, air parit. Tetapi air bersih percuma ini diberikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat semenjak kita mengambil alih tahun 2008.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa bagi laluan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nak cerita air di Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ialah saya tadi tertarik sebab apa lama dah ketua penyokong dia tak muncul, dia kadang muncul, kadang tak muncul, agaknya sibuk dengan kempen tak apa, saya ingin dapat penjelasan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ini bagi laluan, dia buat tuduhan fitnah. Biar saya jawab.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingin penjelasan tadi dikatakan masalah air, masalah air dia kata apa ni kerajaan Barisan Nasional tidak peka dengan masalah air, tapi sebenarnya kita dapat menyelesaikan masalah air bukan saja di negeri Selangor, banyak di negeri-negeri lain sebagai satu tanggungjawab kerajaan untuk membantu rakyat di negara ini, itu yang bersetuju atau tidak perkara

ini. Kalau kita jarang konteks dengan Selangor. Yang kedua saya nak ingat penjelasan ya, kalau misalnya ialah kita, saya bersetuju bahawa kerajaan Pakatan Rakyat telah bagi air percuma ya, tapi air percuma ini hanya untuk menyelesaikan masalah sepatutnya pada golongan orang yang berpendapatan rendah ya, apakah mungkin ini sebagai satu orang kata kempen pilihanraya sahaja ya untuk memberikan *goodies* kepada rakyat di negeri Selangor. Tetapi, tetapi yang perlu difikirkan ya dalam jangka panjang Yang Berhormat Bukit Antarabangsa ada sebut pembangunan adalah penting ya, tapi dalam masa yang sama juga tidak difikirkan bagaimana kita harus menyelesaikan isu air dari segi pembangunan, keperluan-keperluan untuk memenuhi pembangunan pertama dari segi penduduk yang semakin bertambah. Ya, keperluan daripada pembangunan industri di negeri Selangor semakin bertambah patutnya kena ada pelan alternatif yang perlu di bentangkan supaya telahan-telahan itu dapat yang diramalkan pada peringkat awal pada tahun 2006, 2008 dulu untuk menyelesaikan masalah air tidaklah menjadi krisis pada pagi ini. Ha ini menunjukkan bahawa pembangunan ini tidak difikirkan, kerana itu, yang ketiga saya nak bertanya kepada lepas ini mungkin tidak dibagi ke atau pun di bagi terpulang tapi saya nak yang ketiga ini ya, dari segi bila dan bagi apa ini keadaan krisis ini kena kerajaan apa ini kita nak bagi supaya perkara ini diselesaikan, kita tak nak tangguh-tangguh sepertimana akhirnya rakyat akan orang kata menderita sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Oleh kerana ada krisis.

TUAN SPEAKER: Tolong ringkaskan celahan Yang Berhormat ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya.

TUAN SPEAKER: Ringkaskan celahan Yang Berhormat. Atau cerita dalam berbahas pula.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih. Yang pertama Sungai Burong menyatakan program air percuma di Selangor ini dilakukan oleh Pakatan Rakyat tetapi UMNO pun melakukan banyak program-program untuk membela rakyat dari konteks pemberian perkhidmatan air di negeri yang lain. Tetapi Yang Berhormat Sungai Burong kena tahu Johor yang ditadbir oleh UMNO berpuluh tahun memberikan kadar air takrif yang paling tinggi dalam dunia. Menjual air mentah kepada Singapura dengan harga yang paling rendah, tapi menjual air bersih kepada rakyat sendiri dengan kadar paling tinggi. Hidup Melayu. Ha itulah dia yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Tapi kita di Selangor bukan kadar rendah percuma kita beri termasuk Sungai Burong dapat, Kuang pun dapat bersyukurlah. Ya. Kalau, nanti-nanti biar saya jawab dulu.

TUAN SPEAKER: Kuang minta laluan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Biar, biar saya respons dahulu. Biar saya respons dulu.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sebenarnya Kuang nak berbaik-baik. Tuanku suruh berbaik-baik tapi dan sebut Kuang tu.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Baiklah tu maknanya kita beri air kepada Kuang, tak boleh ke.

TUAN SPEAKER: Inilah *floor* Bukit Antarabangsa. Jadi kalau dia tak bagi tak boleh, kalau dia bagi boleh. Itu terpulang.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya bagi, tapi biar saya jawab Sungai Burong dulu ya.

TUAN SPEAKER: Ok.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya jawab Sungai Burong dulu. Kita suruh dia bersyukur pun salah. Baik yang kedua Sungai Burong kata apa jalan penyelesaian. Jalan Penyelesaian tak semestinya dengan bina Langat 2. Kita tidak pernah sebut tidak akan bina Langat 2 tetapi apakah ada keperluan mendesak untuk membina 2 Langat sekarang. Sebab ada beberapa isu lain yang perlu kita teliti terlebih dahulu. Pertama apakah Sungai Burong pernah teliti masalah NRW di negeri Selangor *Non Revenue Water* yang kadarnya terlalu tinggi 34% dan dalam perjanjian di antara SYABAS dengan Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh UMNO telah menjanjikan yang telah dikeramatkan dalam perjanjian ini ialah SYABAS bertanggungjawab menurunkan kadar NRW ini kepada 20% pada tahun 2012, tetapi apakah dilakukan, tidak apakah tindakan diambil? Tidak sebab Syabas Kroni UMNO dan Barisan Nasional. Tetapi kalau ada usaha untuk mengurangkan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak minta penjelasan kenyataan tadi.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nanti dulu bagi saya jawab dulu. Kalau ada satu usaha untuk menurunkan NRW daripada 34% kepada 20% kita dah selamatkan 14% dan dengan margin rizab yang kita ada sekarang 34 loji rawatan. Saya percaya tidak ada keperluan mendesak untuk membina Langat 2 pada hari ini. Mungkin 5 tahun yang akan datang, mungkin 10 tahun yang akan datang tetapi kita kena *set our priority*. Itu yang pertama jadi saya minta supaya isu NRW ini yang melibatkan ratusan juta ringgit bukan sedikit yang terbuang begitu sahaja paip tidak dibaiki, paip tidak diganti sedangkan ini semua ini dalam perjanjian yang ditandatangani di antara UMNO dengan SYABAS. Mengapa SYABAS tidak didesak untuk mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani oleh UMNO dan Barisan

Nasional. Ini jalan penyelesaian kita, kalau ini semua telah diselesaikan kita tidak ada masalah boleh duduk bincang nak bina Langat 2.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, Sg Burong.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nanti kejap, ada syaratnya di mana ketelusan. Apakah Sg Burong sedia untuk memastikan pembinaan Langat 2 ini dibuat secara tender terbuka.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Perkataan masa bahawa masalah yang telah dibangkit sejak dimulakan oleh sebab Kerajaan pada tahun

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ya, tapi tidak ada tindakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak telah ada cadangan masih belum *recorded*. Akhbar bagi kepada untuk mempastikan isu masalah pada masa itu 45%. Tetapi kemudian apabila perkara ini telah apa kata mula dilaksanakan melalui itu di tahan, telah diberikan untuk mengatasi masalah dan *revenue water*.

TUAN SPEAKER: Okey Sungai Burong ini giliran Bukit Antarabangsa, kalau nak lepas ini boleh berbahas. Kalau berbahas lagi

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Kerajaan Negeri telah berunding dengan Kerajaan Persekutuan meluluskan CAPEX RM2 bilion kepada SYABAS dan Puncak Niaga tetapi apakah dia guna untuk baiki paip? Apakah dia guna untuk ganti paip? Dia buat apa, pejabat yang mewah, kereta yang mewah, perabot yang mewah. Ini masalah yang kita hadapi, elaun yang mewah RM400,000 sebulan. Mana rakyat di negeri Selangor yang boleh dapat pendapatan begitu tinggi. Melainkan pendapatan SYABAS dan Puncak Niaga.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, Permatang meminta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Supaya ada ketelusan, sementara CAPEX itu kita boleh beri tetapi mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih. Bukit Antarabangsa. Saya ingat kita pun saya dengan Bukit Antarabangsa pun pernah terlibat juga mengenai isu CAPEX yang mana kita tahu, saya bukan nak membalikkan soalan dan sebagainya tapi soalannya ialah tahun 2009 dan 2012 surat daripada Kerajaan Negeri mengarahkan SYABAS supaya membekukan kerja-kerja pembaikan kecuali perkara-perkara atau pun kerja-kerja yang kritikal. Maknanya di situ Syabas terhalang untuk membuat kerja-kerja menurunkan NRW kerana tidak mendapat

kelulusan. Sebab kita kena sedia maklum kalau nak membaiki paip di dalam kawasan-kawasan Majlis pun perlukan kelulusan. Majlis jadi CAPEX dibekukan 2008 dan juga pada 2009 maka NRW tak dapat diturunkan, itu yang menjadi isu dia. Soal di mana SYABAS dapat dana sama ada nak membuat pinjaman atau pun secara *softloan* daripada Kerajaan Persekutuan. Itu yang dia kena bayar, soalnya jadi sekarang ini dia tak boleh buat kerana ada pembekuan ini.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Permatang, memang benar ada usaha untuk memberikan syarat-syaratnya lebih ketat kepada Syabas kerana kegagalan pihak SYABAS sebelum itu untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam penggunaan wang CAPEX tersebut. Tujuan Kerajaan negeri bersetuju dengan Kerajaan Pusat untuk melepaskan sejumlah wang bagi tujuan CAPEX ialah untuk pembaikan dan pemulihan paip-paip yang telah rosak dan bocor tetapi ini tidak berlaku. Maka kita minta ada satu perincian bagaimana perbelanjaan itu digunakan. Kegagalan SYABAS untuk mematuhi perkara ini tidak membolehkan Kerajaan negeri untuk berterusan. Kondo, excess dan perbelanjaan yang berlebihan begitu kerana akhirnya ia akan memberi kesan kepada rakyat. Jadi saya berharap sementara kita boleh mendukung pembangunan di Selangor termasuk pembangunan Langat 2 yang diminta dan didesak oleh Dewan ini ialah supaya ada ketelusan. Ada keutamaan yang diberikan. Ya soal catuan sekarang bukan berlaku di negeri Selangor sahaja, di negeri Perak, di Johor, di Melaka. Mengapa tidak menjadi isu tetapi kita di Selangor mahu perkara ini diasaskan kepada prinsip ketelusan, keterbukaan agar ianya dapat memberi pulangan kepada rakyat di negeri Selangor. Itu yang pertama, yang kedua tadi saya dengan Sg Burong dan Permatang berhujah, nak menjadi juara kos, kali pertama saya dengar UMNO *concern* tentang kos, yang lain tak peduli pun. *Submarine* RM500 juta hilang, tak apa radar pun tak boleh kesan. Radar yang tercanggih dalam dunia, tak boleh kesan. Saya pun pelik jadi yang kita nak ya betul kos, kita mahu tapi apakah Sungai Burong berani bagi tahu Kerajaan Persekutuan supaya mereka yang dianugerahkan tender untuk Langat 2 ini mestilah dibuat secara terbuka, berani, jaminan okey. Saya nak Sungai Burong kalau tak buat macam mana? Nak keluar UMNO?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh ini telah diberitahu bahawa pelaksanaan Langat 2 itu akan dilaksanakan secara terbuka. Apa nak dipertikaikan lagi? Tunggu sahajalah

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sebut tender terbuka.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tender terbuka, macam mana nak kata tak dibuat.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Bagi saya jawab. Saya mahu Sungai Burong dan rakan-rakan tegas dalam perkara ini supaya tender terbuka dibuat. Sebab pengalaman kita Kerajaan sebut ia tender terbuka tak buat pun. Tanah-tanah

Kerajaan Prime Land di Sg Besi, di Kuala Lumpur yang kononnya akan dibuat secara tender terbuka tak ada pun. Tapi diam juga sekarang ini Pengkalan TUDM di Sg Besi terlepas kepada kroni UMNO. Diam Pangkalan TUDM di Butterworth sudah terlepas ke kroni UMNO diam, di mana tender terbuka? Jangan cakap di sini tetapi di luar takut.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Baru naik dah kena turun balik. Okey, akhirnya saya nak beritahu, saya nak tanya dengan UMNO berani ke atau tidak desak Kerajaan Persekutuan supaya perjanjian dengan Kerajaan Negeri ini tidak terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan, berani? Ah..diamlah itu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat kena buatlah Parlimen, kami bukan Parlimen, kami DUN.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tadi berani, ada yang berani, ada tak berani. Tapi tadi kenapa tak suruh saya pergi ke Parlimen.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ialah Yang Berhormat Parlimen, isu Parlimen di Parlimenlah. Di DUN.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Apa isu Parlimen. Ini kepentingan negeri Selangor mesti di bahaskan di sini supaya suara ini diangkat ke Parlimen. Janganlah dalik, mengapa takut.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Yang Berhormat nak masuk sama tender itu saya ingat itu. Sebab ia, ia...

TUAN SPEAKER: Nak mencela, Kuang minta mencela masuk elok-elok.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nak penjelasan, ke nak mencelah ke? Tapi itu taraf Kuang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Er... bagi laluan sedikit. Saya seronok juga dengan Bukit Antarabangsa.

Bukit Antarabangsa nak pergi nanam ke. Tak apa, tak apa terima kasih.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya nak tanya apakah Kuang Sungai Burong desak Kerajaan jangan guna OSA sebab ini hak, sebab Sg Burong nak pertahankan kos, nak pertahankan ketelusan, jangan sorok buat secara terbuka. Minta Kerajaan Persekutuan pastikan dalam perjanjian ini masukkan satu *pre-ember* tidak boleh terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan kerana ini adalah hak rakyat

untuk mengetahui butiran perjanjian tersebut. Baru kita tahu apa kosnya, bagaimana tendernya, apakah spesifikasinya. Dan kita boleh jimatkan kos dan kita pastikan tarif air tidak naik terlalu lanjut. Jadi saya berharap jangan putar belitkan. Kita tidak menolak pembangunan, tetapi kita mahu pembangunan ini memberi manfaat kepada rakyat bukan kepada kroni UMNO Barisan Nasional. Terima kasih, Tuan Speaker.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Y.B. Damansara Utama saya minta ini yang terakhir ya sebab kita kekangan masa kecuali ada...

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minit yang terakhir 1 minit.

TUAN SPEAKER: Tak, tak saya bagi Perbahas yang terakhir. Ia ada banyak lagi Usul dan kita terhad sampai esok.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih, Tuan Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian lama dalam Perbahasan Usul yang dibawa oleh Y.B. Kg Tunku. Sebenarnya saya tidak merancang untuk berbahas Usul ini tetapi semalam sampai pagi ini kita ada Permatang dan YB-YB lain dari Barisan Nasional yang mengatakan kenapa kelambatan kelulusan Langat 2. adalah punca utama krisis air sekarang. Memang saya tidak setuju sebab itulah saya berdiri dan bersuara sedikit supaya dan menghuraikan sedikit fakta-fakta supaya dia boleh merekod dalam *Handsard* dalam sejarah Selangor. Akan masalah air kita bermula dari 1994 di mana Kerajaan Barisan Nasional menjual hak rakyat kepada Syarikat Konsesi. Pada masa itu Barisan Nasional menswastakan Jabatan Bekalan Air Selangor yang merupakan penyumbang besar pendapatan negeri Selangor dan menandatangani perjanjian berat sebelah dengan Syarikat-syarikat Konsesi. Perjanjian Konsesi ini akan membolehkan SYABAS untuk meningkatkan kadar air 37% pada 2009, 25% pada 2012 dan 15% dalam 2015, ini fakta. Fakta yang kedua ialah Kerajaan Pusat terus memberi bantuan kewangan kepada Syarikat Konsesi walaupun mereka gagal menurunkan *Non Revenue Water* seperti apa yang dikatakan oleh ADUN YB Bukit Antarabangsa. Yang ini Syabas NRW masih dalam pada 33% walaupun banyak membeli banyak diberi bantuan kewangan. Faktanya ialah sejak 2009 ke 2013 Puncak Niaga Holding Bhd telah menerima kira-kira 700 juta bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Tahun lepas sahaja Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan 271 *softloan* dengan izin kepada SYABAS atas nama menaiktaraf kemudahan air, menaiktaraf paip RM120 juta pada bulan Februari RM151 juta pada Oktober ini fakta. Apa yang telah syabas buat? Dengan berjuta-juta ringgit ini melainkan untuk membayar CEO atau pun Pengarah dengan gaji yang lumayan. Fakta yang seterusnya ialah sekarang dalam pengagihan air Selangor setiap titisan air yang dirawat oleh loji air hanya 67 titis yang sampai paip kita 33 titis dibazirkan melalui kebocoran paip dan kecurian air *Non Revenue Water*. Baru-baru ini saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Titis ke liter Yang Berhormat ya? Ukuran dia titis ke liter?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *It's a okey? Janganlah kacau. Baru-baru ini kita ada 1 kes di Jalan Universiti. Paip bocor. Apabila kita mengalami catuan air, paip bocor beratus-ratus liter air keluar dibazirkan kerana ini. Siapa salah? Salah siapa? Berjuta-juta ringgit telah dibelanja. Tapi adakah SYABAS telah membuat kerja mereka? Membaiaki paip yang lama. Tidak. Fakta ini adalah untuk rujukan Y.B.–Y.B. dari Barisan Nasional supaya kita boleh mendapatkan satu pandangan yang lebih objektif terhadap krisis air ni. Saya bukan nak menuding jari. *I'am not going to point a fingures to anyones fault but now we want to do is to find a solution*, dengan izin. Jika bantuan air ini, kewangan boleh dibelanjakan untuk membaiki paip lama ataupun kita akan dapat mengurangkan NRW dengan agak ketara. Dengan NRW yang lebih baik catuan air mungkin tidak diperlukan atau pun jika diperlukan skalanya mungkin tidak sebegitu besar dan begitu lama. Insiden air pecah yang saya katakan tadi semasa catuan air juga tidak akan berlaku. Persoalan saya untuk Y.B.–Y.B. dari Barisan Nasional ialah kenapa Kerajaan Pusat terus memberi bantuan kewangan kepada SYABAS apabila mereka tidak boleh membuat kerja mereka dengan sempurna?*

Kedua, kenapa Kerajaan Pusat enggan menggunakan Seksyen 114 WSIA selama ini walaupun kita sudah cadangkannya untuk bertahun-tahun? Ini soalan yang saya kena kita fikirkan. *Of course we can argue untuk the cow come home but will not come to our solution.* Sekarang, dengan izin. Sebab itu saya berharap bahawa kita semua boleh berhenti tuduhan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir ya Yang Berhormat?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sekarang masa ialah untuk menjadi pendekatan yang baik dan bekerjasama untuk mengatasi masalah air

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh saya minta penjelasan?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya tak ada masa. Saya setuju dengan Y.B. Kampung Tunku supaya Kerajaan Negeri berhati-hati apabila kita memberi kelulusan kepada Langat 2. Sebab kita tidak mahu menjualkan hak rakyat, hak air rakyat. Saya juga menyeru kepada Y.B.–Y.B. Barisan Nasional kalau benar-benar memperjuangkan kebijakan rakyat, tolong mendesak Kerajaan Pusat supaya, supaya jangan melambatkan pelaksanaan WSIA 114 ataupun memastikan mereka tolong kita mempercepatkan proses pengambil alih syarikat-syarikat konsesi. Walau bagaimana pun, dalam proses perundingan tersebut, Damansara Utama berasa bahawa Kerajaan Negeri juga perlu lebih efektif dalam menjaga hak air rakyat. Krisis air sekarang dan seterusnya penstrukturran air adalah isu yang sangat besar.

Sampai sekarang Dewan ini tidak ada saluran lagi untuk mengesahkan sama ada pendekatan Kerajaan Negeri adalah baik atau pun tidak. Kita tak ada saluran untuk tengok proses-proses ini. Sebagai contoh, kita tidak dapat statistik tentang catuan air sama ada ia adalah efektif atau tidak, kita tidak dapat maklumat tentang *heads of agreement* untuk perjanjian yang kita akan tangani dan banyak lagi. Memandangkan isu air adalah kepentingan rakyat, dia adalah isu yang sangat besar untuk Negeri Selangor, Damansara Utama berpendapat bahawa Kerajaan Negeri perlu

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, mencelah?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang nak mencelah Yang Berhormat

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Damansara Utama, Seri Serdang ingin bertanya. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah diberikan, adakah SYABAS mengkhianati Kerajaan Negeri Selangor?

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Sekarang kita tak payah menuding jari lagi. Kita terus kepada pendekatan untuk mencari pendekatan yang baik apakah *the next practical step*? Dengan izin. Saya, saya memang berpendapat bahawa cara Kerajaan Negeri menangani isu ini ataupun keputusan-keputusan yang penting yang diambil oleh kerajaan perlu diteliti, dipantau dan dibentangkan di Dewan ini. Sebagai kerajaan Pakatan Rakyat isu ini besar, kita kena ada menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti dalam isu air. Dengan itu Damansara Utama mencadangkan bahawa kita menubuhkan jawatankuasa air dengan secepat mungkin supaya kita boleh memantau bagaimana Kerajaan Negeri menangani isu air dan penstrukturran air semula. Itu sahaja. Damansara Utama menyokong usul yang dibawa oleh Y.B. yang Y.B. Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk membuat penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat–Yang Berhormat dalam perbahasan sebentar tadi dan semalam.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyertai usul ini. Usul ini hanya usul mengingatkan Kerajaan Negeri supaya berhati-hati dalam menjalankan rundingan supaya akhirnya rundingan ini akan dapat diselesaikan dan antara objektif yang kita nak buat ialah supaya Langat 2 ini masih kekal seperti dahulu di mana projek Langat 2 ini hanya boleh dilaksanakan bersekali dengan penyusunan semula industri air Negeri Selangor secara holistik. Itu yang kita buat. Jadi oleh kerana itu kita memakan masa untuk mencampurkan 2 perkara ini dalam 1 perjanjian. Ya, itu sebab kita, dan, dan oleh kerana perkara ini penting untuk dimasukkan dalam dipanggil *heads of agreement* itu kita kena memahami

macam mana tindakan kerajaan jika 1 langkah yang dibuat ada sama ada akhirnya akan mencapai dasar tersebut. Jadi saya rasa cadangan Dewan hanya mengingatkan Kerajaan Negeri supaya sangat-sangat berjaga-jaga. Saya, saya, saya terima itu. Dan jagaan, Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab bukan sahaja pada sebagai seorang Eksekutif, akan bertanggungjawab kepada Dewan dari segi melaksanakan perjanjian ini. Tapi buat masa sekarang, masih lagi dalam perundingan. Perundingan ini masih dibuat supaya kita akan dapat menjalankan keputusan yang dipersetujui bersama. Kerajaan Persekutuan juga mempunyai kuasa, Kerajaan Negeri ada juga kuasa dan pihak konsesi juga ada mempunyai permintaan-permintaan yang tidak dapat, yang tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Persekutuan juga mempunyai kuasa. Kuasa di dalam 114 juga interpretasinya berbeza.

Oleh sebab itu Kerajaan Negeri hanya menyatakan kepada Kerajaan Persekutuan jika interpretasi ini tidak menentukan 100% penyusunan semula industri air ini sampai ke Negeri Selangor, kita masih tidak akan menerimanya. Itu sebab kita mengambil langkah berhati-hati. Tapi setiap langkah kita buat, kita pergi bincangkan kepada ramai dan lepas tu ambil lagi 1 langkah, ambil lagi 1 langkah maknanya kita tidak akan dapat menyelesaikan perkara itu. Oleh sebab itu Kerajaan Persekutuan telah memberikan tugas kepada Menteri Air dan Timbalan Menteri air untuk berunding dengan Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menentukan kesemua-semua ini akan, akan apabila dia berlaku, akan menghasilkan tujuan yang ita hendak. Iaitu penyusunan semula industri air secara holistik dan dimasukkan juga pelaksanaan Langat 2 yang dibuat secara terbuka dan pihak Kerajaan Negeri termasuk dalam membuat keputusan tentang tender-tender yang dibuat. Itu semua kita akan masuk. Objektif tu sudah ada tapi persetujuan tu sekarang dalam proses. Jadi oleh sebab itu saya mendengar, saya mendengar cadangan tuan-tuan tapi saya tak boleh nak kata, saya belum ada dokumen yang dipersetujui oleh 2 pihak untuk membentangkan pada Dewan. Sudah tentu Dewan akan bertanya, kenapa tak boleh buat macam ini? Kenapa tak boleh buat macam ini? Kenapa tak buat? Lama-lama jawapannya, jawapan kenapa bukan apa yang mesti dilakukan. Dan tidak ada 1 cara penyelesaian jika kita tak diberi masa untuk menyediakan. Sekarang penyediaan *heads of agreement* dibuat oleh negeri dan penyediaan *heads of agreement* juga dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk disatukan supaya kita akan dapat penyelesaian yang bersama tetapi objektif Negeri Selangor itu tidak akan lumpuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat, jiran Pandamaran nak mencelah.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Saya minta penjelasan Yang Amat Berhormat. Daripada apa-apa yang saya diberitahu berkenaan dengan penjelasan diberikan, boleh saya tahu adakah apa yang, yang Dato' Menteri Besar bermaksud adalah memorandum persefahaman yang telah ditandatangani sebenarnya tidak terikat dari

sisi undang-undang? Dan sekiranya berakhirnya persetujuan tidak dapat dicapai oleh pihak Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri boleh tidak meneruskan memorandum persefahaman itu tersebut, yang telah ditandatangani tersebut dan maka akan membatalkan memorandum tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan juga Pandamaran. Itulah termaktub dalam perjanjian kita. Itu sebab bagi kelulusan-kelulusan lain yang diperlukan oleh pelaksanaan Langat 2, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan setelah isu berbangkit dengan penyusunan semula industri air di Negeri Selangor diselesaikan. Jadi, saudara akan melihat berapa kompleks perkara ini nak diselesaikan. Jadi, kalau tidak dibagi masa, saya pun, saya nak ceritakan pada malam tadi saya mengadakan perbincangan dengan, pada hari Jumaat saya mengadakan perbincangan dengan Menteri Air, pada malam tadi saya mengadakan perbincangan dengan Timbalan Menteri Air untuk sampai kesatu penyelesaian termasuk saya akan menjawab tentang masalah tidak kecukupan air.

Jadi, jawapan saya, saya menerima ingatan Dewan. Saya menerima ingatan Dewan dan sebagai Eksekutif kita mesti menerima ingatan Dewan. Kita juga mesti menerima tentang peringatan bahawa tumpuan yang pertama ialah penyusunan semula industri air. Tumpuan juga kita menerima bahawa Langat 2 sebagai satu usaha penyelesaian kita masukkan tetapi tidak akan menjelaskan penyusunan semula industri air.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia Bukit Antarabangsa

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ini lanjutan daripada pertanyaan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Pandamaran sebentar tadi. Inginkan satu penjelasan yang, yang lebih khusus tentang MOU yang telah ditandatangani. Apakah MOU ini terikat dengan undang-undang ya dan apakah Kerajaan Negeri boleh membatalkan MOU itu sekiranya ada beberapa perkara yang tidak dapat persetujuan bersama di antara Persekutuan dan Negeri? Kita nak dapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah MOU itu terikat dengan undang-undang dan kalau terikat apakah ianya boleh dibatalkan?

Yang keduanya, kita juga dimaklumkan daripada maklumat yang kita peroleh, dalam MOU ini juga ada satu klausa berhubung pembangunan Langat 2 yang menyatakan *irrevocable and binding*. Jadi kalau, kalau sudah dimasukkan dalam MOU, apakah kesan kepada perundungan sekiranya tidak ada persetujuan bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Oleh kerana telah di, dibuat begitu dalam MOU. Jadi, bagaimana pendirian Kerajaan Negeri berhubung perkara ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Bukit Antarabangsa, kita telah menyatakan itu sebab selepas surat yang, selepas perjanjian, bukan perjanjian, menandatangani MOU tu berlaku, Kerajaan Persekutuan membuat *follow-up* kepada Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Negeri supaya bersama-sama membuat satu perjanjian yang dipanggil *heads of agreement*. Jadi maknanya, daripada MOU kepada perjanjian. Dalam perjanjian itu, dia menyatakan dalam surat tu meminta Kerajaan Negeri memberikan kelulusan-kelulusan seperti kelulusan mengambil alih tanah, kelulusan itu sebagai 1 langkah untuk menyelesaikan Langat 2. Jadi bererti, bererti apa? Maknanya Kerajaan persekutuan memahami bahawa untuk menyelesaikan, menyiapkan Langat 2, dia perlu mendapat beberapa kelulusan dan oleh Kerajaan Negeri yang tidak termasuk dalam yang ditulis dalam MOU. Dia perlu dapat. Dan jawapan dan juga dalam surat itu Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membincangkan Langat 2 ini dengan, dengan penyusunan semula secara serentak yang akan dimasukkan ke dalam perjanjian *heads of agreement*. Itu kita dah dapat. Tapi saya rasa kita kena bagi masa untuk membetulkan semua dan kita kena buat juga. Apabila kita dah betul-betul pasti yang benda ini boleh dilaksanakan, kita akan, akan beritahu. Umpamanya saya nak bercadang untuk memanggil Dewan untuk menerangkan apa yang telah dibuat supaya boleh dibuat secara terbuka tetapi buat masa ini perkara ini hanyalah boleh menjadi ingatan kepada kita supaya sangat-sangat berjaga-jaga. Tetapi jangan sampai kalau, kalau berlaku satu perkara yang kita dah sampai ke satu peringkat yang, yang tak ada perkara yang boleh dapat diselesaikan. Maknanya kita boleh *break the, the arrangement*. Tapi saya rasa kita sudah sampai kepada satu peringkat yang Kerajaan Persekutuan pun hendak perkara ini dilakukan. Kerajaan Negeri pun hendak perkara ini dilakukan. Kita dah sampai kepada satu keadaan dalam pengalaman saya dalam *merger*. Ini sudah sampai kepada situ sehingga kita boleh nampak lihat, dalam Dewan ini 2 pasukan yang ada kalanya berbeza. Tapi dalam hal ini, bersetuju. Sudah, tinggal lagi dia mengharapkan pelaksanaan secara cepat dan betul. Jadi kita kena buatlah. Jadi nak buat ini sekarang, isu yang paling penting, bukan Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Persekutuan. Isu yang paling penting ialah pemilik-pemilik konsesi. Pemilik-pemilik konsesi inginkan harga yang lebih tinggi dari apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri berpendapat kenaikan tawaran konsesi itu tidak akan membolehkan kita meneruskan usaha supaya menentukan rakyat Selangor mendapat perkhidmatan air dengan harga yang berpatutan dan juga polisi memberikan air percuma itu dapat dilakukan.

Bukan Kerajaan Persekutuan yang, yang tak setuju. Bukan Kerajaan Negeri yang tak setuju. Yang tak setuju ialah konsesi-konsesi air. Tapi apabila mereka tak setuju, biar saya terangkan sedikit. Apabila mereka tak setuju, Kerajaan Persekutuan memberitahu Kerajaan Negeri, boleh tak dia gunakan 114, Seksyen 114? Seksyen 114 ini tak pernah digunakan di mana-mana. Seksyen 114 ni belum digunakan. Itu sebab saya sangat takut ingin menggunakan Seksyen 114. Sebab Seksyen 114 ini memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan mengambil aset dan

sekarang adakah kuasa mengambil aset itu akhirnya didapati oleh Kerajaan Negeri Selangor? Jawapannya, kita kata ya. Dan bagaimana kita nak tulis di dalam perjanjian tersebut supaya bila hari ini, besok, 2 tahun, 3 tahun. Itu sebab ramai rakan-rakan melihat kenyataan Menteri pun tidak jelas. Sebab dia masih lagi dalam perbincangan. Itu sebab saya kata kita selesaikan sehingga Kerajaan Negeri merasakan perjanjian itu dapat sampai mencapai tujuan kita.

Jadi jawapan yang pertama ialah satu ialah harga yang Kerajaan Negeri tidak ingin menambah lagi. Ha, itu satu

Kedua, kalau pelaksanaan 114 Kerajaan Negeri hanya boleh bersetuju jika akhirnya dia akan di, diurus, di, dimuktamadkan sebagai penstruktur semula industri air yang, industri perkhidmatan air Selangor berdasarkan model holistik Negeri Selangor. Itu saja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat, ada Bukit Antarabangsa, Kampung Tunku, Damansara Utama, Pandamaran. Pilihan Yang Amat Berhormat nak bagi pada siapa?

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Saya yang paling pendek.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Okey.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Dato' Menteri Besar. Sebenarnya sebelum kita masuk ke WASIA, saya difahamkan bahawa memorandum yang telah ditandatangani tersebut hanyalah satu dasar sahaja untuk kedua-dua pihak menjalankan runding untuk dapatkan butir-butir terperinci sebelum satu perjanjian ditandatangani. Tapi kalau dalam keadaan tersebut, tidak seharusnya ada termaterma yang sangat, sangat jelas termasuk dalam satu masa yang tertentu untuk membuat melakukan apa-apa. Tetapi saya difahamkan ada satu masa yang tertentu telah dimasukkan untuk Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada Langat, Projek Langat 2 ini. Jadi saya rasa kalau dalam keadaan tersebut adakah masih ini satu memorandum sahaja? Ataupun dia telah menjadi satu perjanjian? Kerana kalau ada satu tempoh yang tetap untuk Kerajaan Negeri melakukan sesuatu. Kalau untuk saya, itu bukan sesuatu memorandum lagi. Itu satu perjanjian. Kalau Kerajaan Negeri menyatakan bahawa sebelum ada butir-butir terperinci, jadi masih dalam proses perundingan, jadi adakah Kerajaan Negeri perlu ataupun patut mematuhi apa-apa yang dikenakan terutamanya tempoh yang telah dimasukkan sekiranya ada untuk Kerajaan Negeri melakukan? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jawapan yang pendek untuk Pandamaran. Perkara ini belum dilakukan. Itu sebab kita bergerak ke satu tempat. Pandamaran *assume that it* membuat andaian bahawa MOU tu ialah satu *agreement* yang akan dilaksanakan. Jawapan kita, itu adalah satu proses untuk mencapai satu usaha.

Kemudian sudah tentulah pakar-pakar *lawyer* melihat *the objective, adjective and all that*. Itu semua boleh, boleh dilihat tapi pendapat Kerajaan Negeri hanyalah apabila pelaksanaan itu mencapai persetujuan 2 pihak baru pelaksanaan dibuat, itu.

Kedua, ada juga, serupa juga macam Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, terdapat satu keadaan yang saya nak beritahu ialah tidak mempercayai satu sama lain. Terdapat satu keadaan, memang, memang terdapat satu keadaan. Saya tak tahu mengapa keadaan ini berlaku tetapi walau kita kata kita nak selesaikan hak rakyat, terdapat satu keadaan yang berlaku. Maknanya dia takut Kerajaan Negeri tidak melakukan benda yang disuruh. Kerajaan Negeri pula takut Kerajaan Persekutuan tidak melakukan benda yang dipersetujui. Jadi terdapat satu keadaan yang begitu. Apa yang kita nak lakukan untuk menyelesaikan perkara ini, kita *do step by step, step by step*. Ada *delivery* ada *step*. Ada *delivery* ada *step* sehingga kita betul-betul percaya kita sama kita, baru. Sekarang saya tahu, dah mula nak percaya sebab objektifnya sama, usahanya sama. Dah mula nak percaya. Jadi, *okay we should move from there, we should move from here to there. Because if you don't you're* kita tidak, kita dah. Kalau nak cerita penderitaan, rasa tak puas hati, apa semua 5, 6 tahun jaga ke sana, ke sini, itu sudah tak perlu lagi. Kita nak sampai ke peringkat yang akhirnya sama-sama bersetuju,

Dan Kerajaan Persekutuan bersedia menulis surat kepada konsesi mengatakan harga yang di, ditawarkan oleh Kerajaan Negeri itu harga yang boleh Kerajaan Persekutuan terima. Maknanya kita sudah sampai ke satu peringkat yang dia setuju tentang harga yang kita buat. Jadi, kita dah sampai ke peringkat itu. Jadi peringkat itu berlaku tapi pihak konsesi masih nak menguji sama ada Kerajaan persekutuan ini boleh menggunakan kuasa mutlak dia, itu. Jadi oleh sebab itu Negeri dan Persekutuan bersama untuk berbincang dengan pihak konsesi. Ia

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta mencelah. Dato' Menteri Besar *with due respect*. Tapi masalah sekarang yang saya dapat tengok ialah perundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan macam dalam *black box*. Kita memang, kita orang tengok *progress* itu dari...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *I think that attitude because, because*, saya ada kesabaran juga tetapi saya juga merasa persoalan yang untuk menjalankan kerja ini saya anggap ini sebagai satu tanggungjawab yang sangat berat untuk saya selesaikan. *To question the ability this is* satu persoalan yang sangat-sangat perlu, bukan saya bergerak *on the black box*. *My track record on investment, my track record and merger and aquisition i think i should be able to give advise*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *I understand that Dato' Menteri Besar. With due expect respect*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ialah *the word respect tu*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terdapat kemungkinan, yes, yes, yes

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Is and old matter to say I don't respect you*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *No, no, no. My question is, my question*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *That is you better careful with your english.*

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *My question is adakah kemungkinan kita untuk menubuhkan jawatankuasa supaya kita boleh tengok ataupun apa yang, yang kerajaan sedang buat.*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *The value adding is only after our negotiation. In the proses of....saya tak boleh menjadi orang perantara pergi jumpa menteri aa...nanti saya akan balik ke Dewantak boleh. Sebab menteri pun diberi kuasa oleh cabinet untuk membuat perjanjian. Jadi cabinet tidak membagi menteri go and run back to the cabinet. So you must understand this. But....but kita mesti bersama-sama, jadi I will be responsible with the menteri to face all of you. He...will be...with...juga membawa saya to face his cabinet. So I think the question of involvement there is a limit between the executive and the legislator...this a limit....tapi kalau saudara nak buat saya boleh suruh buat. Tapi sekarang kita sampai satu peringkat yang mana kita nak gabung bersama. Sekarang saya rasa kita sampai ke satu peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah mempunyai pandangan yang sama, itu. Jadi this is the best time. Jadi kalau kita dibagi peluang, saya....bagi peluangsayabagi peluang untuk menyelesaikan perkara ini dan kita nak selesaikan lepas tu kita akan terangkan kepada Dewan tentang apa yang kita lakukan. Dewan boleh kata buang. Boleh. Tapi tak boleh nak datang begitu, jadi saya kena bawa satu pasukan berjumpa dengan Menteri air untuk...kata ini pasukan saya, Menteri air cakap tak nak saya nak jumpa seorang sebab dia akan menceritakan pandangan beliau. Saya menceritakan bagi pihak negeri pandangan kita. Pandangan-pandangan itu tidak jauh bezanya sekarang. Itu sebabnya. Jadi pada saya ini perlu.....*

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Mungkin.....

Y.B. TUAN LAU WENG SEAN: Sedikit sahaja.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Ya....

Y.B. TUAN LAU WENG SEAN: Saya tertarik dengan kenyataan Menteri Besar bahawa sekarang ini masalahnya bukan Kerajaan Persekutuan tetapi syarikat-syarikat konsesi dan saya kira ada, kenyataan ini ada kebenarannya kerana mengikut laporan yang saya baca daripada surat khabar dan media difahamkan

barangkali kemungkinan besar syarikat konsesi ini akan mencabar Seksyen 114 dan mendakwa kerajaan bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Pusat. Melalui review bahawa seksyen ini adalah telah tidak *norm is unconstitutional* dan saya menganggap ini adalah suatu perkembangan yang akan mengeruhkan mengelirukan ataupun meng *complicated* kan keseluruhan usaha kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Yang ini saya pun khuatir akan menjelaskan samada Langat 2 ataupun penstrukturkan semula air ini. Jadi saya ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar, apakah peluang *Contingency* sekiranya ini berlaku .

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu sebab saya dan menteri bekerja keras....bekerja keras untuk menentukan pihak konsesi menerima tawaran kerajaan negeri. Jadi....dan dengan penerimaan tawaran Kerajaan Negeri perkara ini semua boleh diselesaikan.

Y.B. TUAN LAU WENG SEAN: Menteri Besar, saya bertanya adakah ini bermaksud Kerajaan Persekutuan akan menggunakan apa cara pun termasuk memaksa, paksaan , memaksa keempat-empat syarikat konsesi ini untuk tunduk kepada persetujuan yang dicapai antara kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu jawapannya saya tidak nak mengatakan, saya tidak boleh menyebut perkataan paksa sebab itu akan di diperjuangkan di mahkamah. Tapi Kerajaan Negeri Persekutuan memberi komitmen kepada saya. Kita akan bekerja supaya pihak konsesi menerima perkara ini. Kalau tidak pihak konsesi akan juga mendapat bayaran yang lebih rendah dari apa yang di tawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi dari segi. Isu pembelian bererti pihak konsesi walaupun dia mungkin akan pergi ke mahkamah ataupun apa, tetapi kita telah tunjukkan bahawa tawaran negeri Selangor ini lebih baik dari apa yang akan dilakukan di bawah Akta 114. Itu yang telah berlaku.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Dato' Menteri Besar. Saya ingin mohon penjelasan lanjutan setelah mendengar penjelasan sebentar tadi bahawa sebaik sahaja MOU ditandatangani Kerajaan Negeri telah menerima sepucuk surat daripada Kerajaan Persekutuan atas dua perkara yang utama. Pertama Kerajaan Persekutuan memohon kerjasama Kerajaan Negeri untuk memberikan beberapa kelulusan seperti kelulusan tanah dan *development order* bagi tujuan pembangunan Langat Dua. Dan ianya berhasrat untuk mengiktiraf peranan kerajaan negeri dalam konteks ini supaya mempermudahkan untuk proses MOU kepada *Heads of Agreement*. Jadi persoalan saya ialah apakah Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan-kelulusan ini, samada tanah dan juga *Development Order* pada saat ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya, sekiranya kelulusan telah diberikan ianya ada kesan kepada perkara kedua yang dibangkitkan iaitu berhubung proses untuk mencapai usaha *Heads of Agreement* tadi yang disebut oleh Tan Sri. Persoalan saya ialah oleh

kerana kita dengar tadi Kerajaan Negeri mahu mengambil pendirian *step by step*, *you deliver we move forward* tetapi dalam keadaan sekarang oleh kerana Kerajaan Persekutuan belum lagi menunjukkan satu sikap yang benar-benar boleh dipegang dalam soal menyelesaikan industri perkhidmatan air ini secara holistik apakah Kerajaan Negeri telah lebih awal memberikan kelulusan tanah dan juga DO sebentar tadi. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Soalan yang dikemukakan oleh Bukit Antarabangsa Tuan Speaker, ialah adakah selain daripada perjanjian apa tu *Memorandum of Understanding* untuk peringkat yang kedua. Adakah Kerajaan Negeri memberi kelulusan sebelumselepas itu. Jawapannya tak ada sebab kita tunggu untuk kita selesaikan perkara itu. Jadi tidak timbul soalan kita bagi lagi...tak ada. Kita hanya menyelesaikan tapi jawapan kita dengan Kerajaan Persekutuan kenapa pula Kerajaan Persekutuansoalan yang boleh ditanya kenapa Kerajaan Persekutuan tidak marah pada kita kerana tak bagi kelulusan tu. Jawapannya ialah Kerajaan Persekutuan kata *we agree to facilitate you to achieve your objective...we agree to facilitate*. Jadi oleh sebab itu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersama-sama mengehendaki konsesi-konsesi itu mendapatkan harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi jawapan yang pertama belum apa-apa lagi kita beri selain daripada apa yang kita tandatangani.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Maknanya Dato' Menteri Besar mengesahkan Kerajaan Negeri tidak pernah memberi sebarang kelulusan DO dalam projek Langat Dua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak, tidak jawapannya pertama, saudara kena tengok *the whole step*. The DO ada. Itu DO tu sudah diluluskan pada 2009 dan pengambilan tanah semua pengambilan tanah saya oleh kerana saya bercakap di Dewan kera saya orang Islam...sebenarnya semua fail-fail mengenai pengambilan tanah di dalam Pejabat Menteri Besar tak ada seorang pun boleh saya ikat supaya dia tak ada orang yang boleh sebab saya sendiri yang nak itu sebab kalau Kerajaan Persekutuan menghantar wakil untuk pergi jumpa PTG untuk tu jawapannya fail tak ada sebab ada pada saya. Jadi saya tentukan itu sebab itu berlaku. Jadi jawapannya tak ada....tak ada lagi....tak ada lagi sebab saya berani berhadapan dengan Dewan tentang perkara tersebut. Jadi perlaksanaan itu sudah tentulah ini akan menimbulkan beberapa persoalan tentang terbantutnya projek tersebut. Jadi oleh sebab itulah kita mesti bekerja cepat bekerja cepat untuk menyelesaikan perkara ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.A.B. dua minit terakhir ya

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi dua minit terakhir saya minta saudara-saudara sekalian...saya panggil saudara untuk meminta konsesi itu menerima harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri termasuk rakan-rakan daripada Barisan

Nasional dan juga rakan...kalau itu berlaku dan saya nak nyatakan harga yang ditawarkan oleh kerajaan Negeri tidak akan merugikan sesiapa. Tapi untungnya tidaklah melampau tapi tidak akan merugikan tapi dia akan menguntungkan rakyat, doa rakyat akan mendoakan hasil daripada keuntungan yang dapat dia akan mendapat lipatan dan ribuan keuntungan. Itu yang saya nak....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Y.B. sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini mendesak supaya Kerajaan Selangor tidak memberi kelulusan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina Langat Dua selagi pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air swasta tidak dimuktamadkan dari segi kos khususnya komitmen tanggungan yang akan dikenakan kepada Kerajaan dan rakyat Selangor. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul no. 7 tahun 2014, usul di bawah peraturan tetap 26(1) oleh YB Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Tuan speaker dan ahli-ahli YB sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa semua jabatan-jabatan Kerajaan Selangor termasuk pihak berkuasa tempatan dan Pejabat Daerah supaya semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat perlu juga disediakan perkhidmatan atas talian *on-line*, dengan izin, seiring dengan zaman teknologi maklumat pada masa ini dan untuk memudahkan permohonan-permohonan oleh rakyat untuk pelbagai perkhidmatan kerajaan. Tuan Timbalan Speaker, usul yang saya bawa ini adalah satu perkara yang saya rasa sudah sampai masanya. Sekarang sudah sampai zaman teknologi maklumat pada tahun 2014 ini ramai rakyat Selangor sudah memakai internet secara berleluasa. Ramai rakyat negeri Selangor sudah selesa dengan penggunaan kad kredit ataupun kad debit *on-line* untuk membuat transaksi *on-line*. Pada hari ini kita tidak ada seluruhnya perkhidmatan yang ada dekat kaunter-kaunter kerajaan yang ada perkhidmatan dia *on-line*. Kalau kita lihat memang sudah bermula trend nya...kita boleh lihat cukai pintu boleh dibayar *on-line*, ada pembayaran kompaun boleh dilakukan *on-line* tetapi masih lagi terdapat banyak perkhidmatan yang perlu pergi sendiri kepada kaunter ataupun pejabat kerajaan untuk melakukan transaksi tersebut. Di era yang moden ini saya berharap kita boleh melakukan sedikit usaha supaya kita memudahkan meringankan beban rakyat yang berurusan dengan kerajaan. Tujuan saya pada hari ini bukan untuk memansuhkan kaunter. Saya harap tidak ada jabatan yang akan memansuhkan kaunter sebab ada juga warga emas dan orang yang lebih suka untuk pergi sendiri untuk berurusan dengan pejabat tetapi memberi pilihan kepada generasi muda memberi pilihan kepada generasi berteknologi untuk melakukan transaksi mereka secara *on-line*. Saya tidak panjang lebar sebab hari ini kita ada banyak isu dan usul yang lebih berat, tetapi aaa.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sambung selepas ...kita berhenti ataupun...

YB. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Saya boleh ringkaskan satu minit lagi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok

YB. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Contoh seperti tempahan dewan seperti peniaga-peniaga yang nak memperbaharui lesennya seperti kain rentang dan sebagainya ini sedikit sebanyak contoh yang boleh dipermudahkan untuk meringankan beban rakyat. Jadi Tuan Speaker dengan ringkasnya pada hari ini saya ingin mencadangkan usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Y.B. sekalian masa sudah menunjukkan jam satu tengah hari. Maka dengan ini saya menangguhkan sidang Dewan sehingga ke jam dua setengah petang. Sidang ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dewan disambung semula.

PENOLONG SETIAUSAHA: Usul di bawah peraturan tetap 17, usul bagi menangguhkan mesyuarat perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian melainkan keadaan memerlukan perubahan, saya akan menetapkan masa selama 50 minit untuk membahaskan usul ini dan 20 minit untuk pihak kerajaan membalias. Dipersilakan Yang Berhormat Sungai Burung.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1 Malaysia. Sungai Burung ingin membawa usul membentangkan usul tentang mencadangkan untuk menggesa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor mengambil tindakan segera bagi menamatkan pencatuan air dan membekalkan semula air kepada semua pengguna-pengguna di seluruh Selangor, Lembah Klang dan Wilayah Persekutuan, serta kawasan-kawasan yang terlibat yang telah menyebabkan kesusahan, kepayahan dan penderitaan rakyat dalam mengharungi kehidupan harian mereka. Sebenarnya air adalah merupakan satu keperluan asas yang amat penting dan kita amat mendukacitakanlah sebagai Selangor sebagai negeri maju. Kemudian itu negeri yang berkebajikan pula tapi hari ini kita menghadapi masalah rakyat yang sungguh hebat iaitu kegagalan untuk memberikan air yang secukupnya kepada rakyat di Negara ini. Tuan Speaker hari ini oleh kerana masalah air telah menjadi krisis kita dapati bahawa tindakan telah terpaksa diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membuat catuan yang amat menyusahkan dan membebankan rakyat. Daripada permulaannya sebilangan kecil daripada rakyat di Negeri Selangor ini yang kehidupan hariannya Negeri Selangor ini yang kehidupan hariannya terganggu oleh kerana catuan air tetapi hingga hari ini telah meningkat hingga melibatkan 7.1 juta rakyat bukan sahaja di Negeri Selangor tapi di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tuan Speaker kita daripada 27 Februari 2014 pelan catuan air berjadual peringkat pertama telah dimulakan melibatkan 60,185 pintu rumah kepada rakyat di kawasan Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Puncanya pada masa itu adalah melibatkan penutupan loji rawatan air di Batu Cheras 11 dan loji di Bukit Tampoi. Kedua pada 2 Mac 2014 hingga 31 Mac 2014 di peringkat kedua pengagihan air berjadual atau pencatuan air ini telah melibatkan sebanyak 431,167 pengguna rumah di enam wilayah iaitu di Gombak, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor. Pada 10 Mac 2014 hingga 1

Mac 2014, peringkat kedua catuan melibatkan taman sebanyak 290,865 pintu rumah yang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 722,032 dan anggaran penduduk sebanyak 33.6 juta yang melibatkan kawasan Gombak, Petaling, Kuala Lumpur, Klang, Shah Alam, Hulu Selangor dan juga Kuala Selangor. Punca ialah pelepasan air mentah daripada Empangan Sungai Selangor dan juga disebabkan oleh paras empangan air yang rendah di dua-dua empangan. Kemudian pada 4 hingga 30 April 2014 ini maka penjadualan pencatuan air di peringkat empat telah akan dan telah akan telah dan sedang akan dilaksanakan. Catuan yang melibatkan 620,237 rumah ini jumlah menjadikan isi rumah yang terjejas sebanyak 1.3 atau pun 1.3 juta dan kalau ambil keseluruhan di kawasan Wilayah Persekutuan dan juga Putrajaya sebagaimana yang dilaporkan oleh media masa pada malam tadi ialah telah mencapai ke tahap 7.1 juta. Dan kita melihat bahawa masalah catuan air ini sebenarnya adalah berbangkit oleh kerana kurangnya hujan yang turun di tujuh empangan yang membekalkan air mentah. Ini yang telah semakin berkurangan dan parasnya pun semakin menurun. Empangan-empangan yang kritikal simpanan airnya seperti Empangan di Sungai Selangor yang kadar simpanannya ialah 37.73 atau pun saya sebut dari segi peratus sahajalah untuk mudah. Empangan Langat ialah sebanyak 5.49, Empangan Klang Gate ialah sebanyak 53.96% dan empangan-empangan yang lain itu mencapai kadar yang jauh lebih rendah. Dan sebenarnya ini amat membimbangkan berdasarkan laporan kajian Metrologi pula kita dijangkakan akan menghadapi masalah kekurangan air di sebab oleh kerana musim kemarau ini sehingga pada bulan puasa. Saya ingin membangkitkan bahawa masalah catuan air ini ialah berpuncanya daripada masalah cara kita menangani krisis air ini. Sebab mahu tidak mahu hakikatnya Kerajaan Negeri mesti menerima bahawa kita telah Kerajaan Negeri telah melakukan kesilapan apabila tidak mendengar nasihat daripada pakar-pakar yang menyatakan bahawa pada 2014 ini bahawa kita mengalami krisis air di Negeri Selangor jika ia tidak ditangani. Saya ingin memaklumkan daripada TV Selangor yang diterbitkan pada 6.5.2011 Setiausaha Sulit kepada

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Setiausaha Sulit kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyatakan dengan begitu yakin dan *confident* bahawa Negeri Selangor tidak akan menghadapi masalah krisis air untuk 5 tahun yang akan datang sehingga tahun 2019

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kampung Tunku minta mcelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dan beliau menyatakan. Saya akan meneruskan sebab masa diberikan. Saya nyatakan bahawa punca daripada ini adalah

Y.B .TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya punca.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingat adalah kesilapan yang dilakukan kerana tidak mendengar telahan daripada ini dan pada masa itu pada tahun 2011 lagi kita begitu yakin bahawa masalah krisis air tidak akan berlaku kerana pada masa itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burung, Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekejap sahaja..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Air berkurangan, nanti saya berikanlah ya kemudianlah bagi saya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti bila, nanti sekarang, bagilah sekarang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta duduk dahulu ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Air yang berkurangan ini bukanlah disebabkan oleh pencurahan air tetapi kerana loji-loji yang tidak di selaras dengan sepenuhnya. Pada masa itu telah dimaklumkan pada tahun 2011 bahawa loji-loji berkenaan telah pun dikenal pasti dan tindakan-tindakan ditampilkan untuk dipastikan bahawa taraf pengeluaran keupayaan loji-loji ini akan dipertingkatkan bagi memastikan bekalan air yang secukupnya. Malahan telah diterangkan oleh ADUN Permatang, EXCO pada masa itu pun telah melawat empangan-empangan seluruh empangan di Selangor dan mengambil gambar sekali dan menunjukkan pada masa itu air telah begitu melimpah, malah menurut EXCO pada masa itu iaitu Sri Andalas, Negeri Selangor cukup air tahun 2020. Jadi walaupun pada masa itu sebenarnya SPAN telah menyatakan bahawa margin simpanan air bagi Negeri Selangor, Persekutuan, Kuala Lumpur, Putrajaya akan mengalami kekurangan yang ketara. Pada tahun 2010 margin simpanan air hanya 6% iaitu 263 gelen, pada tahun 2011 - 4.9% pada tahun 2012- 5.2% dan pada tahun 2013 hanya tinggal 0.4% dan dijangkakan 2014 akan mengalami hingga margin air akan mengalami deposit yang lebih ketara. Apa yang ingin saya perkatakan bahawa masalah krisis air ini dijangka akan berlaku pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan telah pun meminta Kerajaan Negeri melaksanakan pembinaan Langat 2. Walau pun masa itu dipertikaikan kerana atas beberapa sebab sebenarnya saya ingin maklumkan bahawa inilah sebenarnya bahawa Kerajaan Persekutuan amat prihatin masalah air di Negeri Selangor. Saya nak nyatakan bahawa Bukit Antarabangsa yang menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak prihatin dengan masalah air rakyat Negeri Selangor adalah tidak benar. Sebenarnya sejak dari awal lagi hakikatnya bahawa Negeri Selangor ini tidak cukup air kerana itu Kerajaan Persekutuan telah mencari kajian-kajian telah dibuat seawal pada tahun 1999 lagi untuk mengenal pasti punca-punca

bekalan air termasuklah di Negeri Perak dan juga Negeri Pahang dan akhirnya apa orang kata keputusan telah dibawa, telah dibuat untuk membawa air daripada Negeri Pahang ke Negeri Selangor. Entinya Kerajaan Persekutuan pun prihatin terhadap masalah keperluan pembangunan keperluan air bagi Negeri Selangor awal pada masa itu. Kedua juga saya ingin menjawab sangkaan dan tuduhan daripada Bukit Antarabangsa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 2 minit lagi ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: 2 minit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Banyak lagi usul ya, ini pun fokus kepada usul itu saya nak jawab Bukit Antarabangsa, nak sentuh sedikit saya tidak ada masalah isu air tapi sebab kita ada kekangan masa sebagaimana saya umumkan waktu awal lagi, kita ada banyak usul dikehjarnya dan kita perlu habiskan semua perbahasan menjelang esok.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah saya nak cakap ini isu penyatuan, pencatuan air ini penting kerana kita, saya nak menjawab bahawa pendekatan populis ini untuk diberi bekalan air percuma tetapi kalau tidak ada air pun macam mana. Bila kita buka paip tidak keluar Damansara Utama bersetuju populis ini tidak menyelesaikan dalam jangka masa panjang tentang masalah air. Apa yang sangat saya ceritakan bahawa pertama nak menjawab bahawa Kerajaan Persekutuan prihatin dengan masalah air pada rakyat Negeri Selangor bukan kata Kerajaan Persekutuan bukan kata tidak meminggirkan air di Negeri Selangor. Selangor tadi telah memikirkan dan juga merancang untuk membawa air keluar dari Selangor. Yang keduanya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burung, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tidak ada masa sebab dibagi masa sikit sangat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kita boleh ambil masa sikit, kita boleh bagi masa sikitlah sebab nak jawab celaan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh bagilah ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya dengar hujah panjang lebar tetapi isu Langat 2 telah kami bincang pada waktu pagi tadi dengan panjang lebar dan usul yang dibawa oleh Sungai Burung ini pasal catuan air, tetapi hujannya tiada nak

berhenti ke nak sambung yang mana yang terbaik untuk penduduk Selangor terus hujah itu patut fokus atas soalan itu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah, saya nak, sebenarnya berkaitan apa yang saya nak cakapkan. Pertama masalah air ini, kan masalah bekalan air percuma ini sebenarnya, pendekatan ini yang di gembar gemburkan oleh Bukit Antarabangsa ini sebenarnya, bukan penyelesaian kepada jangka panjang masalah air. Ia bolehlah bagi air percuma, tapi kalau tak air, pun itu menjadi masalah juga. Ini saya nak cerita. Kemudian saya nak terangkan bahawa dia tuduh Kerajaan Barisan Nasional, tidak prihatin kepada rakyat dari segi isu air. Saya nak terang yang pertama. Yang kedua, loji empangan juga didirikan pada tahun 1999. Ada dua loji empangan. Membina semula Empangan Semenyih dan yang kedua membina Empangan Sungai Badong, yang menelan belanja sampai RM2 bilion, untuk membekalkan air bagi memastikan tambahan air. Dan walaupun begitu, air tidak cukup. Apa saya katakan, kita boleh bertelagah antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menjelaskan masalah air. Tetapi kita kena memikirkan dalam tempoh tahun 2008 hingga 2014 ini, kita kena mengambil kira sekiranya berlaku masalah krisis air. Apakah pelan-pelan perancangan, apakah pelan daripada Negeri Selangor itu. Walaupun benda ini, masalah isu Langat 2 ini belum selesai. Kita perlu ada perancangan. Dan hari ini yang saya nak menyatakan supaya Kerajaan Negeri memastikan bahawa penyatuan air kena berhentikan. Kita kena, saya nak bagi mesej yang besar kepada Kerajaan Negeri Selangor, ialah supaya, yang pertama sekali, akibat kesilapan Kerajaan Negeri Selangor ini menerima pandangan-pandangan ini, kesannya telah diterima ini. Ini akuilah kesilapan ini. Yang pertama, yang keduanya, kita kena ambil pelan *contingency, contingency plan*. Bagaimana kita nak menyelesaikan masalah catuan air. Kalau catuan air ini akan berterusan, kalau air pembenihan hujan tidak turun ini, dalam masa, katalah, walaupun hujan lebat dijangka dalam akhir tahun ini, berlaku. Apa lagi selepas itu, kalau kemarau berlaku pada tahun depan. Apakah pelan-pelan *contingency* sementara rundingan, tadi ada bangkangan-bangkangan supaya kita berhati-hati dalam buat penilaian isu antara perjanjian air yang perlu dimeterai, MoU antara Kerajaan Pusat

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit lagi, ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dengan Kerajaan Negeri dan juga agensi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, satu minit lagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, satu minit lagi, tak ada bagi tambahan. Tadi kata, Bukit Gasing tadi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini dah bagi tambahan dah ni.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tadi, apa, perlu difikirkanlah,ya. Walaupun kita ada perisian ini, kena ada pelan *contingency*. Kita tak boleh, sekarang ini catu air, catu air sampai bila. Air yang dicatu pun lama-lama akan kering. Empangan ini pun dalam keadaan yang kritikal. Marginnya terlalu rendah. Kalau ikut margin, perlu ada 10 sampai 15 peratus. Kita hanya di bawah 1 atau 2 peratus sahaja. Dan ini kita perlu tambahkan. Walaupun Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, katakan Jawatankuasa telah diputuskan, empat negeri untuk mengadakan mesyuarat. Tapi mengadakan mesyuarat untuk mencatu air, tidak mencukupi. Kita kena ada pelan alternatif B, membekal air siapa, memasangkan, memasukkan air-air dalam empangan. Ataupun meminta air daripada negeri lain, daripada Negeri Sembilan, misalnya, yang telah orang kata bersetuju untuk memberi kelulusan untuk memberikan air, daripada Empangan Mui Mui,yang mempunyai keupayaan 30 juta liter air yang boleh menampung, apa yang melebihi kepada keperluan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan dan boleh dibekalkan kepada Negeri Selangor. Kalau benda ini tak dilakukan, ya, ini yang, kalau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, MB Selangor tidak melakukan pelan *contingency*, saya amat bimbang. Masalah catuan air ini akan berlarutan. Dan saya minta, kalau boleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, okey, kita tamatkan. Tamatkan, apa, catuan air ini. Sebab mungkin kita tidak, kita di dalam Dewan ini, kita tak masalah air. Saya pun tumpang buang air di bilik air di Dewan ini. Bagaimana orang di luar sana. Ini cerita betul. Saya pergi sembahyang Jumaat pada, Jumaat, orang yang kemudian dapat telur aje. Sebab khutbah yang pertama, dia tak dapat, kena beratur.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta simpulkan Yang Berhormat, ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kesimpulannya ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Timbalan Speaker pun tak dapat air juga ya. Rumah Timbalan Speaker pun tak air.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Rumah Timbalan Speaker sama dengan rumah saya, tak ada air. Tapi saya tak tau lah rumah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Itu dia. Tapi saya minta sangat, sebagai rumusannya daripada perkara ini disegerakan pada hari ini kerana masalah catuan air adalah begitu kritikal sekali di Selangor. Yang keduanya saya ingin menggesa di Dewan ini supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar melaksanakan pelan B, pelan alternatif bagi mensegerakan masalah penyelesaian catuan di Negeri Selangor ini, bagi mengelakkan keadaan darurat ataupun *emergency* dilaksanakan dalam masa yang terdekat demi untuk rakyat Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1 Malaysia, terima kasih. Saya ingin memberikan sokongan kepada Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Burong berhubung desakan supaya Kerajaan Negeri menyegerakan mengambil tindakan dan menamatkan catuan air di Negeri Selangor dengan tambahan beberapa perkara sebagaimana yang telah di ulas oleh Yang Berhormat Sungai Burong dalam membentangkan Usul ini. Pertama, sebagai orang kampung, mereka jawab senang, mereka tak nak masalah. Mereka nak air. Itulah persoalannya. Air free ke, air bayar ke, tak ada masalah. Air free mereka terima, air bayar, mereka boleh bayar. Pada orang kampung, mereka kata hari-hari hujan di tempat dia, dia kata patutnya, buka air, ada air. Buka paip, ada air. Itu perkiraan orang kampung, yang sepatutnya kita ambil kira. Saya faham, kekangan-kekangan kita pada hari ini. Sebab itulah dalam Usul yang dibawa oleh Sungai Burong, saya menyeru rakan-rakan kita daripada Pakatan Rakyat pun, berilah sokongan juga bersama-sama. Kita boleh berbeza pendapat. Tapi dalam perkara-perkara kepentingan bersama ini, wajar untuk kita pertimbangkan pendirian kita. Sebab saya juga menyeru, mengambil kira apa yang Sungai Burong sebut tadi, mengenai langkah-langkah kita. Langkah-langkah Kerajaan Negeri. Saya ingin bertanya, Dewan ini sudah bersidang agak lama, sebelum ini pun, sudah penggal yang kedua, Pakatan Rakyat diberi peluang mentadbir Negeri Selangor. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pun, saya sebenarnya tak suka berhujah untuk balikkan perkataan dan sebagainya. Tapi kita harus lihat balik apa yang patut kita belajar. Itu yang selalu Menteri Besar selalu sebut. Saya pinjam perkataan tersebut. Apa yang patut kita belajar, bahawa selama ini kita dimaklumkan oleh pihak Kerajaan, banyak usaha-usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menambah rizab air kita. Sama ada menggunakan *Storm Water*, mengambil air lombong masukkan ke dalam rizab kita, juga disebut dulu mengenai bagaimana nak mengalirkan air daripada empangan Kenyir ke mari dan terakhir, HORAS juga di perkenalkan. Dan kalau langkah jangka panjang ini sudah dimulakan beberapa tahun yang dahulu, saya yakin kemungkinan kemarau ini berlaku, tetapi juga kita taklah sampai ke peringkat yang kritikal ini.

Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB: Maaf mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer mohon mencelah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Lepas ini boleh bahas. Kejap lagi. Sekejap lagi Taman Templer. Jadi kalau langkah jangka panjang ini diambil kira oleh pihak Kerajaan, saya fikir memang kita terima ketentuan Allah SWT sebagai orang Islam, kita tahu kemarau ini boleh berlaku dan kita juga buat usaha juga termasuk berdoa dan sebagainya. Tapi sebagai pihak Kerajaan sewajarnya pihak Kerajaan kena mengambil kira beberapa langkah *contingency* sebagaimana disebut tadi. Dan sebelum ini, saya tadi ulang balik, ada tawaran daripada Negeri jiran kita Negeri Sembilan untuk membantu menyalurkan air. Mungkin barangkali kita pandang sepi,

kerana pada waktu itu kita tak menjangka krisis ini berpanjangan. Tapi pada malam tadi saya dapat dengar, malam tadi ataupun semalam, Menteri Besar Negeri Sembilan sekali lagi menghulurkan bantuan dalam bentuk sedia untuk menjual air terawat kepada Kerajaan Negeri Selangor. Itu boleh dibincangkan dari segi harga dan sebagainya. Tapi sanggup tak kita menerima bantuan-bantuan daripada negeri jiran kita ini. Supaya krisis air ini dapat di tamatkan segera buat sementara waktu ini. Sebab saya tahu, dari segi penjejasan air ini, saya ingat kalau kita nak cerita dalam Dewan ini, semua orang tahu lah. Ramai orang terjejas, semua terjejas, termasuk kalau ambil peniaga-peniaga kecil sekalipun, hari ini mereka terpaksa naikkan harga jualan makanan sebab pinggan tak boleh basuh. Kena gunakan *polisterin*, pinggan yang guna pakai. Ini terpaksa digunakan. Pelajar-pelajar sekolah pun ada catuan di sekolah. Masjid sekarang dah jadi tempat orang mandi, tak mandi di rumah, mandi di masjid. Kolam renang pun dicerobohi, untuk dapatkan bekalan air. Banyak lagi terpaksa gunakan air bukit dan sebagainya. Jadi soalannya ialah sejak sampai bila. Kebimbangan kita selepas ini kita akan menghadapi musim-musim perayaan. Jadi saya minta Kerajaan Negeri supaya berikan apa pelan *contingency* kita. Apa rancangan-rancangan kita. Nak dengar apa dia. Sekadar mereka menyediakan catuan, menyediakan jadual-jadual catuan, mereka boleh terima, itu sudah biasa. Apa tindakan luar biasa kita. Sebab itulah pada saya, kita terimalah barangkali usaha Negeri Sembilan nak bantu kita. Walau kita perlu membayar dan sebagainya. Ini, kerana rakyat kita perlu sangat air bersih ini. Satu lagi saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan, kena memberikan penjelasan-penjelasan mengenai usaha-usaha yang dibuat, yang dicadangkan, contohnya macam yang terbaru, mengenai HORAS ini. Bila dijangkakan akan mendapat hasil kepada penambahan jumlah air dalam empangan kita. Sebab sesuatu projek ini, saya percaya akan memakan masa yang panjang. Akan mengambil kira masa pembinaan, penyaluran dan sebagainya, dan mungkin tidak akan serta-merta dapat hasilnya. Jadi perlu diperjelaskan, kenapa ini, tindakan ini agak lewat kita buat. Jadi saya menjangkakan Kerajaan Negeri

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minit terakhir, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya menjangkakan dalam jawapan-jawapan nanti kita mengharapkan Kerajaan boleh memberikan satu bentuk jawapan yang konkret kepada rakyat bukan saja kepada kita tetapi kepada rakyat Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, supaya catuan air ini akan dapat ditamatkan. Kita terimalah barangkali sokongan-sokongan daripada negeri-negeri lain ataupun kalau ada mungkin barangkali cadangan-cadangan lain daripada pihak Kerajaan untuk menyelesaikan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Speaker

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh bahaslah, Teratai, saya dah nak habis

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah saja. Terima kasih. Tadi Permatang kata berkenaan dengan cadangan membeli air daripada negeri jiran seperti Negeri Sembilan dan ataupun Perak. Saya nak bertanya apakah pandangan Yang Berhormat Permatang berkenaan dengan catuan air yang berlaku di Negeri Perak, termasuk Taiping, sebagai satu *waters town*, yang di, dengan izin, yang terkenal. Dan juga *ligasi*, berkenaan dengan krisis air yang telah di buat oleh Kerajaan Negeri Sembilan pada bulan Februari tahun ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih, Teratai. Perak, barangkali dia ada masalah air macam kita. Tapi Negeri Sembilan, bila dia menawarkan untuk menjual air ke Selangor, sudah pastilah mereka ada simpanan yang mencukupi, baru dia boleh beri kepada Negeri Selangor. Apabila Menteri Besar Negeri Sembilan dah bersedia untuk membantu Negeri Selangor, sudah pastilah rizab mereka mencukupi. Itu tak ada dipersoalkanlah. Jadi saya mengharap Yang Berhormat Speaker dan rakan-rakan Dewan yang lain dapat sama-sama menyertai perbahasan ini supaya kita dapat satu jawapan dan juga kita dapat bincangkan masalah rakyat, supaya rakyat di luar sana menunggu-nunggu hasil daripada Sidang ini, mudah-mudahan kita mendapat maklumat yang jelas dan juga berita baik. Mungkin daripada Kerajaan Negeri, yang akan memberitahu bila catuan air ini akan dihentikan dan daripada itu, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Sungai Burong. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya juga prihatin untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Sungai Burong berkenaan dengan catuan air ini. Dalam konteks catuan air ini, kita Kerajaan Negeri memang cukup prihatin, Kerajaan Negeri bersama SPAN telah mengadakan rundingan demi rundingan untuk menyelesaikan isu kekurangan air ini. Saya nampak dalam konteks Usul yang dibawa, tergempar yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sungai Burong ini, hanya sekadar untuk menggunakan platform ini untuk menuduh Kerajaan Negeri, menyalahkan Kerajaan Negeri dan tanpa membawa apa-apa *solution*. Dia minta catuan air ditamatkan. Ya, saya tahu, catuan air ditamatkan, dan kita tuduh. Tamatkan, tamatkan. Saya nak tanya, soalan, tadi dengar, saya dengar, Sungai Burong cakap panjang lebar, tapi tak ada *solution*, bagaimana apabila kita tamatkan. Saya nak bagi tahu angka yang saya dapat, butiran yang saya dapat sekiranya kita tak catu air dalam tempoh tujuh hari, Empangan Sungai Selangor akan berada di paras kritikal dan seterusnya akan kekurangan air. Bagaimana pada satu krisis air besar, macam mana Sungai Burong nak bertanggungjawab kepada rakyat. Tolong tanya Sungai Burong, bagaimana nak bertanggungjawab kepada rakyat. Ini bukan kita nak salahkan pada siapa dalam keadaan sekarang ini. Dan satu perkara yang Sungai Burong wajib tahu, harus tahu, mesti faham iaitu pada tahun lepas, 2013, bulan November hingga Disember sepatutnya taburan hujan yang turun pada tahun-tahun kebiasaannya kurang 51

peratus. Ini luar biasa daripada tahun-tahun sebelum ini. Dan ini menyebabkan empangan kita kurang air. Dan Taiping merupakan seluruh Malaysia paling kerap hujan.

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sekinchan, Ketua Pembangkang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah, ini perkara yang menyebabkan masalah krisis air telah dibangkitkan lebih awal lagi dah beritahu kemungkinan krisis air akan berlaku ya. Itu yang pertama, jadi pelan tu saya tak nampak dari dulu sampai sekarang. Bagaimana pelan nak menghadapi sementara *negotiation* ini dibuat antara Kerajaan Negeri dengan kerajaan *Federal*, apakah sekiranya berlaku krisis air, kita jangan fikirkan catuan air, catuan ini adalah satu perkara apabila ini adalah sementara, perkara yang *immediate* catuan. Tetapi kita kena lihat dalam jangka pendek, kita kena ada satu *solution* selain daripada catuan. Itu yang pertama sama ada membekalkan mungkin. Saya tidak lah ingin memberi cadangan ya, saya meletakkan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, misalnya kalau misalnya kalau nak beli air yang dijual di pasaran kerana Kerajaan Negeri mempunyaiyang besar, sampai RM3 bilion memperuntukkan barangkali beberapa *hundred million* dengan izin ya untuk membelikan air-air di pasaran dibekalkan kepada rakyat, itu pun boleh jadi satu *solution* tapi itu pun *solution* orang kata interim juga. Ini kena difikirkan. Saya rasa saya cuma nak menyampaikan mesej ini, saya bukan ada mesej politik, tapi hari ini keadaannya rakyat ni kita perlu, saya, orang kata '*Wake Up Call*'. '*Wake Up Call*' pada Kerajaan Negeri sekarang ni *it have to be serious*, masalah air ni serius dengan izin. Jadi adakah apa ni Yang Berhormat Sekinchan setuju dengan pandangan saya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sungai Burong. Saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa apakah rasionalnya usul ini dibawa, seolah-olah dia nak menyalahkan Kerajaan Negeri bahawa kita tak prihatin isu air ini. Nak tanya lah mana-mana satu dalam lima puluh enam Wakil Rakyat termasuk Pembangkang siapa tak prihatin isu air ni. Rumah kita dicatu air, semua prihatin tetapi ini nak dijadikan satu isu untuk cari publisiti kerana Kerajaan Negeri bersama SPAN sudah bertungkus-lumus mencari kaedah bagai mana nak selesaikan isu ini, Yang Berhormat Sungai Burong cukup, cukup, nanti saya bagi habis.

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini adalah isu rakyat, isu rakyat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan tak bagi laluan.

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, ini adalah isu rakyat, isu rakyat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak bagi, saya tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan tak bagi laluan. Jadi Sungai Burong diberikan giliran untuk memberikan usul.

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini isu rakyat...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, saya faham Sungai Burong. Sekarang giliran Sekinchan, teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, ini isu rakyat, siapa yang tak tahu ini isu rakyat, semua orang tahu, seluruh Malaysia ni tahu catuan air ini isu rakyat, bukan Sungai Burong nak beritahu baru kita tahu. Ini penting saya nak nyatakan..

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan, penjelasan. Itu sebabnya perkara saya nak nyatakan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan nak bagi ke tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup la, saya tengah nak...

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh tak bagi penjelasan. Ini bukan saya fasal isu orang kata isu...itu sebab kita bawa dalam Dewan ini, kalau isu dibincangkan di luar, luar yang membincangkan, *academician, politician* di luar sana, orang Parlimen, tapi dalam Dewan ini isu rakyat ini kita perlu bawa. Jadi saya sebagai Pembangkang ya sebagai tujuannya untuk memberikan *wake up call* kepada Kerajaan Negeri, kita kena bawa isu ini. Itu tujuan saya, bukan nak cari publisiti. Kalau ini memang isu yang sekarang ini, isu yang menjadi publisiti pada hari ini isu yang sekarang yang semasa, memang la isunya isu rakyat, yang menyentuh hati rakyat. Saya tak boleh bayangkan la, Sekinchan mungkin duduk di Sekinchan atau duduk di Shah Alam, air tak dicatu tapi cuba bayangkan kalau tempat-tempat lain, orang terpaksa pagi-pagi anaknya nak pergi sekolah...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok Yang Berhormat, *point* tu tadi kita dah dapat. Ok Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak bagi tahu isu air ini semua terlibat, semua terlibat tak kira Pembangkang terlibat, di Selangor ni kalau isu air semua terlibat, jangan tuduh Sekinchan tak tahu mungkin susah orang kampung macam angkat air,tolak air. Kita tahu apa masalah yang berlaku, kita tahu apa masalah dan kita menghayati masalah ini tetapi sekadar kita nak cari *solution*, nak cari kaedah macam mana untuk mengatasinya tetapi usul yang

dibawa oleh Sungai Burong suruh berhenti, suruh berhenti catu dan tak ada bagi *solution*. Maknanya saya nampak usul ini lebih pada untuk cari publisiti. Kalau ada bawa dengan usul ini dengan cara kaedah cadangan-cadangan A, B, C, D saya sokong macam tu tapi ini tidak, tergantung usulnya, tergantung.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, ini orang belakang pula, Tanjung Sepat minta mencelah.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan, saya ingin penjelasan sama ada catuan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini adalah merupakan salah satu pelan pengurusan krisis air ataupun tidak? Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan bijaksana saya daripada Tanjung Sepat ni. Memang, ini adalah satu pelan menangani krisis ini dan saya nak nyatakan dalam konteks ini...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit lagi ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Satu minit ya. Dalam konteks ini kita nampak kalau kita nak usul ke dalam Dewan yang mulia ini, dia tidak ada masalah, isu air ini, isu rakyat kita bincangkan tapi kalau nak usul tu nak tamatkan catuan, tamatkan segera ya, Kerajaan tamatkan segera.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, ya Sekinchan ada peminat yang ramai, Sungai Panjang dan Teratai.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi Teratai la.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan YB Sekinchan. Saya nak tanya YB Sekinchan sama ada usul yang dikemukakan oleh Sungai Burong ini bercanggah dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mana merujuk muka surat ke dua Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor memberi nasihat bahawa Wakil-Wakil Rakyat haruslah hadir pada setiap sesi sidang dan bangun berhujah dengan memberi cadangan yang bernas. Saya inginkan pendapat Sekinchan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Teratai, dari apa yang dinyatakan, kita harus bertanggungjawab kepada Dewan. Sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, sebagai Ahli Dewan, kita dipilih oleh rakyat, kita punya tanggungjawab, dalam keadaan ini kita kena cari penyelesaian, bukan bawa usul tu, usul tu suruh berhenti tanpa mengemukakan syor-syor. Sekurangnya tak banyak la dalam lima, tiga pun ada, saya tengok tadi satu pun tak ada...

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sungai Panjang

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: ...elek dengan izin. Satu pun tak ada maknanya saya nampak ini lebih kepada nak cakap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Simpulkan Sekinchan simpulkan ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, saya simpulkan sekurang-kurangnya nanti dia nak bahas ya. Sungai Panjang nanti kita bahas. Jadi nampak di negeri yang lain ya kalau ini berlaku saja di negeri Selangor ia marah la Kerajaan Negeri Selangor mungkin saya akur tapi di Perak di Taiping kawasan yang paling tinggi sekali nombor *webred* di Malaysia taburan hujan, *number one* dengan izin *number one* dengan izin taburan hujan, tiap-tiap hari kita sampai orang Taiping pagi boleh buat *betting*, hari ni hujan ke tak hujan. Boleh buat *betting*, RM5.00, boleh, boleh *confirm* boleh menang, boleh tahu maksud saya hujan tu turun...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Simpulkan, simpulkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya simpulkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dah sampai Taiping ya.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Speaker, Kuang minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Taiping, Melaka, contohnya Keluang, sebelum Selangor catu...

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Kuang minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang kalau nak masa berbahas sebab masa terhad sekarang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sebelum Selangor catu air, Keluang, Keluang tu mana ya? Oh Johor, Johor Barisan Nasional. Barisan Nasional Keluang, dah catu lebih awal daripada Selangor. Sampai hari ini masih catu, Sungai Burong tolong jawab perkara ini. Jadi ini nampak, jadi dalam konteks ini ayuh kita letak kepada tanggung jawab kerajaan kita cari penyelesaian bukan suruh berhenti tanpa kemukakan cadangan-cadangan yang bernalas. Ini yang saya marah, saya tak setuju dengan usul sedemikian, cari publisiti. Sekian sahaja terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker, saya cuma ada akan dengan ringkas sahaja untuk usul ni. Yang pertama saya ingin bertanya sama ada dengan hentinya catuan air ini akan menyelesaikan isu yang berpanjangan ataupun, ataupun sehari dua sahaja kita dapat air dan selepas itu kita akan berpanjangan berbulan-bulan kita tak akan ada air disebabkan paras air yang kering ataupun yang rendah di empangan sebab kalau mengikut tadi petikan Sungai Burong juga katakan Jabatan Metrologi Malaysia telah mengatakan bahawa musim ini, musim kering ini bukan sahaja melanda Selangor tetapi untuk seluruh Semenanjung Malaysia khasnya yang mana mengakibatkan bukan sahaja Selangor, kedua negeri Johor, negeri Perak juga mengalami terpaksa menjalankan sistem catuan air ini disebabkan musim kering yang menyebabkan paras air di empangan yang surut. Saya buat petikan kenyataan daripada Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang mengatakan catuan bekalan air terpaksa diteruskan di tiga negeri termasuk Johor, Selangor dan Perak serta Kuala Lumpur dan Putrajaya disebabkan bekalan air di kawasan tadahan air semakin susut meskipun hujan mula turun sejak dua minggu lalu. Kita semua orang memang nampak hari-hari hujan turun sampai ada yang banjir kilat kita tahu tetapi sekarang masalahnya adalah sumber air tu, bukan air terawat dan sudah tentunya mentah atau hujan ni akhirnya akan dirawat dan jadi air untuk kita minum tetapi sekarang ni sumber hujan tu yang tak turun...

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Rawang, Sungai Burong minta mencelah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Nanti saya teruskan saya habiskan baru Sungai Burong tanya sebab itu adalah satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Metrologi Malaysia yang sendiri tadi dipetik oleh Yang Berhormat Sungai Burong lepas tu dia *contradict* pulak dengan kenyataan yang lain. Jadi itu yang saya katakan ini adalah satu cabaran sebenarnya, cabaran dari segi cuaca yang telah berubah dan saya rasa kita semua faham termasuk di kawasan saya Rawang, ramai yang membawa, kita tahu susah duduk di *flat* nak ambil air, yang menjalankan perniagaan terpaksa mencari sumber air dan beli air. Semua ini kita hadapi dan kita sendiri juga rumah tak ada air tetapi kita fikirkan cara macam mana hendak selesaikan. Saya rasa cara lah yang patut kita fokuskan. Dan kedua saya ingin bertanya dalam *interim plan* ini sama ada Kerajaan Negeri pernah berfikir tentang cara untuk adakan pembentihan awan di atas empangan ini sebagai satu cara kita untuk menambahkan air di empangan dan saya tahu dengan cara ini ada juga cabarannya dan kita nampak dan juga mungkin *under ground water* diizinkan di kawasan-kawasan tertentu supaya boleh *supply* kan air untuk *community base* dengan izin untuk kegunaan-kegunaan lain. Ini dua soalan yang saya ingin kemukakan sebelum kita untuk kita fikir sama ada untuk menyokong usul ini sebab bagi saya kita boleh tahan untuk satu hari tapi kalau akibatnya adalah terpaksa menanggung satu atau dua bulan langsung tak ada air saya rasa kita sebagai rakyat Selangor terpaksa bersama-sama menanggung

apa yang kita hadapi cabaran sekarang. Akhir sekali saya ingin mengakhiri usul ucapan saya dengan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh *United Nation Weather Agency* semalam dengan izin yang mana dalam kenyataan semalam menurut *United Nation Weather Agency* telah memberi amaran bahawa kemungkinan fenomena *El Nino* akan melanda Lautan Pasifik dalam bulan Mei ini. Ini adalah satu amaran, maksudnya musim kemarau dan hujan lebat akan berlaku dalam kawasan *region* Lautan Pasifik ini. Bagi saya adalah macam mana kita sebagai...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit lagi.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: ...sebuah kerajaan menghadapi cabaran ini dari segi sumber alam semula jadi ini yang disebabkan oleh perubahan cuaca dan iklim ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, saya akan mempercepatkan Bangi. Saya juga berdiri untuk membahas usul ini tetapi pertama sekali saya rasa sebagai sebuah, sebagai seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab saya ingin mengatakan bahawa usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ini setelah saya mendengar hujah-hujahnya ialah sebuah usul yang tidak bertanggungjawab. Saya ada lebih kurang lima ataupun enam *point* yang saya ingin berkongsi dengan Dewan yang mulia ini. Yang pertama, saya menyangkal tuduhan daripada Ketua Pembangkang iaitu beliau secara ringkasnya mengatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai satu pelan, tidak ada satu persediaan untuk menyelesaikan masalah bekalan air ini maka catuan air ini harus diberhentikan dan ini adalah satu kenyataan yang tidak bukan sahaja tidak bertanggungjawab tetapi sangat bahaya kerana seperti apa yang dinyatakan oleh Sekinchan sekiranya kita hanya nak hentikan sahaja catuan air ini lama-kelamaan dengan masa yang lebih cepat air, paras air di semua empangan di negeri Selangor ini akan kering, akan jatuh dengan lebih cepat dan kita akan menghadapi status kritikal ini dengan lebih awal. Pada masa itu mana kita nak cari air? Saya nak tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh cipta air sendiri? Tak boleh kan. Jadi saya kata...

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Nak bagi saya laluan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak nak bagi laluan Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi tak bagi laluan pada saya juga..ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.....

Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS: Bertanya pada saya, saya tak ada tanya pada Kampung Tunku....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teruskan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: ...tidak menawarkan apa-apa penyelesaian dan saya nak bagi tahu sekiranya Yang Berhormat saya, sekiranya saya dalam keadaan ataupun posisi Yang Berhormat saya akan mencadangkan sebegini rupa. Kerajaan harus berikhtiar mencari jalan untuk mencari lebih banyak sumber air pada masa yang sama mengurangkan pembaziran air, mengurangkan pembaziran air tapi ini adalah strategi yang perlu diguna untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Mencelah sikit Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tidak mencelah, saya tidak bagi kerana tidak diberi peluang tadi. Sila duduk Yang Berhormat. Nanti saya akan memberi sedikit ulasan tentang kos air yang mana Permatang kata tidak perlu dipedulikan dan saya rasa ini juga adalah satu kenyataan yang sangat bahaya dan tidak bertanggungjawab.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Minta penjelasan. Bila saya ada bercakap tidak dipedulikan? Tuan Speaker ini satu tuduhan ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti saya ingin meneruskan, saya nak teruskan hujah saya. Yang kedua hujah saya, hujah daripada Pembangkang tidak menyatakan...

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya tak mengeluarkan kenyataan mengatakan kos tidak diperlukan....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin meneruskan. Tak apa, tak apa, nanti saya akan *through to the point*

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, ini kira tuduhan ni,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya nak teruskan hujah saya

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, ini tuduhan, kata saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang kedua ialah, kita berhujah daripada pembangkang tidak mengambil, saya tak beri laluan, saya tak bagi laluan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya tak mengeluarkan kenyataan mengatakan saya kos tak diperlukan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kalau ada apa-apa, sekarang giliran Yang Berhormat Kampung Tunku bercakap ye. Kampung Tunku tak beri laluan. Kalau nak tarik balik guna Peraturan Tetap. Kalau guna Peraturan Tetap saya benarkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tak benarkan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini sangkaan jahat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin teruskan poin saya dan saya ingin menyatakan bahawa kenyataan Ketua Pembangkang dan pembangkang yang lain tidak bertanggungjawab dan bahaya kerana mereka tidak memberitahu kita, apakah masalahnya, mengapa, apakah punca berlakunya masalah catuan air ini. kita kena tahu kerana catuan air ini bukan dilakukan oleh, keputusannya bukan dilakukan oleh Kerajaan Negeri sahaja

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan, minta penjelasan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: kerana ianya perlu dapat kelulusan daripada SPAN.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: tidak beri laluan. Sekiranya SPAN

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kampung Tunku tidak beri laluan Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia kata saya tak bagi sebab, saya dah bagi sebab tadi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tetapi Yang Berhormat Kampung Tunku tak beri laluan. Sekarang giliran dia, ye.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekiranya kita meneliti macam mana keputusan catuan air ini boleh dibentuk. Kita akan tahu sebenarnya. Ianya perlu mendapat saranan dan juga persetujuan daripada SPAN. SPAN yang akan memberi kelulusan terakhir untuk sama ada benarkan atau tidak. SYABAS pun kena dengar arahan dan perintah daripada SPAN sebenarnya. Jadi saya rasa perkara ini perlu kita lihat, mengapa kita tidak sebut perubahan iklim, mungkin ada sebut Yang Berhormat Rawang, perubahan iklim. Kita ada musim kemarau yang berpanjangan seperti apa yang dikatakan oleh Sekinchan, luar biasa, tidak pernah berlaku selama ini dan pada masa yang sama kita ada jerebu. Kegunaan air melonjak naik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih. Di tempat di negara-negara yang lain, di England berlakunya perubahan iklim, banjir yang terpaling besar di selatan England dalam..

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nak minta penjelasan, boleh tak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang berhormat Kampung Tunku, Ketua Pembangkang minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tidak bagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan. Perkara ini telah dinyatakan dalam

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tidak, tidak bagi

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan. Perkara ini telah dinyatakan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku tak bagi laluan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak bagi, tak bagi. Kita lihat di Amerika Syarikat ada tempat suhu dia sampai negatif 40 hingga 50 darjah Celsius. Ini tak pernah berlaku. Saya rasa ini perlu lihat apakah sebabnya berlakunya perubahan iklim ini.

Yang ketiga saya nak sebut tentang air yang mahal ini. Air memang kita perlukan, tetapi kalau air lebih mahal ataupun semahal petrol atau minyak, macam mana rakyat boleh beli. Itu pun kita kena lihat Yang Berhormat Permatang, bukannya masa berlakunya kemarau ini air sahaja kita tidak ambil peduli, kita tidak payah tengok harganya. Kita pun perlu melihat kemampuan rakyat. Kalau air itu lebih mahal daripada petrol dan minyak, macam mana mereka boleh beli, macam mana mereka mampu. Ini saya rasa perlu dipertekankan di Dewan yang mulia ini

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Simpulkan, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Simpulkan. Cara penyelesaian saya, saya telah nyatakan tadi kita perlu mengurangkan pembaziran. Ini tidak disentuh oleh Yang Berhormat Pembangkang. Kita perlu lihat kegunaan air. SPAN telah mengatakan bahawa, walaupun ada catuan air, kegunaannya masih sama lagi, masih seperti

biasa. Jadi, rasa ini adalah satu sikap yang perlu dikikis. Kita perlu lebih menjimat air.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak bagi..

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kegunaan air boleh diatasi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Kampung Tunku tak bagi laluan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada air

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kampung Tunku tak bagi laluan ye. Teruskan Kampung Tunku. Simpulkan secepat mungkin ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tak bagi laluan. Sekiranya bila ada apa pun sumber air kita boleh menghasilkan beribu-ribu juta liter air, tak payah risau tentang kemarau tetapi sekiranya rakyat kita membazir dalam menggunakan air ini, saya rasa kita tidak menyelesaikan masalah kita. Dan oleh sebab itu saya mohon kepada Kerajaan Negeri mungkin kita boleh pertimbangkan untuk catuan air ini sekiranya ianya berlaku di *low cost flat* ataupun ianya berlaku di pangaspuri yang tidak ada lif, saya memohon sekiranya boleh kerajaan hentikan catuan air di kawasan-kawasan ini kerana kalau nak angkat air dengan tiada lif ia adalah satu, sesuatu yang amat membebankan. Saya rasa ini mungkin boleh dipertimbangkan. Dan bagi kawasan yang mana empangannya telah mencapai 50 ataupun 50% mungkin kita boleh pertimbangkan untuk hentikan catuan air, sekiranya boleh. Saya rasa ini adalah antara cadangan yang boleh dipertimbangkan dan boleh diutarakan tetapi yang Berhormat Pembangkang dia tak sentuh. Jadi itulah sebabnya saya kata ini adalah kenyataan yang bahaya dan tidak bertanggungjawab. Saya berharap cadangan-cadangan saya ini dapat diterima oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAPIE BIN NGAH: Terima kasih Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya juga berminat untuk bincang tentang usul Ketua Pembangkang ini mengenai Cadangan Catuan Air disegerakan seberapa mungkin,

Y.B. TUAN NG SWEE LIM: Segera diberhentikan

Y.B. TUAN MOHD SHAPIE BIN NGAH: Diberhentikan seberapa cepat. Ini adalah satu cadangan yang sebenarnya membimbangkan seluruh rakyat Selangor. Nampak usulnya bagus tetapi membimbangkan kerana bila kita mencatuu sesegera

mungkin kadar keadaan air yang tidak mencukupi akan menyebabkan lebih ramai mangsa akan terkena dengan catuan air ini. Saya percaya harus ada satu cadangan yang terbaik untuk menyelesaikan dalam tempoh yang terdekat dan kita tak boleh menafikan tentang kuasa Tuhan dalam aspek ini. Pada sidang yang lepas, saya ingat kita berbincang panjang tentang banjir. Banjir yang berlaku sampai tidak terfikir oleh kita kerana satu perkara yang tak boleh di nafi iaitu kerja *Allah Subhanahuwataala* yang menguji kita menurunkan hujan yang sebeginy banyak sehingga tak tertampung oleh negeri Selangor. Dan hari ini kita kena akui bahawa ujian datang kepada kita sekali lagi untuk kita berwaspada bahawa bijak macam mana manusia pun jangan lawan takdir Allah Subhanahuwataala. Kita mempunyai empangan yang baik, yang banyak tetapi kalau hujan tak masuk ke empangan ini apa kuasa kita, tidak ada melancong tindakan kita minta usaha ikhtiar kita untuk mencatuh air. Saya berkongsi pengalaman dengan Ketua Pembangkang ketika 2 kawasan terbesar mengalami masalah air iaitu di Balakong dan di Bukit Bangkong. Mangsa yang paling seksa ialah mereka yang tua dan daif. Kenapa air langsung tak ada, berhari-hari, berminggu-minggu dan mereka menanti-nanti apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor. Akhirnya Selangor membuat keputusan membuat catu. Wah, ini yang kami tunggu, iaitu catu air bermaksud bagi masa air sejumlah air kepada kami beberapa hari, kemudian bagi kepada orang lain beberapa hari. Ini maksud catu air, berkongsi *sharing* dengan izin *sharing is caring* dengan izin. Dengan keadaan kita *caring* dan *sharing* inilah maka semua rakyat Selangor akan merasa nikmat kebijaksanaan kita menjadikan catuan air sebagai program interim yang segera untuk rakyat Selangor. Apa yang saya minta ialah supaya kita lebih cermat untuk menilai apakah catuan yang telah kita buat ini memberi kesan yang lebih berpanjangan. Kalau jadual 2 hari ada kawasan yang sampai 3 hari, itu kita kena fikir, minta kita serius untuk menilai kesan-kesan sampingan daripada jadual kita buat, kemudian kita sepatutnya memikirkan, menggalakkan seluruh rakyat negeri Selangor menjimatkan penggunaan air. Kadang-kadang kita pun sedih juga. Ambil air beginy banyak, buang air beginy banyak. Ambil air sembahyang macam basuh kerbau, memandikan kerbau sedangkan nak ambil sembahyang cukup dengan sebotol air sebesar ini dan kita ambil wuduk seperti memandikan seekor kerbau tua. Ini adalah daripada kita tak mendidik rakyat kita menggunakan air dengan jimat-cermat. Basuh kereta semahunya dan tidak menggunakan hujan lebat untuk ditakung untuk kegunaan basuh kereta, siram pokok semua nak pakai air paip air bersih. Ini adalah satu keperluan hari ini sebab kita minta seluruh rakyat faham program pencatuan air adalah untuk semua rakyat, *benefit* rakyat, mengurangkan kos yang tinggi di Balakong dan juga Bukit Bangkong. Kita terpaksa hantar lori yang banyak, pekerjaanya ramai, kami tunggu sampai 3.00 pagi masih bekerja menghantar air, lori yang banyak, kos minyak yang tinggi, elau yang besar. Itu kena fikir, kita potong yang ini buat catuan air, air masuk terus ke rumah orang tak perlu penghantaran macam kita buat secara tradisional. Saya percaya usul ini sepatutnya diberikan penjelasan dan cadangan yang tuntas, tetapi tak berlaku. Saya tak bersetuju dengan usul ini. terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memberi penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya meneliti tentang hujah-hujah yang diberikan, ada hujah yang betul ada hujah yang munasabah ada juga hujah yang tak munasabah tetapi saya tidak nak memakan masa sekarang sebab *the issue is solving the problem*. Kalau nak fasal hujah saya sangat berminat tentang pemikiran ilmiah tetapi tak apa. Apa yang telah saya lakukan, saya mengadakan perbincangan, 2 perbincangan untuk menyelesaikan bukan bincang siapa salah siapa betul tetapi membincangkan tentang perkara bagaimana kita dapat mengatasi jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang tentang masalah isu pengeluaran air dan juga masalah pengaliran air kepada pengguna. Untuk ini, pada hari Isnin Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan akan mengadakan satu majlis yang akan menerangkan langkah-langkah yang kita akan ambil. Satu langkah yang akan ambil seperti disebut oleh Rawang ialah *cloud seeding*. *Cloud Seeding* sebulan yang lepas kita tidak boleh melakukan *cloud seeding* sebab walaupun ada awan tetapi tidak mempunyai jumlah takungan di dalamnya, kelembapan awan tersebut. Tetapi buat masa sekarang terdapat awan yang lembap kalau kita lihat secara bukan saintifik penerangannya keadaannya lebih gelap daripada kalau awan yang tak ada air. Mengapa kita tidak boleh buat *cloud seeding*. Jawapannya ialah kapal terbang kita tidak cukup, jadi jawapannya. Itu jangan dijadikan perbahasan politik. Peralatannya tidak cukup kerana kita ada tugas-tugas lain. Oleh itu saya bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan untuk meminta *Cloud Seeding Company* daripada Thailand untuk menjalankan untuk di negeri Selangor. Dia akan bermula pada minggu depan. Jadi supaya sekurang-kurangnya

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah Yang Amat Berhormat

TUAN SPEAKER: Saya minta bagi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar habiskan penjelasan dahulu, nak tanya soalan nanti lagi senang, silakan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nanti saya nak terangkan sebab kita cadangkan sekurang-kurangnya dalam masa satu minggu, 3 kali kita buat di kawasan yang kita perlukan iaitu antara kawasan yang terbesar yang kita perlukan ialah di kawasan Empangan Sungai Selangor. Sebabnya kita perlukan itu 60% pengeluaran air terawat dari kawasan aliran Sungai Selangor., itu sebab kita lakukan. Kedua, itu akan berlaku, akan berlaku, itu *step* satu dan kita akan menengok sama ada usaha kita itu memberikan kita hasil. Saya tidak akan bercadang untuk mengatakan kita berhasil atau tidak, kita buat dulu, kita tengok, kita kaji dan kalau dia berhasil dan sampai ke peringkat anu, tak adalah pencatuan akan berlaku. Jika ini, kita ada *option*, jika itu berlaku dan perbincangan kita ialah perbincangan akademik tetapi kemudian kita akan fikirkan masa jangka panjang dan jangka berterusan.

Kedua, kita juga akan melihat bagaimana hendak menyelesaikan masalah air yang melalui Cheras Batu 10 dan juga Semenyih yang ammonia tu. Jadi kita juga telah bersetuju untuk mengalirkan ada air dari sungai untuk ke kawasan itu dan Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dan negeri untuk memperuntukkan RM5 juta untuk paip untuk mengalirkan itu. Sebabnya Semenyih dan kawasan-kawasan itu terlibat Putrajaya dan Kuala Lumpur dan kita akan berkongsi tentang penyelesaian perkara tersebut.

Ketiga kita akan jika *cloud seeding* itu tidak banyak berjaya kita akan membuka kolam-kolam balik, yang ada kita belum sampai ke peringkat *emergency*, untuk pengetahuan dewan kalau sampai peringkat *emergency* barulah kita pergi ke peringkat *under ground water* dan juga kolam-kolam yang kita tidak gunakan, ada ini masih ada lagi sebab itu akan kita lakukan dan saya akan bersama-sama dengan kerajaan persekutuan, sama ada Timbalan Menteri ataupun Menteri air pada hari Isnin ini akan menggariskan gerak kerja yang kita lakukan dalam minggu ini untuk menyelesaikan perkara tersebut. Tetapi kita tidak boleh tarik balik pencatuan air, untuk itu kita tidak boleh tarik sekarang kerana langkah menarik balik pencatuan air akan mengakibatkan akibat yang akan lebih buruk kalau air takungan itu lebih cepat jatuhnya.

Itu sebab kita kata lebih baik kita membuat catuan untuk memberi masa dan kalau kita dapat selesaikan dan perkara itu akan lebih senang diselesaikan daripada kita buat catuan. Dan jika perkara itu berlaku kita akan mula juga membuat peringkat penyatuan berperingkat pada awalnya untuk pengetahuan dewan, catuan hanya akan dibuat untuk menyelesaikan masalah di Ammonia yang di Cheras, itu sebab ada catuan dibuat yang sebenarnya SYABAS menyelesaikan masalah itu dengan tidak memberi air kepada penduduk-penduduk sebab dia kata sampai perkara itu selesai kerana dia takut tak cukup air.

Jadi jawapan kita kalau itu berlaku ada orang yang menerima kesan yang paling buruk ada orang yang bernasib baik yang tak terkena kesan jadi oleh sebab itu kita adakan catuan fasa pertama, catuan fasa pertama itu semua orang yang ada paip akan mendapat air, tetapi dua (2) hari ada air dan dua (2) hari tak ada air, itu sebab yang kita buat begitu. Dan dia mula berjalan tapi kita mula fikirkan kita buat catuan itu untuk keseluruhannya itu sebab pada dan perbincangan kita bukanlah satu keputusan kerajaan negeri tetapi satu keputusan yang kerajaan negeri bersama-sama dengan SPAN bersama-sama dengan LUAS dan juga SYABAS menentukan SYABAS menjalankan projek ini. Sebab pada SYABAS kata SYABAS itu sebab kita perlu menyusun semula industri air tersebut.

Sebab dalam perbincangan kita dengan SYABAS, SYABAS mengatakan itu bukan hal kita sebab tak ada air mentah itu bukan hal SYABAS. Jadi, oleh sebab itu rakyat tak dapat air, kalau itu konsep yang dipegang oleh konsesi air itulah sebabnya saya

rasa kerajaan persekutuan pun bersetuju bahawa penyusunan semula industri air secara keseluruhan itu perlu dilakukan.

Tapi kita sudah saya melihat ini akan kita cuba lakukan tapi jangka pertengahan sudah tentulah HORRAS 600 ini mesti dipercepatkan, HORRAS 600 inilah satu program untuk mengalihkan air dari sungai Selangor untuk program 600 million liter satu hari, sebab kalau kita dapat 600 milion liter satu hari ini akan menyelesaikan sementara masalah ataupun macam kekurangan air kita dapati dan saya juga telah meminta kerajaan persekutuan bersetuju supaya kerajaan negeri juga meneruskan membuka HORRAS itu kepada 3,000 milion liter satu hari kerana untuk masa depan sama ada dengan kerana Langat 2, hanya mengeluarkan 1 ribu million liter satu hari jadi kalau kita ada HORRAS itu kita ada lebih daripada 3,000 million liter satu hari, jadi dengan cara itu jangka pertengahan kita dapat selesaikan perkara ini.

Jadi secara ringkas catuan bekalan air di negeri Selangor akan dipantau diteliti mengambil keprihatinan kawasan-kawasan yang perlu ditolong termasuk hospital dan juga kawasan-kawasan industri kawasan-kawasan yang ada Ahli Wakil Rakyat yang meminta kawasan-kawasan pangaspuri-pangaspuri kos rendah yang perlu diberi sokongan. Itu pun kita akan cuba lakukan. Ya Sri Muda.

TUAN SPEAKER: Ya, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Saya ingin memohon sedikit penjelasan daripada kerajaan negeri berkenaan dengan siapakah? Yang menetapkan catuan mesti dibuat apabila kolam tадahan kita telah mencecah kadar 55%. Kedua, saya ingin bertanya Kenapa kadar 55% itu tidak dibezakan mengikut keluasan kawasan kolam, ada kolam yang besar mungkin bawah sedikit, mungkin bawah daripada 50% yang kecil mungkin sekitar 55% jadi saya mohon penjelasan daripada kerajaan negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang daripada perangkaan ini, perangkaan yang paling besar yang kapasiti yang paling besar ialah Sungai Langat dan Sungai Selangor yang kapasiti yang paling besar dan yang sekarang paras empangan yang ada sekarang Sungai Selangor 36, Sungai Tinggi 61 Sungai Semenyih 71 Sungai Langat 49 Klang Gate 50, Tasik Subang 86 Sungai Batu 77 tapi Tasik Subang tu, kita tak ada sebab walaupun Tasik Subang ada kita nak catuan air itu keseluruhannya, itu sebab kita kata yang paling penting bagi saya ialah Sungai Selangor dia sampai ke-55 sebab jumlah kapasiti simpanan ialah 235. Jadi kalau kita tak sampai ke peringkat itu, tapi untuk menunjukkan untuk memberitahu rakyat nak katakan sungai Selangor begini kita kata apabila semua sampai ke peringkat 55% kita apakan kita buka dan ke atas sebab sekarang juga taman tasik subang 86% tapi kapasitinya 3.5 meter padu terlalu sedikit.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Yang Berhormat Speaker, cuma mohon penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, nombor-nombor yang disebutkan sebentar tadi, daripada mana nombor-nombor adakah kita melantik *independent* agensi untuk mendapatkan maklumat atau sebagainya. Kerana maklumat orang kampung mengatakan sebenarnya air ini dah lebih 55% katanya, orang kampung bercakap, jadi soalnya daripada mana ataupun.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Nombor atau angka-angka ini dikeluarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor untuk air mentah, walau bagaimana yang dibuat bersama dengan jabatan meteorologi dan disahkan oleh SPAN. Jadi tiga (3) kumpulan itu membuat angka itu, dan angka ini untuk pengetahuan Ahli Dewan Undangan Negeri dan dimasukkan di dalam web, laman-laman web ada dia tiap-tiap hari ada diberikan angka-angka ini kerana terdapat juga ramai rakyat yang nak memantau tentang keadaan tersebut, dia tahu.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan saya tadi tidak dijawab, Adakah? Kerajaan melantik *independent body* untuk dapatkan *second opinion*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya tidak akan menyangka, ini sebab ini *verify* bukan maknanya *verify* orang ini *this professional people* kalau kita panggil *independent body* kelak maknanya dia di luar Negara lah tapi kalau inilah *the independent people* dia akan kalau orang ingin menyatakan bahawa kiraan mereka tidak betul ataupun pembacaan mereka tidak betul ha. Ha.. hari Isnin ini saya akan tanya kalau betul ini ada saya disoal oleh Ahli Dewan Negeri kiraan profesional kita di sangsi jadi saya minta satu kajian dengan cepat sama ada kiraan ini betul saya akan lakukan. Saya ingat profesional kita saya agak akan protes tentang perkara inilah. Tapi saya akan lihat..

TUAN SPEAKER: Baiklah saya akan benarkan dua (2) soalan sahaja, Bukit Gasing dan Batang Kali.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasihlah ya Dato' Menteri Besar kerana dengan masalah kos rendah dan sanggup untuk menilai semula catuan untuk flat, tetapi satu (1) lagi cadangan yang beberapa kali dibangkitkan dalam dewan ini ialah Jawatankuasa Pilihan untuk isu-isu air ini, ha saya harap boleh dapat ulasan Dato' Menteri Besar untuk penubuhan jawatankuasa pilihan ini.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi ada menyebutkan bahwasanya paras air di Sungai Selangor atau empangan Sungai Selangor itu telah menurun kepada 36% dan merupakan sumber air terbesar untuk kedua-dua Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kebimbangan saya di sini ialah mengikut apa yang dilapurkan sebelum ini yang paling kritikal sekali paras ialah 35 ke bawah. Jadi kita cuma ada 1% lagi, so sejak daripada 13.4., 13.2. hingga 16.4 saya melihat kadar penurunan telah pun menjangkau hampir 20%. dua bulan,

TUAN SPEAKER: Soalan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya, nak bawa ke soalan

TUAN SPEAKER: Terus kepada soalan Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jadi ini, saya tengok tadi, Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa *cloud seeding* ataupun pemberian awam yang memakan RM200,000 satu pemberian. Cuma kita dimaklumkan bahwasanya peratusan kejayaannya ada 5% di atas sana kerana bimbang dengan angin yang tidak tentu arah di atas sana. Jadi itu saya fikir kerajaan negeri kena kaji dan yang kedua saya nak beritahu di sini bahwasanya air percuma setiap bulan ini belanja 11 juta jadi semasa krisis air di Melaka dulu, Kita....

TUAN SPEAKER: Batang Kali terus pada soalan kalau tidak saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar habiskan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya, saya nak mencadang.

TUAN SPEAKER: Soalan-soalan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jadi soalan saya tu apakah? Kalau di Melaka dulu krisis dia kita bawa air daripada Muar, untuk *peel* ini tadahan itu dengan RM11 juta ini, sementara ini untuk sementara sahaja, apakah? mungkin RM11 juta kita ini kita gunakan untuk mengalirkan air daripada satu sumber, kalau Negeri Sembilan tadi tu, mampu apakah ? mungkin daripada sembilan (9) kita gunakan duit RM11 juta ini.

Dan satu lagi yang akhir iaitu Akta LUAS ini, di kampung-kampung ini kita boleh menggali air tetapi Akta LUAS *prohibit* (*menghalang*) jadi apakah mungkin Akta LUAS ini di *relaxkan* sikit pada waktu-waktu ketika macam ini. Tiga (3) perkara ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Batang Kali bacaan itu betul tapi tentang peratus kejatuhan itu, betul, tetapi peratus kejatuhan itu jatuh dengan

cepat sebab tak ada catuan satu ribu mililiter satu hari. Itu sebab dia jatuh. Itu sebab apabila kita tengok dia jatuh cepat tu...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Maaf saya mencelah tentang bab itu kerana...

TUAN SPEAKER: Kita tak benarkan mencelah. Kita nak habis. Kita ada banyak usul. Batang Kali duduk. Batang Kali tolong duduk.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sebab ada..

TUAN SPEAKER: Dato' Menteri Besar, tolong. Sila, tolong teruskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya. Tak apa, Batang Kali boleh saya panggilkan pegawai untuk berjumpa dengan Batang Kali untuk memberikan penerangan dan tetapi dengan cara yang kita buat. Dengan catuan yang kita buat ini *the peratus kejatuhan* itu lebih kurang. Lebih kurang. Jadi maknanya dia dapat kita pertahankan. Itu, itu yang kita lakukan. Kedua tentang *cloud seeding* kita tak dapat membuatnya. Jadi, sebab tidak cukup kapal terbang yang khas untuk *cloud seeding* sebab kapal terbang kita digunakan untuk membuat kerja-kerja lain termasuk dihantar ke Australia untuk mencari MH 370. Saya tak tahu mengapa dia hantar, tapi, itu saya tidak hendak berbincang tentang perkara tersebut. Dan, dan dari segi pembelian air kita belum sampai ke peringkat itu lagi. Kalau dah ada air hujan, anu, kita tidak perlu lagi. Yang hanya menggunakan sebelas juta ringgit itu lebih baik macam kerajaan Persekutuan membuat paip mengalih air daripada satu kawasan sungai ke satu kawasan sungai yang lain. Itu lebih baik sebab itu akan berpanjangan bukan memberi duit kepada lori untuk membawa air. Jadi itu tidak. Jadi saya rasa apa yang akan berlaku ialah pada hari Isnin saya akan buat pengumuman dan tiap-tiap hari Jumaat saya juga akan membuat pengumuman tentang keadaan semasa dan bagaimana kita menyelesaikan masalah krisis air ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa masalah di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang berbunyi..

“ Bahwasanya Dewan yang mulia ini menggesa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor mengambil tindakan segera bagi menamatkan pencatuan air dan membekalkan semula air kepada semua pengguna-pengguna di seluruh Negeri Selangor, Lembah Kelang dan Wilayah Persekutuan serta kawasan-kawasan yang terlibat sehingga menyebabkan kesusahan, kepayahan dan penderitaan rakyat dalam mengharungi kehidupan harian mereka.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

DEWAN: Tidak.

TUAN SPEAKER: Tidak dipersetujui. Baiklah saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Gasing untuk meneruskan usul tadi. Sudah habis. Ah! Pencadang. Pencadang usul. Balakong. Untuk usul ini saya benarkan pencadang sepuluh minit, yang hendak bahas lima minit sahaja kerana kita masih ada banyak usul. Silakan Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih kerana sudi memberi peluang supaya Balakong boleh mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang berbunyi bahawa “ Dewan yang mulia ini menggesa semua jabatan-jabatan kerajaan Selangor termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah supaya semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat perlu juga disediakan perkhidmatan atas talian atau pun *on line* seiring dengan kemajuan teknologi maklumat pada masa ini dan untuk memudahkan permohonan-permohonan oleh rakyat untuk pelbagai perkhidmatan kerajaan”. Tuan Speaker. Urusan *on line* adalah perkhidmatan di luar kaunter yang akan menjadi budaya zaman teknologi maklumat masa kini dan hadapan. Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pentadbiran Pengurusan Malaysia atau pun MAMPU pernah membuat ramalan bahawa kira-kira sembilan puluh peratus urusan kerajaan boleh dilakukan di luar kaunter atau pun secara *on line* menjelang tahun 2015. Sehingga kini kita masih tiada data yang tepat untuk menggambarkan peratusan perkhidmatan *on line* yang disediakan oleh kerajaan. Dengan pelaksanaan perkhidmatan *on line* orang awam tidak perlu lagi menampil ke kaunter dan menunggu giliran yang melibatkan masa dan kadang-kadang wang. Satu transaksi boleh dilakukan pada bila-bila masa mahu pun tengah malam selagi sistem berfungsi dan dengan ini Balakong yakin bahawa ia dapat membantu dalam mengurangkan aliran trafik dan kesesakan lalu lintas. Selain daripada itu pemohon dapat mengelakkan kerentak birokrasi kerana tidak perlu berdepan dengan pegawai-pegawai tertentu yang berkemungkinan memilih kasih atas faktor kenal dan sebagainya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita semua sedia maklum bahawa kebanyakan rakyat Malaysia berasa berat jikalau hendak mengunjungi jabatan-jabatan kerajaan. Ini adalah kerana mereka beranggapan ia sangat leceh dan membuang masa. Oleh itu mereka sering menggunakan perkhidmatan orang tengah atau pun lebih dikenali *runner* dengan izin. Perkhidmatan *on line* dapat mengurangkan penggunaan orang tengah kerana ia menepati prinsip dengan izin *what do you know, what you know* yang tidak lagi seperti amalan lama iaitu *who you know* dengan izin dan mengurangkan kes penipuan. Perkhidmatan *on line* juga dapat memastikan tahap pematuhan piagam pelanggan dan *efficiency* perkhidmatan di jabatan-jabatan dipertingkatkan sebagai mana yang kita semua tahu jabatan-jabatan kerajaan Selangor telah memulakan perkhidmatan *on line*. Balakong mengambil MPKj Majlis Perbandaran Kajang sebagai contoh. MPKj telah memulakan perkhidmatan *on line* dan banyak urusan yang boleh dilakukan. Contohnya perkhidmatan e-aduan yang membolehkan aduan dibuat secara *on line*

untuk mengelakkan pengadu mengunjungi MPKj untuk membuat aduan atau pun membuat aduan melalui panggilan telefon yang selalunya makan masa yang panjang atas sebab panggilan tidak dijawab. MPKj juga menyediakan perkhidmatan e-taksiran, satu sistem menyemak cukai taksiran, percetakan penyata dan cetakan bil cukai taksiran. Banyak lagi perkhidmatan *on line* yang telah disediakan seperti e-dewan, e-OSC, e-tender dan sebagainya. Balakong ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan Selangor kerana berjaya melaksanakan pelbagai perkhidmatan *on line* yang sedia ada. Walau bagai mana pun Balakong ingin mencadangkan supaya ia melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan *on line* diperluaskan lagi dengan lebih menyeluruh supaya cara bekerja serta inovasi baru ini mampu meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan secara berterusan untuk meningkatkan daya saingan negeri Selangor sebagai negeri metropolitan termaju di Malaysia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bangi walau pun terbaik masih ada ruang untuk dipertingkatkan lagi. Sekian Balakong menyokong usul.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker. Kinrara ingin turut serta membahas dalam usul yang dibentangkan oleh Bukit Gasing tentang *on line, system on line*. Pelaksanaan e-kerajaan harus dipantau sepanjang masa supaya memastikan segala maklumat yang dipaparkan dan bakal di akses oleh para pengguna awam adalah terkini dan tepat informasinya demi mengelakkan kemusykilan yang akan timbul. Tahap penawaran perkhidmatan e-kerajaan telah meningkat dengan cepat dan telah mencapai tahap perkhidmatan yang maju. Namun demikian berdasarkan aduan-aduan lepas didapati bahawa tahap penggunaan perkhidmatan awam atas talian atau *on line* oleh rakyat masih rendah. Ini bermakna usaha pelaksanaan perkhidmatan e-kerajaan gagal menarik lebih ramai pengguna dan tidak mencapai tujuannya. Di samping itu terdapat di antara mereka yang telah menggunakan perkhidmatan e-kerajaan tidak meneruskan penggunaan e-kerajaan tetapi telah balik semula untuk menggunakan perkhidmatan kaunter. Berikut itu Kinrara mencadangkan supaya pendekatan yang lebih memberi fokus kepada agensi perlu ditukar kepada pendekatan pelaksanaan yang berasaskan pengguna atau rakyat. Pendekatan yang berfokuskan rakyat bermakna perkhidmatan e-kerajaan akan dibangunkan berasaskan keperluan dan ciri-ciri yang mengambil kira kehendak dan keupayaan rakyat. Hal ini bertujuan menggalakkan pengguna sistem atas talian di kalangan warga Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi mereka yang menggunakan cek untuk pembayaran Bank Negara Malaysia akan mengenakan caj tambahan sebanyak lima puluh sen bermula dari Januari, 1 hari bulan Januari tahun depan. Ini juga akan menjadi satu beban kepada rakyat. Selain itu aplikasi e-kerajaan juga dapat menjimatkan kos seperti masa dan tenaga serta kos penggunaan kertas apabila konsep *paperless* dengan izin diperkenalkan dan diaplisasikan sepenuhnya. Selangor sebagai sebuah negeri yang termaju penggunaan e-kerajaan adalah amat perlu diperluaskan. Kerja

pengurusan dokumen, permohonan, pemprosesan dan sebagainya menjadi lebih cepat, cekap dan berkesan tanpa kesilapan. Keadaan ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa bahkan menjimatkan tenaga dan wang perbelanjaan bagi pihak kerajaan mahu pun rakyat. Oleh itu Kinrara menyokong usul Bukit Gasing dengan harapan:-

- 1) Rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih baik daripada kerajaan
- 2) *City empowerment* dengan izin melalui maklumat yang lebih mudah diakses.
- 3) Kerajaan yang lebih cekap, cepat dan tepat
- 4) Meningkatkan interaksi antara g to c, g to b dan g to g yang lebih telus mudah beroperasi pada tahap penjimatan tertinggi.
- 5) Hubungan dua hala yang lebih baik antara kerajaan dan rakyat. Dengan ini Kinrara menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Puan Speaker. Templer mengambil bahagian untuk menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Gasing supaya menggesa semua jabatan-jabatan kerajaan Selangor termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah supaya semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat perlu juga disediakan perkhidmatan atas talian. Dengan bersetuju dengan pandangan-pandangan yang dibawa oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain tadi berkenaan dengan kecekapan mengelakkan dari sudut dari permasalahan-permasalahan yang timbul dan sebagainya di sini Taman Templer ingin memberi pujian kerana hasil daripada tinjauan yang dibuat sudah banyaknya sebenarnya jabatan-jabatan termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan yang telah pun melakukan perkhidmatan atas talian. Walau bagai mana pun ia masih lagi terhad pada perkara-perkara atau pun aplikasi yang melibatkan aduan, maklum balas awam, bayaran secara atas talian, borang perkhidmatan, jadi Taman Templer menggesa kerajaan supaya meningkatkan lagi dan memperbanyakkan lagi aplikasi atas talian sejajar dengan kedudukan Selangor sebagai sebuah negeri yang maju yang perlu menerajui dari sudut menggunakan pakai teknologi-teknologi yang terkini, mempunyai tenaga-tenaga mahir yang ramai, capaian *internet* yang tinggi dan juga tiada mempunyai permasalahan dari sudut bajet dan sebagainya. Jadi sewajarnya Taman Templer menggesa supaya kerajaan Selangor mendepani negeri-negeri lain juga Malaysia dalam meningkatkan lagi aplikasi *on line*. Dari sudut yang lain saya ingin mengambil perhatian Dewan berkenaan dengan sebenarnya aplikasi *on line* ini juga banyak membantu rakyat yang sekarang ini dihimpit dengan permasalahan kos sara hidup yang tinggi. Kalau kita perhatikan ramai di kalangan wanita khususnya

yang dahulunya mereka belajar di luar negara, di peringkat ijazah, universiti tempatan dan sebagainya mempunyai pendidikan yang tinggi. Tetapi oleh kerana kos sara hidup selepas mereka berkahwin ada anak dan sebagainya mengimbangkan kos, mengimbangkan pendapatan yang mereka perolehi berbanding dengan kos sara hidup di luar kena ada kereta keluar, tol, minyak dan sebagainya begitu juga dengan terpaksa menghantar anak ke nurseri mereka terpaksa menjadi suri rumah sepenuh masa. Suri rumah sepenuh masa duduk di rumah jaga anak dan uruskan keluarga sahaja. Jadi dengan adanya sistem aplikasi *on line* secara menyeluruh ini mereka boleh banyak membantu urusan-urusan suami yang mana urusan keluarga yang berkaitan dengan agensi-agensi kerajaan atau pun juga boleh bekerja daripada rumah sesuai dengan konsep *small office home office* dengan izin. Daripada rumah sahaja mereka boleh menjawat jawatan-jawatan yang tertentu, menguruskan urusan-urusan yang berkaitan dengan agensi-agensi kerajaan. Walau pun kita telah pun lama berada dalam *new milleneum* 2020 tetapi kita lihat bagaimana kita masih belum lagi mencapai tahap yang boleh dibanggakan khususnya dari sudut aplikasi-aplikasi yang berat seperti *application-application* dalam konteks PBT-PBT dan sebagainya masih lagi di peringkat cubaan dan sebagainya. Jadi, Taman Templer menggesa kerajaan supaya memastikan perkhidmatan atas talian ini diadakan secara menyeluruh dan khususnya juga mampu membantu dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Terima kasih, Taman Templer menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Seri Serdang. Lima minit.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, saya sedang menyokong usul Yang Berhormat Bukit Gasing menggesa semua jabatan-jabatan kerajaan negeri Selangor termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-pejabat Daerah supaya semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat dan perlu juga disediakan khidmat atas talian *online* seiring dengan zaman teknologi maklumat untuk memudahkan permohonan-permohonan dan pertanyaan-pertanyaan rakyat melalui *online*. Seri Serdang sepenuhnya mengharapkan kepada PBT dan Pejabat Daerah agar dapat membuat satu anjakan yang pantas untuk mengemaskinikan aduan untuk menjawab dan memaklumkan kepada rakyat yang memohon. Oleh itu, saya sedang menarik perhatian berkenaan *booking online* sebagai contoh MPSJ satu PBT yang cukup cekap dan cepat. Tahniah kepada Yang Dipertua MPSJ dengan gerak kerja yang begitu pantas melalui *online* termasuk *booking* dewan di DUN Sri Serdang, Puchong Indah khasnya dan ini kerajaan negeri dan Sri Serdang menyokong sepenuhnya atas usul ini. Sekian, Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang bagi Teratai untuk menyertai sesi perbahasan pada petang ini. Teratai memang menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing untuk supaya perkhidmatan *online* ini dapat dilaksanakan secara

sepenuhnya di negeri Selangor ini, atas kebaikan-kebaikan yang membawa kepada rakyat. Teratai di sini ingin mengutarakan isu yang dihadapi apabila bagi Kerajaan Tempatan yang terutama sekali bagi OSC. Yang mana, bagi OSC sepatutnya satu perkhidmatan *online* atau pun pemohon boleh mengemukakan permohonan hanya ke OCS, One Stop Centre sahaja sehingga masa kini bagi pemohon-pemohon mereka masih terpaksa pergi ke jabatan-jabatan yang melibatkan lebih kurang dua puluh jabatan agensi kerajaan disebabkan bukan semua agensi kerajaan yang menggunakan sistem yang sama atau pun telah melengkapi sendiri dalam pejabat-pejabat masing-masing supaya satu penyelarasan secara *online* dapat dilakukan. Perkhidmatan *online* memang mendatangkan kebaikan kepada rakyat akan tetapi sekiranya kerajaan atau agensi-agensi kerajaan belum bersedia ia hanya berlaku secara teori sahaja dengan izin *it nice to look on the paper itself but its not practical*. Jadi di sini, Teratai ingin menyeru supaya agensi-agensi kerajaan boleh melakukan menggunakan satu sistem, sistem pengkomputeran yang sama supaya bagi perkhidmatan *online* ini dapat dilaksanakan dengan secekap yang mungkin. Teratai di sini juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak MPAJ sebab setakat Februari 2014, jumlah statistik yang menggunakan e-perkhidmatan melalui MPAJ adalah hampir satu juta dengan izin ialah sembilan ratus lapan puluh satu ribu dua ratus dua belas (981,212). Jadi angka ini menunjukkan satu angka penambahan betapa perlunya penduduk-penduduk di bawah di negeri Selangor ini memerlukan perkhidmatan *online* demi menjimatkan masa dan tenaga dan juga duit mereka supaya mereka tidak perlu lagi untuk beratur di pejabat-pejabat kerajaan masing-masing. Teratai di sini juga ingin mengutarakan bahawa buat masa kini bagi Pejabat Tanah atau Daerah di Selangor ini hanya beberapa aplikasi atau permohonan yang dibenarkan untuk melakukan mengemukakan permohonan secara *online*, iaitu pindah milik gadaian sahaja. Dengan ini, Teratai mengambil peluang di sini menggesa kerajaan supaya dapat memberikan lebih banyak kemudahan permohonan bukan sahaja hanya terhad kepada pindah milik dan gadaian juga tapi permohonan yang lain dapat dilakukan secara *online*. Melalui sistem-e ini Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dapat menyelesaikan dengan jumlah kes empat ribu enam ratus lima puluh empat (4,654) kes pindah milik tanah dapat diselesaikan yang mana melibatkan tanah permohonan yang telah dilakukan berpuluh-puluh tahun yang lalu. Teratai juga....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Teratai ringkaskan. Lampu sudah hampir merah.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya, Puan Speaker. Teratai juga ingin mengutarakan supaya *twitter-twitter* yang telah didaftarkan oleh agensi kerajaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dapat juga merupakan satu ruang supaya memberi kemudahan kepada rakyat membuat mengemukakan maklumat terkini atau pun aduan melalui *twitter* dengan cara yang semudah mungkin. Dua minggu yang lepas Teratai telah membuat aduan melalui *Twitter* MPAJ, Teratai telah dapat maklum balas yang cepat daripada pihak MPAJ dengan mengambil tindakan atas

aduan yang berlaku di kawasan DUN Teratai, maka daripada pengalaman Teratai, memang perkhidmatan *online* ini sangat penting dan mustahak untuk rakyat Selangor yang katakan kerajaan kita hendak menjurus kepada e-kerajaan dengan izin e-government. Jadi Teratai di sini menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Sekian, Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya jemput Pihak Kerajaan Yang Berhormat Sementa untuk memberi ulasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih kepada Bukit Gasing di atas usul yang dikemukakan tentang menggesa semua Jabatan-jabatan Kerajaan Selangor iaitu Pihak Berkusa Tempatan, Pejabat Daerah dan agar semua khidmat kaunter untuk rakyat disediakan perkhidmatan atas talian iaitu *online*, seiring dengan teknologi maklumat pada masa ini dan untuk memudahkan permohonan-permohonan oleh rakyat untuk pelbagai kemudahan atau pun perkhidmatan kerajaan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua, bahawa hampir keseluruhan Majlis atau pun Pihak Majlis iaitu seperti Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kelang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, dan Majlis Perbandaran Kajang serta beberapa Majlis yang lain telah pun mengadakan atau pun telah pun melaksanakan program atau pun pelaksanaan kaunter untuk rakyat secara *online* begitu juga di beberapa Pejabat-pejabat Daerah untuk memudahkan rakyat. Jadi untuk beberapa Majlis Daerah dan juga Pejabat Daerah yang masih belum melaksanakan sistem *online* untuk rakyat ini, kita Pihak Jabatan ICT Kerajaan Negeri sedang meneliti dan akan melaksanakan atau pun mengaplikasikan sistem ini ke semua jabatan dan agensi tersebut. Ini juga ada membawa kepada implikasi kewangan dan projek ini akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Maklumat iaitu pihak ICT Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawa “Dewan Yang Mulia ini menggesa semua Jabatan-jabatan Kerajaan Selangor termasuk Pihak Berkusa Tempatan dan Pejabat Daerah supaya semua perkhidmatan kaunter untuk rakyat perlu juga disediakan perkhidmatan atas talian *online* seiring dengan zaman teknologi maklumat pada masa ini dan untuk memudahkan permohonan-permohonan oleh rakyat untuk pelbagai perkhidmatan kerajaan.” Ahli-ahli Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

Y.B. AHLI DEWAN: Ya.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, usul nombor 8 Tahun 2014 usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Puan Speaker, berapa lama masa yang diberikan?

TUAN SPEAKER: Sepuluh minit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sepuluh minit ya. Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, "Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Pihak Kerajaan Negeri mengambil satu pendirian terhadap gabungan NGO Malaysia, *Qualition of Malaysia NGOs Comango*, untuk proses semakan berkala sejagat UPR yang mengemukakan laporan mengandungi unsur-unsur tidak wajar dalam konteks Malaysia atas nama hak asasi manusia. Sewaktu sesi UPR tersebut pada bulan Oktober 2013 di Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva Switzerland. Izinkan saya sebelum saya meneruskan usul ini, ada beberapa akronim perkataan yang penting yang harus kita fahami. Yang pertama sekali apa yang disebut sebagai UPR iaitu dengan izin *Universal Periodic Review* yang mana satu proses semakan berkala sejagat yang diadakan secara berkala di Geneva yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia di kesemua seratus sembilan puluh tiga negara (193) negara anggota PBB. Dan proses semakan di Geneva ini berlaku dan seterusnya proses pelaksanaan terhadap syor-syor asasi dan kemudiannya proses penilaian akan dilakukan terhadap semakan keadaan hak asasi di dalam negara tersebut. Itu yang pertama. Yang kedua, apakah yang disebut sebagai *Comango*? *Comango* ini adalah merupakan suatu gabungan pertubuhan bukan kerajaan yang mengemukakan satu laporan hak asasi manusia ke atas satu proses UPR tersebut di Majlis Hak Asasi PBB yang mana pertama, yang kedua telah berlaku pada 24 Oktober 2013 Geneva. Apa yang ingin saya sebutkan ini ialah gabungan ini mengandungi 54 NGO dan berdasarkan laporan Kementerian Dalam Negeri KDN, dia mengesahkan bahawa *Comango* ini bukanlah sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta pertubuhan 1966 iaitu Akta 335 dan perlu juga disebut daripada 54 NGO ini terdapat 15 NGO yang berdaftar dan 39 NGO yang tidak berdaftar. Apakah situasi yang berlaku pada hari ini? Hari ini, pada sesi penerimaan muktamad iaitu *final adoption* bagi Malaysia di pusingan kedua UPR tersebut sejumlah 232 syor telah dikemukakan dan Malaysia menerima 149 syor iaitu lebih daripada 2 per 3 tetapi terdapat pecahan-pecahannya iaitu 113 syor diterima secara penuh, 21 diterima secara berprinsip, 15 syor sebahagiannya dan baki 83 syor ditolak oleh kerajaan Malaysia. Tuan Timbalan Speaker, Puan Speaker, apa yang ingin saya rujukkan perkara ini apakah perkara teras ke atas penolakan-penolakan ini? Perkara yang pertama adalah terhadap skop obligasi antarabangsa iaitu perkara teras yang mana Malaysia dituntut untuk menandatangani materi perjanjian *International covenant on civil and political right* atau akronimnya disebut ICCPR. Yang mana kita berpendapat ianya ditolak kerana ada unsur yang berbahagi terhadap perkara 18 iaitu berhubung dengan hak

kebebasan beragama dan tentunya kita membawa usul ini kalau diterima secara mudah ia akan bakal mengizinkan satu proses pemurtadan berlaku secara berleluasa. Ini perenggan pertama yang ditolak. Apakah perenggan kedua yang ditolak? Perkara kedua ialah perkara 6.8 iaitu Malaysia juga dituntut menandatangani materi *International Convention On Elimination of the forum of Racial Discrimination* (ICERD) yang mana dalam soal ini isu pematuhan tentang kesaksamaan dan tiada diskriminasi. Tentunya perkara ini kalau diterima pakai akan menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang pada asasnya dengan nilai ketimuran yang sangat tinggi dengan kepelbagaiannya budaya daripada budaya Melayu, budaya Cina dan juga India dan kita terpaksa mengikuti tafsiran istilah *racist*, perkauman dalam kerangka Barat. Tentunya kita patut membezakan, memperjuangkan sesuatu kaum itu bukanlah suatu isu perkauman. Tuan Speaker perkara ketiga yang disebut yang ditolak ialah terhadap ialah perenggan 6.1.1 dan 6.1.2 terhadap istilah SOGI atau *Sexual Orientation Gender Identity* ini iaitu perkara-perkara *eligibility* itu, soal lesbian, *bioseksual*, *gay*, *transgender* dan sebagainya. Tentu juga ini perkara yang sangat penting sebab di dalam negara kita penerimaan gaya hidup songsang termasuk perkahwinan sejenis ini sangatlah wajar untuk ditolak. Di kampung saya, saya tidak pernah jumpa ayam jantan cari ayam jantan, saya fikir di kampung-kampung lain juga tidak pernah jumpa lembu betina mencari lembu betina. Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, seorang Muslim kita percaya terhadap rukun nikah kita ada lelaki ada perempuan, jadi tidak boleh ada yang tengah-tengah. Tuan Speaker kalau diterima perkara ini tentunya dia bertentangan dengan nilai agama lain selain daripada agama Islam. Sebagai contohnya, adakah Kristian, Buddha, Hindu, boleh untuk menerima soal perkahwinan sejenis ini? Dan adakah kita juga yang ada di dalam Dewan yang mulia ini mahu anak cucu kita, keturunan kita dengan dasar keturunan yang tidak tentu, tentunya ini akan menjadi masalah pada masa akan datang.

Perkara keempat yang ditolak adalah dikaitkan dengan perkara perlombagaan, perkara 153 iaitu perlombagaan persekutuan berdasarkan hak istimewa orang Melayu. Dijelaskan disebut itu kalau disebut itu kalau perkara ini disebut, dinyatakan kalau itulah diterima dia akan menyebabkan satu perkara yang difahami sama ada dari segi kontrak sosial yang telah pun kita terima bersama. Sebab itu perubahan-perubahan yang bersalahan dengan semangat mengisytiharkan pelan tindakan Vienna 1983 terhadap hak-hak prinsip hak asasi manusia yang mana ia menekankan pelaksanaan prinsip ini sebenarnya haruslah mengambil kira realiti setempat atau pun perkara-perkara sejagat. Dan kita harus ingat daripada isu yang melampau ini kalau mengikut Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Seksyen 4 itu yang mana selagi ia tidak bercanggah dengan Perlombagaan Persekutuan dan kalau ianya bercanggah ianya sesuatu yang tidak dapat diikuti. Kita ingat dalam kes apa yang berlaku di Sweden, sebagaimana rakyat Malaysia kerana memukul anaknya akhirnya dia dihukum penjara lebih daripada 10 tahun, lebih daripada 1 tahun. Kita kena ingat kita menghormati undang-undang di Sweden walau pun sebahagian besarnya daripada kita ini walau pun di dalam Islam itu kita

benarkan juga memukul anak bermula dengan 10 tahun. Tuan Timbalan Speaker sebab itu kalau perkara-perkara ini sebagai contohnya perkara 5 soal hak, perversi, perkahwinan, kehidupan berkeluarga. Sebab itu saya fikir rakan-rakan kena bagi suatu pengukuhan terhadap pemahaman ini, terhadap prinsip perkahwinan dan kehidupan keluarga. Saya nak memetik apa yang disebut di Parlimen oleh Ahli Parlimen DAP Beruas yang mana beliau mencadangkan pada ketika itu agar kerajaan mewujudkan satu undang-undang supaya perkara bersekedudukan...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Panjang boleh berhenti dahulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan dewan. Saya mempersilakan wakil Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan 26, (4) dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.30 petang.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Sungai Panjang boleh sambung, ringkaskan sudah hampir masa.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Sebab itu saya nak minta rakan-rakan di dalam PAS supaya memberi tarbiah yang lebih kepada rakan-rakan di dalam DAP. Apa pun keadaannya perkahwinan demi membenarkan perkahwinan sekedudukan ini tidak wajar untuk berlaku. Tidak tahu lah kalau PAS yang ada pada hari ini sebab PAS di kampung saya ada masih lagi PAS jawi tetapi saya tengok yang di sini ramai yang PAS rumi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH: Apa jawi ini?

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Ini minta celaan ya.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH: Celahan sebab dia tanya pasal PAS Jawi dan PAS rumi, apa jawi dan rumi itu.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: PAS jawi adalah PAS yang mencatat notanya dengan tulisan jawi. PAS rumi ialah PAS mencatat notanya dengan tulisan rumi. Ini maknanya PAS jawi. Tapi ada sebahagian besar daripada ada rakan-rakan saya mungkin ada di Tanjung Sepat sebab dia PAS rumi sebab dia mencatat dengan tulisan rumi.

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Saya mohon mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Panjang kalau tak nak tengok orang mencelah dan ambil masa perbahasan jangan buat tuduhan macam itu.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Ini bukan tuduhan, saya nak tengok sahaja kalau betul dia tulis dalam tulisan jawi di PAS jawi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer, Taman Templer, Taman Templer nak mencelah boleh tak atau tidak?

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Boleh-boleh saya benarkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sungai Panjang UMNO rumi ke jawi.

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Soalan yang sama betul itu bagi pihak.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Teruskan Templer, saya berikan Templerlah.

Y.B. PUAN NOOR HANIM B ISMAIL: Seri Serdang boleh.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Templer dulu.

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Soalan yang sama telah pun diajukan.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Sayanya ialah

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB: Kata PAS rumi, PAS jawi yang bercakap itu rumi ke jawi.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Saya dua-dua, saya UMNO rumi dan UMNO jawi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Maksudnya dua-dua bukanlah.

Y.B. PUAN NOOR HANIM B ISMAIL: Mohon mencelah Tuan Speaker.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Cukup, berapa minit saya dibenarkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dua minit lagi.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Saya ingat saya teruskan

Y.B. PUAN NOOR HANIM B ISMAIL: Boleh, boleh.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Tak apalah kakak saya, saya bagi.

Y.B. PUAN NOOR HANIM B ISMAIL: Terima kasih Permatang, bukan Permatang, Sungai Panjang, sungai yang terlalu panjang tetapi air masih tidak cukup dekat dia kut itu yang dibangkitkan itu, tak apa. Yang memansuhkan subjek jawi itu menteri mana ya.

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDI: Ini yang baik sekali bila subjek rupanya dijadikan perdebatan hangat, subjek jawi dan subjek rumi. Saya nak kelaskan dia ada dua, saya dah jelaskan tadi ini soal PAS jawi atau pun PAS rumi. Tetapi pada saya, pada hari ini sama ada dia jawi atau rumi dia kena wajar menyokong usul yang saya bawa. Sebab usul yang saya bawa ini tidak ada kena mengena, saya tidak ada mencemar orang lain, cumanya satu senario berlaku dan perkara ini mesti ditolak sama sekali. Sekinchan jangan buat tangan begitu. Tuan Timbalan Speaker perkara terakhir perkara yang keenam adalah berkaitan dengan adakah sebenarnya ada agama-agama lain terasa dianinya di dalam negara ini. Saya nak rujukan satu statistik, saya nak sebutkan berdasarkan statistik yang saya terima Islam lebih kurang 61%, Kristian 9.2%, Buddha 20%, Hindu 6% dan lain-lainnya. Di Selangor ini kalau kita lihat kita masih lagi cuti kita hari Ahad tetapi kalau kita nak ikut betul-betul kalau dalam majoriti di kalangan kita beragama Islam cuti kita hari Sabtu. Tetapi yang sebenarnya dasar yang terus subur tidak ada masalah, saya nak buktikan ini tidak ada diskriminasi. Yang kedua saya nak sebutkan juga berdasarkan statistik yang sedia ada rumah ibadat dekat Malaysia kita ada Masjid ada 5,000, Tokong ada 2,000, Kuil ada 1,400 dan Gudwara ada 78 dan Gereja ada 524. Data yang saya dapat di Selangor ini, Masjid ada 305, Tokong 158 buah, Kuil ada 137 buah, Gudwara ada 4 buah, dan Gereja ada 31 buah. Jadi maknanya soal pengamalan agama-agama lain selain daripada Islam saya nampak tidak ada masalah di dalam negara itu. Sebab itu dalam perkara ini juga di dalam laporan ini disebut pertembungan antara Syiah dan juga sunni dan saya nak sebutkan dalam konteks Malaysia Jawatankuasa Fatwa 1996 menetapkan ajaran Islam pada akidah,

syariah dan akhlak, pegangan ahli Sunah Wal Jamaah sahaja boleh diikut dan disebar darinya Syiah adalah bercanggah dan dilarang. Dan disebut juga fatwa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ayat terakhir

Y.B. TUAN BUDIMAN B. MOHD ZOHDY: Disebut juga fatwa kerajaan Malaysia 1988, fatwa Kerajaan Selangor menetapkan fahaman Syiah juga bercanggah dan perlu disekat. Tuan Speaker akhirnya saya nak merumuskan bahawa soal perkara ini adalah perkara yang mesti disokong kerana apa. Kerana saya lihat apa yang berlaku pada hari ini soal hak asasi ini bertembung dengan nilai budaya setempat, asalkan hak asasi yang tidak bertembung dengan nilai budaya dari sudut perlembagaan ia boleh diterima. Tapi oleh sebab itulah sebanyak syor yang dikemukakan daripada 232 syor iaitu berkaitan dengan terma 149 perkara 232 syor makna ada terma yang ditolak dan enam perkara 83 syor-syor yang ditolak ini berkaitan yang bertentangan dengan nilai.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Baiklah Terima kasih Sungai Panjang. Boleh duduk sekarang. Siapa nak menyokong usul ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil tidak nak bahas. 5 minit.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF: Ok *Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Dengkil bangun untuk menyokong usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Sungai Panjang yang berhubung dengan bantahan terhadap laporan Comango di sesi proses semakan berkala sejagat ataupun UPR. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang sekali lagi Alhamdulillah kepada sesi penerimaan muktamad atau pun *final droption* bagi Malaysia di pusingan kedua semakan berkala sejagat di Majlis Hak Asasi Malaysia di Janneva pada 20 Mac 2013 di mana Kerajaan Malaysia menolak 83 syor-syor dari sejumlah 232 yang mana Malaysia hanya menerima 145 syor iaitu dengan pecahan 113 syor diterima secara 21 syor diterima secara prinsip 15 syor diterima sebahagiannya. Tuan Speaker Malaysia sebuah negara Islam dan berdaulat dan anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB kita menerima proses berkala sejagat(.....) dengan izin yang diadakan secara berkala di Geneva, Swistzerland namun diketika kita terbuka untuk menerima kritikan, syor dan pandangan luar terhadap keadaan-keadaan hak asasi manusia di Malaysia, Kerajaan Malaysia wajar bertegas untuk mempertahankan status co sedia ada di Malaysia seperti yang termaktub dalam perlembagaan dan undang-undang berkaitan. Pihak luar Kerajaan negara asing atau NGO malah rakyat atau NGO rakyat Malaysia sendiri mesti memahami latar belakang sejarah dan realiti kehidupan berbilang bangsa, agama, bahasa dan adat yang unik di Malaysia. Mengapa situasi yang sedia harmoni sejak 50 tahun ini mahu diganggu gugat

sehingga wujud gesaan akta perlunya meminda perlombagaan atas nama membela hak-hak asasi manusia. Tuan Speaker Malaysia terus ditekan untuk menandatangani beberapa konvensyen hak asasi manusia termasuk ICPR International of Civildengan izin artikel 18 bila apabila dibaca artikel 18 UDHR yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang tadi hak kebebasan beragama termasuk hak menukar agama seseorang individu. Beberapa NGO asing

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH: Mohon penjelasan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bangi minta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE B. NGAH: Mohon penjelasan daripada Dengkil sama ada Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian itu terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF: Saya sebutkan tadi artikel 18 dibaca di baca bersama artikel 18 Hak kebebasan Beragama termasuk hak untuk menukar agama seseorang individu. Ini Malaysia tidak setuju antara perkara-perkara yang tidak dipersetujui oleh perwakilan Malaysia di Geneva itu. Saya teruskan beberapa NGO asing turut digunakan sebagai topeng untuk membuktikan tuntutan Comango tersebut kononnya disokong masyarakat Antarabangsa. Contohnya isu berkaitan kontroversi tuntutan penggunaan kalimah suci Allah oleh sahabat-sahabat yang beragama Kristian kita terus-menerus dijadikan isu hak asasi manusia untuk memberikan persepsi salah bahawa penganut agama Kristian di Malaysia ini dinafikan hak kebebasan mengamalkan agama mereka. Ternyata kenyataan sebegini tidak menghormati proses perundangan di negara ini yang telah membenarkan penganut Kristian menggunakan saluran perundangan untuk merayu akta sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan. Selain isu kebebasan beragama isu yang membimbangkan dan terus menerus menjadi tuntutan yang ditekan oleh Comango melalui NGO asing hak golongan *LGB Lesbian Gay Bisexual* dengan izin.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN B. OTHMAN: Mohon Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN B. OTHMAN: Saya nak tanya kepada Dengkil apakah Dengkil sedar bahawa ada sepuluh perkara yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri di antaranya membenarkan penggunaan kalimah Allah itu.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF: Terima kasih Paya Jaras, bagi masa tambahan ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu minit.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF: Satu minit sahaja... menggambarkan keterbukaan Kerajaan Persekutuan tetapi *point* yang nombor sembilan itu Paya Jaras kena ingat bahwasanya ia juga tertakluk pada undang-undang Kerajaan Negeri dan Enakmen Negeri. Ok saya teruskan saya ada sikit lagi sementara hak umum semua golongan perhubungan semua diiktiraf dan perbuatan dan menzalimi mana-mana insan adalah dilarang dan undang-undang Malaysia sedia melindungi hak asasi setiap individu, NGO-NGO tidak bertanggungjawab tersebut terus menerus manipulasi isu ini untuk menghapuskan peruntukan-peruntukan jenayah yang melarang perbuatan berkaitan budaya seks songsang termasuk di dalam seksyen 377 Kanun Keseksaan dan Enakmen-enakmen Syariah. Tanjung Sepang nak mencelah berkenaan dengan seks songsang.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Penjelasan. Terima kasih YB Dengkil boleh tadi Tuan YB Dengkil jelaskan tentang kezaliman, apakah definisi kezaliman bagi khidmat Dengkil.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Penjelasan. Terima kasih YB Dengkil. Boleh tadi YB Dengkil ada menjelaskan tentang kezaliman. Apakah definisi kezaliman bagi Yang Berhormat Dengkil?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya dah cakap 2 kali dah tadi. Ok..baca teks sebab 5 minit je Sekinchan. Kalau saya..

TUAN SPEAKER: Baiklah..masa sudah mencukupi. Ayat terakhir..ayat terakhir Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: *Final..final countdown.*

TUAN SPEAKER: Sokong Sg. Panjang atau tidak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok saya ingin menyeru..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Minta penjelasan dalam dewan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih. Tanjung Sepat, zalim ni kalau kita menindas rakyat. Ada ke kerajaan negeri Selangor atau kerajaan Malaysia sendiri menindas rakyat. Ada ke .. kalau kita menindas rakyat kita tidak meletakkan sesuatu kepada tempatnya, itu dikira zalim. Saya nak menyentuh..saya nak menyentuh

TUAN SPEAKER: Sokong atau tidak Dengkil? Cepat.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak menyentuh, saya nak menyeru ahli dewan yang mulia ini, walaupun kami ni daripada pihak pembangkang, usul ini daripada pihak pembangkang, kalau tidak disokong oleh..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Saya nak mencelah sedikit, soal kezaliman tadi..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: *Last, last..kalau tidak disokong oleh Yang Berhormat Sri Muda, Sekinchan dan yang lain-lain lagi usul ini tidak akan beroleh persetujuan. Saya mohon kita berikan satu kekuatan, satu *solidarity* supaya kita menyokong usul ini demi keharmonian, kedaulatan negara kita. Saya dengan ini menyokong.*

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Kg. Tunku juga ingin bangkit membahas usul yang dibawa oleh Sungai Panjang ini. Saya telah meneliti ucapan pencadang dan penyokong dan saya mendapati usul ini adalah satu, satu usul yang saya kira *non issue*. Ia bukannya satu usul yang begitu penting dan saya boleh kata dalam perkataan lain, mungkin ini adalah satu isu, satu usul yang remeh temeh kerana daripada ucapan pencadang dan penyokong tadi sudah pun dinyatakan bahawa daripada lebih 200 syor yang dicadangkan terdapat 149 yang telah pun diterima oleh kerajaan Malaysia. Kalau lebih separuh diterima oleh kerajaan Malaysia, saya tak tau apa masalahnya dengan syor-syor ini. Yang kedua, Malaysia merupakan anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Malaysia tertakluk kepada pemantauan UNHCR..UNHRC (*United Nations Human Rights Commission..Council or Commission*) ok. (Ahli dewan ketawa). Maksudnya ialah Malaysia ini tertakluk kepada pemantauan mereka dan NGO-NGO yang dikenali sebagai NHRI (*National Human Rights Institution*) dalam resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini. Mereka juga diberi hak untuk hadir dan memberi kenyataan di hadapan *council* ini. Maksudnya ialah, Malaysia telah bersetuju..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bahawa NHRI dari Malaysia ini diberi peluang. Tidak beri..

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku tidak benarkan. Sg. Panjang tolong duduk.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti, nanti. Mungkin nanti lah biar saya habiskan *point* saya dulu. Jadi, maksudnya ialah, sekiranya Malaysia dah terima syarat-syaratnya, sepatutnya Malaysia pun boleh terima lah cadangan-cadangan

dari mana-mana pihak. Soal yang paling penting ialah, Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kedaulatan. Ia ada hak, sama ada nak terima ataupun tidak terima ataupun menerima sebahagian daripada syor-syor seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya rasa isu ini adalah *non issue*. Tapi, Tuan Speaker, saya perlu menyentuh satu perkara yang menyentuh tentang kebebasan beragama. Dan sebenarnya saya telah meneliti laporan daripada Comango ini, sebenarnya, laporan Comango ini, Comango (dewan ketawa)…, ini adalah satu.. bukan *Commando* ya.. Comango ya..manggo..Comango. Sebut saja manggo kita akan kenal sikit nama dia. Dia perlu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Bukan cincai-cincai tulis boleh serah..bukan..dia ada syarat-syarat dia dan saya sebut di sini beberapa syarat. *Written submission should also not include second hand information*. Maksudnya ialah *first hand* bukan *second draft*. Dia kata *second* tak boleh pakai, mestilah *first hand*. *Written submission should not be longer than five (5) pages*. Alaa..Barisan Nasional, lima (5) muka surat sahaja. Tapi, dia ada banyak lah *secondary information* yang perlu dilampirkan sebagai *footage, footnote*. Jadi, saya telah meneliti soal tentang kebebasan agama ini. Contoh-contoh yang disebut ialah tentang kebebasan beragama kaum bukan *Muslim*. Dia tidak menyebut tentang *Muslim*. Jadi, dari konteks ini, sebenarnya dia mengikuti lunas dan prinsip semangat Perlombagaan Persekutuan. Iaitu kebebasan beragama bagi rakyat bukan *Muslim*. Itu perlu dihormati dan dipertahankan. Tapi apa yang menyesalkan kita ialah kebanyakannya, banyak isu telah berlaku di mana hak ini bukan sahaja tidak boleh dipertahankan malahan diceroboh dan kita harus mengutuk perkara-perkara seperti ini. Saya tidak perlu sentuh satu contoh sebab bacalah manual saya, ada contoh tak?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Tuan Speaker, saya nak mohon mencelah satu perkara sahaja. Kalau mengikut kepada *rule usul* yang dikemukakan ini ialah seperti yang juga disebut tadi, oleh Kg. Tunku tadi. Memang ada banyak usul yang telah diterima tetapi kita punya hanya, pada saya apakah, atas nama hak asasi, apakah unsur-unsur yang tidak wajar? Jadi, saya mengemukakan enam (6) perkara unsur-unsur yang tidak wajar yang kita pohon sokongan bersama, itu sahaja. Pada saya, prinsip asas usul yang saya kemukakan ini mudah. Ada enam (6) sahaja perkara yang kita tidak bersetuju. Yang kita bersetuju tu kita telah bersetujulah. Tetapi enam (6) perkara yang tidak bersetuju, soal *LGBT*, soal perkara-perkara yang akhirnya memburukkan, itu yang kita tidak bersetuju.

TUAN SPEAKER: Ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ: Sebenarnya..

TUAN SPEAKER: Cukup. Saya serahkan kepada Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Itu sebabnya saya kata, sekiranya kebanyakannya daripada syor-syor yang telah dikemukakan oleh Comango ini diterima oleh

kerajaan, saya rasa dia dah jadi, dia bukannya satu isu yang penting kerana apa yang penting ialah, dan takkan kita begitu kebudak-budakan menganggap bahawa semua yang dicadang oleh NGO-NGO ini semua akan diterima oleh kerajaan. Mungkin ada sesuatu kerajaan berpendapat pada masa itu, masih belum dapat diterima, tak apa. Tapi saya rasa, saya perlu *point out* satu perkara yang saya sebut tadi iaitu tentang kebebasan ..

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa, saya sudah ..

TUAN SPEAKER: Ringkaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya, saya akan cuba ringkaskan. Bagi saya..

TUAN SPEAKER: Sebab lampu sudah merah. Cepat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih Puan Speaker. Tapi saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu ditekankan. Kebebasan beragama itu untuk kaum bukan *Muslim* perlu dipertahankan. Dan yang tentang *Muslim* pun tak sebut tentang keluar daripada Islam. Dia sebut tentang seks yang berbeza. Soal sunah, soal Syiah. Jadi ini adalah masalah dia sahaja. Jadi saya rasa ini bukan satu usul yang *non*, ini adalah satu usul yang *non issue*. Dan saya rasa tidak perlu disokong dalam sidang dewan ini. Jadi, Kg. Tunku memohon, menolak.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker yang saya hormati. Sg. Panjang yang budiman. (Ahli dewan ketawa). Saya melihat usul ini beberapa kali, sejauh mana nak dibawa tentang menggunakan dewan ini untuk membuat suatu ketetapan yang bukan bidang kuasa dewan ini. Yang sebenarnya di dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan yang mana kita ini adalah negeri yang akan membuat undang-undang yang berkaitan dengan negeri ini. Dan saya punya bacaan awal ialah Sg. Panjang akan bawa satu usul yang berkaitan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada di negeri ini. Yang itu kita boleh sokong. Tapi tidak. Seolah-olah pembawa usul ini begitu *concern*, sangat prihatin tentang masalah moral rakyat Malaysia. *Concern* sangat, sangat dengan moral. Siapa yang mendedahkan, memalukan orang, mengaibkan orang di khalayak ramai? Dari tahun 98 sampai hari ini. Siapa? UMNO dan Barisan Nasional. You are talking about moral tapi anda tak layak untuk bercakap mengenainya. Orang Melayu sebut apa, orang Melayu sebut 'kokok berdegar-degar, ekor penuh tahi'. (Ahli dewan mengetuk meja)

Sewajarnya, patutnya bagi lah satu kekuatan supaya, oleh kata takut ada gangguan tentang hak beragama..isu beragama ini, kembalikan hak orang yang dituduh itu, ke mahkamah syariah. Di mahkamah syariah banyak contoh-contoh.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sg. Panjang.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya boleh kasi lagi. Kita ada undang-undang syariah. Kalau kita *concern*, dengan izin, mengenai kesalahan syariah, bawa ke mahkamah syariah. Saya ambil contoh, Selangor ada undang-undang syariah. Pelacuran, persetubuhan luar nikah, khawat, hubungan jenis sesama jantina, muncikari, semua ada. Kita nak bimbang apa? Tentang pelanggaran, tentang moral? Sebab kita ada undang-undang yang menguasai. Saya nak mengambil satu keputusan Konvensyen Awam yang dikeluarkan bersempena sambutan perayaan Kemerdekaan Ke-13 tahun 70, iaitu Konvensyen Rakyat mengenai menubuhkan satu gagasan dipanggil Rukun Negara. Rukun Negara ini ada lima (5), iaitu satu, Kepercayaan kepada Tuhan..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Speaker, Sg. Panjang mohon..

TUAN SPEAKER: Sg. Panjang, sudah ada peluang tadi untuk berbahas sekarang masa untuk Bangi, 5 minit sahaja. Macam mana nak celah bagi pada Sg. Panjang. Sg. Panjang ada 10 minit tadi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saya pohon celah, kalau Bangi bagi ..

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya tak bagi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ha, kalau tak bagi, saya duduk lah.

TUAN SPEAKER: Ok, Bangi tak bagi. Bangi teruskan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Apabila kita ada rukun yang pertama, Kepercayaan kepada Tuhan bermaksud orang Malaysia semua ada Tuhan. Dan Peraturan yang berkaitan dengan ketuhanan itu ada di situ. Yang kedua, Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kita ada *ruler*, ya, menguasai seluruh negara yang kita kena patuh. Tak ada kemungkinan ini berlaku kepada raja kita. Yang ketiga, Keluhuran Perlembagaan, kita ada undang-undang, *Federal Law, State Law* dan kesemua itu dirangkumkan dengan kuasa-kuasa yang sedia ada, sama ada di peringkat negeri ataupun Persekutuan. Saya tanya Dengkil tadi, sama ada dah tau dah *sign* ke belum? Belum *sign*, nak risau apa. Tidak ada apa yang perlu kita risaukan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya jawab, saya jawab.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya tak izin. (Ahli dewan ketawa).

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak. Saya nak bercakap tentang syariah tadi. Saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Dengkil tolong duduk. Bangi tak izinkan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Penjelasan tentang syariah sebab ia berhubung kait dengan syariah juga.

TUAN SPEAKER: Bangi, Bangi teruskan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya peguam syariah, *don't worry about that*. (Ahli dewan ketawa)

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Perenggan 9 menyatakan, ia juga nak menghapuskan apa ni, undang-undang Syariah. Adakah Bangi bersetuju?

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: *Sign* ke tidak? *Sign* ke tidak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sekarang ni, kita nak minta pendirian..

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: *Sign* ke tidak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok kita tidak bersetuju tapi kita nak minta..

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Buang masa, buang masa..Speaker, saya rasa usul ni adalah menyalahgunakan dewan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker, kita nak minta persetujuan bersama-sama dengan kerajaan.

TUAN SPEAKER: Dengkil, masa untuk bahas sudah tamat. Tolong duduk.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya rasa..

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kita minta wakil-wakil rakyat supaya bersetuju, bersetuju dengan pendirian kerajaan Malaysia ni. Saya mohon..takkan payah nak buat macam tu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya mohon mencelah Tuan Speaker ..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Kita nak minta persetujuan..

TUAN SPEAKER: Dengkil. Paya Jaras, Paya Jaras, tolong duduk dulu. Dengkil dengan Sg. Panjang. Tadi sudah ada ruang untuk berbahas. Ok..sekarang masa untuk Bangi, 5 minit sahaja. Kalau nak mencelah, Bangi tanya soalan, jawab ya atau tidak, itu sahaja.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Puan Speaker, tadi saya bagi je..saya dah mencelah, saya bagi tadi, sekarang saya nak mencelah dia tak bagi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Ok, saya bagi *line clear*.

(Ahli dewan ketawa)

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Perenggan 9, oklah saya dah jauh dari Perenggan 9. Kita ni, saya ni, barisan pembangkang ni hanya nak mendapatkan persetujuan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dewan yang mulia ni supaya kita sama-sama menyokong pendirian kerajaan menolak syor-syor ini. Syor-syor *LGBT* dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Ok, saya sudah dengar banyak kali. Nak tanya soalan atau tidak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Itu saya nak minta, saya nak minta tadi penjelasan daripada Bangi.

TUAN SPEAKER: Bangi teruskan, 1 minit Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Paya Jaras.

TUAN SPEAKER: Sila Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Bangi, ok saya, saya agak tak faham kedudukan soalan Dengkil tadi. Mengatakan dia mahukan sokongan ahli dewan di negeri ini sedangkan di peringkat Parlimen pun Barisan Nasional tidak pernah memberi sokongan terhadap usul yang dibawa. Ada ke tidak? Tak pernah berlaku. Di Parlimen pun yang dikuasai oleh UMNO Barisan Nasional pun tidak pernah membawa usul maka saya mengatakan bahawa usul ini hanya mencari publisiti, menyalahgunakan dewan dan buang masa wakil rakyat yang ada.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Usul ini telah diterima oleh dewan. Saya minta pendirian ahli-ahli dewan sahaja.

TUAN SPEAKER: Baiklah Dengkil, nanti mereka akan bagi pendirian ok. Bangi habiskan Bangi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Ok, Bangi, saya minta mencelah sedikit.

TUAN SPEAKER: Yang lain tolong duduk. Bangi tolong habiskan Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya habiskan, saya habiskan. Terima kasih. Akhir sekali Tuan Speaker ialah bagaimana kita seluruh rakyat Malaysia ini akan buat keputusan, benda yang tak ada kejelasannya. Yang pertama. Yang kedua, kita dah *consensus*, setuju semua, mana-mana *action*, tindakan, kemahuan yang melanggar peraturan sama ada *Federal Law*, atau *State Law* memang kita tentang. Semua sekali berkaitan dengan agama ke, akidah ke, sosial ke, yang melanggar undang-undang, kita tidak akan setuju sama sekali. Saya, Speaker, tak menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya cuma ingin menambah sedikit tentang, dalam perbahasan tentang usul ini. Bagi saya, saya ingin menarik perhatian dewan ini, sebenarnya semakan berkala ini bukan satu isu, maksudnya satu perkara yang baru. Sebenarnya, ini telah diluluskan dalam sidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2006. Dan Malaysia sebenarnya ini, adalah *second circle*, dengan izin, yang mana dijalankan penilaian seperti ini. Maksudnya, sebelum ini telah ada satu kali dia membuat penilaian yang sama seperti ini. Ini adalah kali kedua, maksudnya sudah jelas NGO ini selama pun melibatkan diri dalam memberi satu laporan daripada perspektif wakil-wakil NGO kepada pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini. Jadi, saya tidak faham kenapa wakil rakyat pembangkang sekarang telah bangkitkan seolah-olahnya badan-badan yang mengemukakan cadangan ini adalah *eligible*. Dia tak ada sah.

Sedangkan sebelum ini proses ini telah dijalankan dan ini adalah kali kedua. Dan saya ingin menarik sebenarnya ada satu proses *consultation* yang dijalankan pada 17hb – 18hb Julai 2012 dengan semua NGO daripada pelbagai bidang. Bukan fokus di satu bidang sahaja tetapi meliputi NGO daripada pelbagai latar belakang yang memperjuangkan hak-hak asasi sama ada untuk wanita, untuk golongan pekerja, untuk kanak-kanak dan sebagainya orang asal dan ini juga dihadiri oleh wakil daripada SUHAKAM iaitu dan juga *labor organisation* dan dua orang daripada *United Nations*. Tetapi yang paling penting saya baca, sebenarnya asas kepada

laporan ini dia ada kerangkanya, yang mana saya petik dalam perkara 2.1 dengan izin *the federal constitution it's a supreme law of Malaysia* maksudnya semasa mereka bincangkan laporan ini, kemukakan cadangan ini, semua adalah berdasarkan dan ambil kira perlembagaan di Malaysia ini. Jadi saya rasa tidak ada apa yang saya rasa kita perlu bincang tentang apa yang dikemuka COMANGO ini dan ini sebenarnya adalah satu *freedom* dengan izin untuk mereka kemukakan pandangan. Saya rasa sebagai Kerajaan ataupun mana-mana pihak kita harus bersikap terbuka dengan apa cadangan. Kita juga bersifat terbuka dan saya rasa NGO pun terbuka sebab ada cadangan yang ditolak, itulah sebabnya saya tidak nampak apa asas untuk kita bincang sekali lagi sebab kita sedia maklum laporan ini sebenarnya adalah berdasarkan perlembagaan Malaysia. Ini adalah *contacts* yang mana mereka kemukakan cadangan ini. Dan mereka bukan sebenarnya sahaja *highlight* isu-isu perkara yang dikatakan tadi sebenarnya ia adalah dibincang di dalam satu *contacts* yang lebih luas yang mana bincang tentang isu orang asal, bincang tentang isu hak golongan wanita, bincang tentang isu golongan pekerja dan sebagainya. Saya rasa ini adalah satu laporan yang mana cuma mahu keadaan hak asasi untuk warga negara Malaysia ataupun mereka yang berada di Malaysia ini dihormati dan dengan itu saya tidak menyokong Usul ini untuk diluluskan dalam Dewan ini.

TUAN SPEAKER: Orang yang terakhir, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker. Masyarakat kita memang berbilang kaum dan kita ada berasaskan daripada budaya yang berlainan, kita bertutur dalam bahasa yang berlainan, kita juga percaya pada Tuhan yang berbeza-beza. Ada sekarang orang muda tidak percaya kepada Tuhan *atheism* dengan izin. Ada di antara kita suka makan nasi lemak, char kuey tiaw atau apa-apa lagi. Sebab itu saya memang tidak faham kenapa sebagai Kerajaan kita kena mengenakan sistem penilaian kita ke atas kehidupan orang lain, yang ini memang saya tidak faham. Yang ini ada istilah *english* kita call it *moral policy*, kita menjadi polis moral, itu boleh buat ini tak boleh buat, ini betul itu tak betul. Memang ini kita dipilih untuk rakyat sebagai wakil rakyat bukan untuk menentukan apa yang rakyat boleh buat apa yang rakyat yang tidak boleh buat adalah untuk bersuara untuk mereka. Sebab itu saya.. ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Setujukah Yang Berhormat dengan saya yang teruk itu bukan moral polis tapi apa yang lebih teruk lagi ialah yang UMNO itu dia tak ganggu , yang Pakatan Rakyat itu dia ganggu, itu lagi teruk.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ini COMANGO bukan Pakatan Rakyat, ini NGO so memang saya tak faham kenapa nak menegaskan prinsip atau nilai kita sendiri kepada orang lain? Moral polisi ini boleh berlaku apabila ada satu sindrom *hurler* dan *down* sindrom. Ini bermaksud saya lebih suci, saya adalah insan yang lebih baik daripada orang lain. Masa itu baru kita akan menentukan dan menilai apa yang

orang lain akan buat. Sebenarnya kita semua manusia, manusia semuanya berdosa so setiap manusia ada pemikiran atau pandangan ataupun perasaan yang lain dan kita kena menghormati pilihan mereka. Sebagai Kerajaan *I think* dengan izin saya merasa bahawa kita tidak boleh begitu sempit, pemikiran kita tidak boleh begitu sempit sampai kita tidak boleh menerima apa-apa nilai ataupun pandangan yang berlainan daripada kita, sebab itu saya memang tak faham kenapa kita kena membuat pendirian. Saya nak berkongsi dengan dewan yang mulia ini ungkapan daripada yang berbunyi seperti berikut "*I disapproved what you say but I will defend to the death your right to say it*", maksudnya saya tidak setuju dengan apa yang anda katakan tetapi saya akan mempertahankan bersungguh-sungguh untuk anda mengatakan ia. Ini satu laporan sahaja, saya akan mempertahankan hak mereka untuk bersuara di sini. Mungkin kita ada unsur-unsur yang di dalam mungkin Y.B-Y.B dari Barisan Nasional tidak setuju tetapi hak mereka untuk bersuara untuk membentangkan laporan perlu dilindungi seperti yang di maktub dalam Perkara 10..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *I don't have a time.*

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Benarkan.

TUAN SPEAKER: Damansara tak benarkan, so satu minit Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya, Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan setiap warganegara untuk bersuara. COMANGO berhak untuk membentangkan laporan tersebut. Akhir sekali saya ingin menggunakan minit yang terakhir saya untuk mengingatkan saudara Karpal Singh yang baru sahaja meninggalkan kita. Beliau menggunakan sepanjang kehidupan beliau untuk memperjuangkan hak asasi rakyat yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun ditahan atas ISA , walaupun di dakwa atas Akta Hasutan, beliau tidak menunduk. Saya masih ingat lagi selepas dihukum Akta Hasutan baru-baru ini beliau berkata, wakil rakyat tidak seharusnya takut untuk bersuara untuk rakyat , kalau takut jangan jadi wakil rakyat. Saya berharap wakil-wakil rakyat di Dewan yang mulia ini sama ada kita dari Barisan Nasional ataupun dari Pakatan Rakyat kita akan terus memperjuangkan meneruskan perjuangan Karpal Singh yang berasaskan prinsip kebebasan hak asasi keadilan dan kesaksamaan. Dengan itu atas semangat hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Damansara Utama berpendapat bahawa Kerajaan Negeri tidak perlu membuat sebarang pendirian atas sebarang laporan UPR, COMANGO dan seterusnya tidak menyokong Usul yang dibawa oleh Y.B. Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya persilakan pihak Kerajaan untuk memberi penggulungan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker adalah pendirian Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Negeri tidak perlu mengambil pendirian terhadap pendirian mana-mana NGO termasuk COMANGO ini. Dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi dan juga Yang Berhormat Paya Jaras yang memberikan pandangan daripada perspektif undang-undang seperti bahasa Cina yang mengatakan bahawa yang bermaksudnya hutang itu ada sikit hutangnya, keadilan itu ada puncanya, jadi kena cari punca. Kalau pihak Sungai Panjang tidak berpuas hati dengan COMANGO kerana dia adalah gabungan NGO yang tidak berdaftar dan berdaftar dan mereka telah membuat kenyataan atau pendirian mengenai unsur yang tidak wajar atau melalui mana-mana undang-undang maka pergilah buat aduan kepada Pendaftar Pertubuhan dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya tindakan boleh diambil. Kita di pihak Negeri kita tidak ada kuasa seperti itu menurut Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Keduanya, sekiranya seperti yang disebutkan itu betul jangan risau, soal perkahwinan orang Islam kita ada undang-undang Syariah, kita ada undang-undang Syariah mencukupi untuk membela dan mempertahankan akidah orang Islam di Selangor ini termasuk akidah orang UMNO, Sungai Panjang dan Dengkil. Dan sekiranya ada yang melanggari hak ataupun masalah perkahwinan di kalangan bukan Islam maka kita ada undang-undang iaitu Akta Pembaharuan, Perkahwinan dan Perceraian yang di mana bidang kuasanya ada di Parlimen, bawalah ke Parlimen. Jadi unsur-unsur ini pada pandangan Kerajaan Negeri adalah sebenarnya menyalah gunakan proses dewan ini dan dia mengelirukan dan kalau di mahkamah kita akan minta supaya Usul ini di buang dengan kos itu, sekian terima kasih. (Ketawa)

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jangan ketawa. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa pihak Kerajaan Negeri mengambil satu pendirian terhadap tindakan gabungan NGO Malaysia Coalition of Malaysians NGO (COMANGO) untuk proses semakan berkala UPR yang mengemukakan laporan mengandungi unsur-unsur tidak wajar dalam konteks Malaysia atas hak-hak manusia sewaktu sesi UPR tersebut pada bulan Oktober 2013 di Majlis Hak Asasi Manusia Geneva Switzerland. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini tidak dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul Nombor 9 Tahun 2014 Usul di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, Bahwasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pendirian khas

mengenai Pembasmian Khas Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Skim Mikro Kredit Selangor SKIMSEL yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 8 Tahun 2014. Tuan Speaker, SKIMSEL atau Skim Mikro Kredit Selangor adalah satu skim di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor ataupun MES yang perlu direnung serta diambil perhatian sewajarnya. Hakikat sebenarnya usul ini dibawa adalah bertujuan supaya SKIMSEL ini betul-betul boleh memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Selangor yang betul-betul memerlukannya. Sejak ditubuhkan pada 8 Julai 2010 dengan matlamat untuk membantu golongan miskin memperoleh dana bagi menjalankan perniagaan sebagai satu usaha membebaskan mereka daripada kemiskinan yang mana SKIMSEL dilancarkan kepada 2 September 2010 dengan suntikan modal sepatutnya 50 juta tetapi MBI hanya meluluskan sebanyak 24 juta sahaja. Atas keprihatinan ini maka Jawatankuasa Pilihan Khas Membasmi Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup dengan Jabatan SKIMSEL pada 28 Januari 2014 bagi mendengar mengenai bagaimana SKIMSEL ditadbir uruskan. Setelah mendengar taklimat daripada Pengurus SKIMSEL dan juga setiausaha syarikat, jawatankuasa telah beberapa fakta yang telah kita bincangkan. Yang pertama, tumpuan SKIMSEL rakyat Selangor miskin yang tinggal di desa. Yang kedua SKIMSEL mempunyai jumlah kakitangan seramai 64 orang. Ketiga, kelayakan SKIMSEL adalah berdasarkan bancian yang dibuat oleh pegawai SKIMSEL dengan kerjasama ketua masyarakat untuk mengenal pasti penduduk yang miskin antara faktor yang mempengaruhi kelayakan SKIMSEL ialah keadaan rumah dan pendapatan isi rumah. Yang keempat, terdapat juga peringkat pinjaman iaitu Ihsan, Aman dan Makmur. Ihsan merupakan peringkat pinjaman yang terendah iaitu antara RM2,000 ke RM3,000, Aman antara RM3,001 ke RM5,000 dan Makmur merupakan peringkat pinjaman tertinggi iaitu antara RM5,001 ke RM20,000. Kelima, tempoh bayaran balik adalah melalui tiga (3) pilihan iaitu dalam masa tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan. Peserta yang layak tidak boleh secara terus membuat pinjaman pada peringkat Makmur. Keenam, simpanan wajib adalah sebanyak RM5 seminggu bagi setiap peserta. Jika peserta menarik diri simpanan tersebut akan dipulangkan semula jika terdapat tunggakan pinjaman sebahagian atau keseluruhan simpanan ini akan digunakan untuk membayar tunggakan tersebut.

Dan juga Jawatankuasa Pilihan Khas ada beberapa penemuan yang didapati dalam pendengaran tertutup itu yang pertamanya tempoh kelulusan skim sel ialah sebulan tetapi ada kes yang tertentu dalam proses kelayakan skim sel lebih daripada sebulan. Yang kedua mana-mana simpanan ahli yang tidak mencukupi, ahli kumpulan lain akan membayar tunggakan tersebut. Yang ketiga kumpulan yang dibentuk perlu dianggotai oleh 5 orang peserta, jika salah seorang daripada peserta menarik diri kumpulan hendaklah berusaha mencari pengganti bagi memenuhi kekosongan tersebut. Keempat penglibatan kaum Cina dan India dalam skim sel adalah rendah. Salah satu daripada faktor perkara ini berlaku adalah kerana kesukaran mereka memberi komitmen untuk menubuhkan kumpulan. Dan kehadiran secara mingguan ke Mesyuarat Pusat selain itu seorang peserta hanya

boleh memulakan pinjaman pada peringkat rendah bagi membolehkan meminjam pada tahap yang lebih tinggi. Yang kelima jenis perniagaan yang menjadi pilihan kebanyakan peserta adalah gerai yang menjual makanan, warung kecil membuat produk sendiri dan jualan langsung. Jawatankuasa ialah Jawatankuasa berpendapat skim sel dapat membantu Kerajaan Negeri melaksanakan program pembasmian kemiskinan desa di seluruh negeri Selangor. Jenis perniagaan yang pilihan kebanyakan peserta adalah gerai yang menjual makanan warung kecil, membuat produk sendiri dan jualan langsung. Empat ini jika digembleng secara bersinergi boleh menjadi permulaan yang baik ke arah pembangunan industri kecil di peringkat desa. Pada masa yang sama program skim sel dengan 3 peringkat pinjaman iaitu Ehsan, Aman dan Makmur jika dilaksanakan dengan secara teratur dengan sokongan suntikan dana tambahan yang berjadual daripada Kerajaan Negeri akan dapat mengangkat taraf dan kualiti perniagaan dan industri kecil di desa. Rasakan produk program skim sel yang menunjukkan tanda-tanda mampu mengangkat tahap kehidupan masyarakat desa dengan mengeluarkan mereka daripada paras garis kemiskinan dan seterusnya ke arah keupayaan, menjana kekayaan secara bersinergi. Jawatankuasa menyarankan ada enam (6) perkara, yang pertamanya Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan program usahawan sebagai lanjutan bagi peserta-peserta yang sudah berjaya dan melepassi tahap pinjaman makmur. Yang kedua Kerajaan negeri juga hendaklah mewujudkan Program Bimbingan Tambah Nilai bagi 4 jenis perniagaan yang paling banyak disertai iaitu gerai yang menjual makanan, warung kecil membuat produk sendiri dan jualan langsung. Yang ketiga Kerajaan negeri juga hendaklah menjalankan kajian yang menyeluruh untuk mencari jalan menarik minat golongan Cina dan India untuk menyertai program skim sel ini. Yang keempat Kerajaan negeri hendaklah memperuntukkan dana khas untuk OKU supaya tanpa perlu mengenakan syarat mencari 5 orang ahli kumpulan dan berulang alik ke Pusat Mesyuarat. Yang kelima Kerajaan negeri hendaklah memastikan tidak lebih 10% daripada permohonan skim sel diluluskan selepas sebulan daripada tarikh permohonan dan yang terakhir sekali Kerajaan negeri hendaklah mempertimbangkan kadar pinjaman tinggi sehingga maksimum RM30,000 kepada permohonan yang mempunyai kredit rating yang tinggi tanpa perlu melalui *entry level* permohonan biasa. Jadi saya dengan ini mengharapkan supaya Usul ini di Perbahaskan dan diluluskan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Cadang Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Taman Medan berdiri hari ini menyokong Usul yang telah dikemukakan sebentar tadi dan Penyata Program Skim Sel ini menepati atau pun telah banyak membantu Usahawan-usahawan Kecil khususnya yang tinggal di desa. Hanya ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian supaya peruntukan yang diluluskan akan mendapat kesan *optima* khususnya kepada penduduk yang tinggal di desa yang ingin menambah pendapatan mereka. Yang pertama sekali adalah tempoh kelulusan skim sel yang

dikatakan mengambil selama sebulan. Mungkin perkara ini perlu dikaji semula kerana proses sebenar yang berlaku sebenar melebihi tempoh yang dinyatakan. Disebabkan tempoh yang lama diambil untuk meluluskan permohonan maka terdapatnya perniagaan-perniagaan yang perlu mendapat pembiayaan dengan kadar segera terpaksa ditangguhkan. Kedua penyertaan yang menggambarkan komposisi kaum di dalam negeri Selangor. Kita dapati orang Melayu yang banyak memohon pinjaman skim sel ini berbanding dengan kaum Cina dan juga India. Dalam siasatan atau pun pendengaran tertutup yang diadakan oleh Jawatankuasa, ini adalah disebabkan perniagaan yang berbeza yang dilakukan oleh kaum-kaum tersebut. Jadi mungkin bagi kaum Cina mereka memerlukan pinjaman yang lebih besar kerana perniagaan mereka sudah pun bermula. Hanya syarat yang dikenakan oleh skim sel adalah mereka perlu melalui tahap yang paling rendah untuk menerima pinjaman yang lebih besar kemudianya. Jadi mungkin ini syarat menghalang, ya pinjaman oleh kaum selain dari kaum Melayu. Yang ketiga kadar pinjaman yang lebih tinggi ini sebenarnya membuka ruang bagi pengusaha-pengusaha kecil ini untuk kembangkan perniagaan mereka. Jadi Taman Medan melihat pengusaha-pengusaha kecil ini dia bermula dengan modal yang kecil kemudian melangkah kepada tahap yang lebih tinggi dan selepas ini mungkin ia dapat diteruskan di bawah EXCO yang melihat kepada hal-hal berkaitan dengan Usahawan. Jadi saya nampak peluang untuk menambah pendapatan bagi golongan Usahawan di desa sebenarnya terbentang luas hanya Kerajaan perlu meneliti supaya kesanya dapat dirasai oleh lebih ramai, ya penduduk desa kerana daripada apa yang telah dilaksanakan bermula tahun 2010. Pembayaran semula oleh pihak peminjam telah menunjukkan prestasi yang baik. Oleh itu Taman Medan dengan ini mohon menyokong Usul yang telah dibentangkan tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini pun telah disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat ya Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian di sini dengan menegaskan bahawa dalam konteks Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan kita mendapati 3 Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor iaitu WALA. Program-program yang mempunyai signifikan cara langsung dalam Program Pembasmian Kemiskinan dan oleh kerana itu langkah-langkah didapati diwujudkan untuk memastikan ada penyenggaraan tertutup meneliti mendengar dengan penuh yang peti perjalanan program-program ini. Dalam konteks skim sel apa yang menariknya majoriti daripada peminjam walaupun mempunyai menggunakan pinjaman yang rendah RM2,000, RM3,000 atau pun kurang, tetapi mempunyai disiplin dan dedikasi yang cukup baik untuk membuat pulangan dan kerana kepulangan kerana penglibatan mereka dalam dengan izin *hands-on business* iaitu perniagaan yang memang dekat dalam jiwa diri mereka selama ini iaitu dalam konteks perniagaan kecil makanan, warung kecil, produk-produk buatan sendiri dan jualan langsung. Jawatankuasa juga telah mendapatkan maklumat-maklumat detil agar dikaji dan itu kita melihat bahawa

sekiranya keempat-empat sektor perniagaan kecil ini diteliti, dihayati dengan penuh mendalam dan dilihat bagaimakah konteks mengembangkan maka dia akan berpotensi menjadi *cohana* dan saluran untuk membasmikan kemiskinan sebahagian besar dari luar bandar. Dengan itu dia akan diwujudkan sebagai satu industri kecil mencetus kepada industri kecil dalam konteks desa dan dengan ini saya ingin mencadangkan agar pihak yang berwajib menjalankan tentang skim sel ini membuat penelitian yang sistematik untuk menjayakan program ini. Dan di antara penelitian kita juga tentang adanya sepasukan kumpulan pengurusan yang ada minat, minat dan empati untuk menjayakan program ini. Dalam Bahasa Inggeris dengan izin *patience* dia ada *patience* dan *patience* kesabaran dan kesungguhan penghayatan untuk menjayakan program ini. Dan dengan itu kita lihat bahawa program signifikan dalam konteks merakyatkan ekonomi negeri Selangor adalah kaitan langsung dengan menjayakan Program Pembasmian Kemiskinan. Dengan ini, Tuan Speaker saya melihat bahawa perkembangan ini akan menjadikan satu yang cukup teratur dan akan meningkat dari masa ke semasa yang sekiranya tidak ditandatangani dengan lebih teratur akan menyebabkan kekecewaan. Justeru persediaan pertamanya latihan dan persediaan melahirkan usahawan kecil iaitu persediaan daripada sekarang dah dilakukan. Jangan Kerajaan hanya menumpukan menjayakan dan meluaskan skim sel tapi dalam rangka skim sel hendaklah juga dirangkakan satu kursus latihan penyediaan untuk menyambut dan menerima graduan-graduan dengan izin daripada skimSel ini untuk ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Jadi saya melihat bahawa persediaan ini hendaklah dilakukan dalam kadar yang secepat mungkin. Dengan izin jangan *water estimate* potensi skim sel untuk menjadi satu program yang bukan hanya membasmikan kemiskinan tetapi menjadi satu program yang akan menjana kekayaan pada sebahagian peratusan penduduk di Selangor. Dan dengan itu juga keduanya dalam rangka ini saya mencadangkan sebagaimana dalam penyata iaitu satu skim pinjaman yang lebih tinggi sehingga ke tahap RM30,000 dah dipertimbangkan secara teratur dan sistematis, ada kuota tertentu. Jangan didekati pendekatan ini dengan tidak tapi ya syarat-syarat yang membolehkan. Jadi saya ingin menyokong agar penyata ini diterima.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIB A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker, Perbahasan Bukit Gasing untuk Usul ini ringkas sahaja. Dua isu sahaja yang ingin dibawa, pertamanya adalah menyokong cadangan supaya kadar pinjaman tinggi boleh terus diberi tanpa *going step by step* dengan izin kadar rendah membantu usahawan yang sedia untuk terus buat satu perniagaan yang lebih besar bukan sahaja ia di tahap yang paling minimum yang dibawa oleh pembawa Usul tadi. Yang kedua untuk dilihat di sini banyak penyata dalam skim ini adalah yang menjual makanan, warung kecil, jualan langsung dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan bahawa sedikit penekanan mungkin boleh diberi kepada pembuatan barang yang boleh dijadikan satu eksport, walaupun bukan eksport besar-besar seperti *Multi National Corporation*

dengan izin tetapi menjadi eksport luar daripada untuk menjual barang luar daripada kampung atau pun keluar dari daerah dan di mana-mana di dunia ini jika eksport digalakkan eksport itu akan membangunkan ekonomi setempat. Bukan sahaja mereka fokus di kampung mereka di bandar kecil ini tapi eksport ini boleh membawa wang daripada luar masuk kepada ekonomi setempat dan ini akan membantu naik taraf ekonomi setempat. Jadi saya harap skim ini juga memberi sedikit penekanan untuk membantu dari segi aspek ini supaya kita boleh dengan izin *kill two birds with one stone* sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Perbahasan sudah tamat saya minta pihak Kerajaan untuk memberi penggulungan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Timbalan Speaker. Bagi menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam penyata yang ada dan juga apa yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini membawa kepada ahli-ahli Dewan untuk mengimbau balik tentang bagaimanakah mikro kredit ini ataupun pinjaman kecil ini telah mula dilaksanakan. Ianya adalah asasnya sebagaimana yang Hulu Kelang cakap adalah untuk membasmikan kemiskinan. Sebab itu polisi atau dasar kerajaan iaitu dasar daripada kebajikan kepada berpendapatan itu daripada *welfare to work fare* (dengan izin) dilaksanakan seawal 2010. Tetapi dalam masa yang sama juga kerajaan sebenarnya telah pun mendapati ada satu hasil yang mana diperolehi hasil daripada hutang Talam yang telah dapat dikutip sebanyak RM392 juta itu. Jadi kerajaan merasakan bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk memastikan rakyat di negeri Selangor boleh berpendapatan dan bantuan yang paling signifikan kepada mereka adalah mewujudkan satu tabungan khas untuk membolehkan peniaga-peniaga ataupun mereka-mereka yang ada sedikit kebolehan keusahawanan kecil-kecilan ini diberikan satu permulaan dana yang kita jangkakan tidak melebihi RM5,000.

Atas dasar itu sebenarnya kita lihat kalau kita fikirkan kenapa ianya tidak boleh diberikan besar pinjaman dan sebagainya ataupun apakah tidak boleh dibuat pelaburan sebagaimana yang Bukit Gasing sarankan, kita (saya) ingin membawakan bahawa tumpuan kita adalah untuk memastikan keluarga di negeri Selangor ini boleh berpendapatan melebih RM1,500. Jadi, di antara agenda yang kita muh bawa adalah mereka-mereka terutamanya suri rumah yang boleh memanfaatkan masa yang ada ataupun memanfaatkan kebolehan yang ada dengan sedikit dana yang disuntik ini mereka akan boleh membuat perniagaan secara kecil-kecilan. Sebab itu kita lihat ramai ataupun kalau SkimSel ini kita lihat kriterianya adalah 100% ia adalah wanita. Kita berikan tumpuan kepada wanita untuk melaksanakan program ini dan kita lihat kejayaannya begitu besar. *Alhamdulillah*. Ada yang sekarang ini boleh berpendapatan yang paling terbaik adalah mencecah RM10,000. Itu yang kita mahukan bahawa hasrat kerajaan itu kita dapat gerakkan pendapatan itu daripada *stagnant* ataupun mendatar (dengan izin) ianya telah pun boleh ditingkatkan.

Jadi, sebab itu dibuat secara berbeza. Skim Sel ini dimanfaatkan kepada mereka-mereka yang duduk di dalam luar dari kawasan perbandaran terutamanya supaya mereka boleh kenali satu sama lain, ada *networking* antara mereka dan akhirnya boleh *support* ataupun memberikan sokongan di antara satu sama lain untuk menjayakan aktiviti yang mereka laksanakan.

Jadi, untuk itu kalau saranan ataupun kita lihat tentang penemuan kenapakah dana itu sekarang ini hanya baru diluluskan ataupun dilepaskan sebanyak RM24juta, saya ingin mengatakan komitmen kerajaan RM50 juta itu masih wujud. Masih wujud. Tetapi sekarang ini dana ini dilepaskan RM24 juta, tetapi jangan lupa ini adalah dana *revolving* ataupun dana yang berpusing yang mana bila tiap-tiap kali yang dibayar semula, dana itu akan masuk semula di dalam tabungan. Jadi ia tidak hilang. Alhamdulillah untuk Skim Mikro Kredit, Skim Sel ini kita lihat peratusan pembayaran balik hampir 100% walaupun sebenarnya yang tepatnya 99.9% lah. Jadi duit itu tidak ke mana. Masih ada. Tetapi dalam masa yang sama setiap bulan mesyuarat ahli lembaga kerajaan telah pun memastikan bahawa pemantauan itu dilakukan dan di *basement* ataupun duit-duit selebih daripada itu diberikan ataupun disalurkan kepada Qadrul Hassan ataupun kepada Skim Sel secara berjadual iaitu suku tahun. Jadi Insya-Allah RM50 juta itu tidak kita bawa ke tempat lain, tetapi ia masih komitmen kerajaan untuk diberikan tetapi kalau saya lihat daripada soalan dewan yang lepas, sekarang dana yang terkumpul di dalam Skim Sel telah pun mencecah RM60 juta. Walaupun telah diberi RM24 juta, tetapi dana terkumpul semula adalah RM24 juta. Alhamdulillah.

Dan seterusnya saya lihat perkara yang dibangkitkan apakah kita lihat adakah satu ruang untuk kita membolehkan pinjaman melebihi RM30 ribu ataupun mencecah RM30 ribu. Saya ingin menyatakan di sini baru-baru ini di dalam mesyuarat ahli-ahli lembaga pada 6.3.2014 Menteri Besar dan ahli lembaga telah bersetuju supaya satu dana khas sebanyak RM10 juta ditambah untuk memastikan mereka yang telah berjaya membuktikan mereka mempunyai kemahiran sebagai peniaga kecil ini ditingkatkan dan dana ini adalah untuk membolehkan mereka membeli peralatan dan juga kenderaan yang membolehkan mereka berniaga dengan lebih efisien, lebih mantap atau jauh langkahnya lagi. Jadi, konsep yang akan dibawa adalah konsep Ar-Rahnu iaitu pinjaman yang kita katakan pinjaman semula, pinjaman barang, kenderaan dan sebagainya. Insya-Allah ianya akan diolah oleh Lembaga Qadrul Hassan bagaimanakah pinjaman ini boleh dilaksanakan.

Tetapi apa yang saya nak katakan di sini tentang graduan-graduan yang telah berjaya. Graduan-graduan yang telah berjaya ini juga kita melihat ianya wajar disalurkan kepada Standco Usahawan dan juga mana-mana agensi yang melaksanakan program latihan dan bimbingan secara khusus seperti PKNS dan sebagainya untuk ditingkatkan lagi kebolehan mereka yang mana asalnya mereka ini hanya ingin mencuba, menambahkan pendapatan tetapi sekarang telah mahir. Ia

perlu di (orang kata) digraduankan dan diletakkan ataupun diberikan kepada pihak usahawan dan lain. Dan di situlah peningkatan kepada kebolehan mereka menjadi usahawan-usahawan kecil dan IKS itu boleh dibangunkan. Insya-Allah

Jadi, saya ingin membawa kepada pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Skim Sel ini hanya dana permulaan yang kita berikan kepada rakyat negeri Selangor khususnya pada mereka yang berpotensi menambah pendapatan yang selama ini terpaksa meminjam di sana sini secara tidak rasmi ataupun ada yang meminjam ‘along’, tetapi sekarang dengan dana khusus ini kerajaan telah pun memastikan bahawa tidak lagi kesengsaraan rakyat ini dibiarkan begitu saja dengan pinjaman RM1,000, RM2,000 hatta ke RM5,000 ini Insya-Allah mereka boleh berdikari.

Jadi itu saja jawapan daripada saya dan Insya-Allah saranan diletakkan sebanyak 6 dalam pernyataan ini juga akan saya ambil kira di dalam perancangan program-program yang akan datang dan akhirnya tentang tempoh kelulusan itu, Insya-Allah kita cuba sebaik mungkin untuk menepati SOP supaya ianya tidak melebihi sebagaimana yang ditetapkan. Sekian, terima kasih Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Terima kasih pihak kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima pernyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Skim Mikro Kredit Selangor (Skim Sel) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 8 Tahun 2014”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul no.10 Tahun 2014 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Puan Speaker. Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima pernyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Wanita Ladang atau singkatnya WALA yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 8 tahun 2014”.

WALA ataupun singkatan bagi Wanita Ladang adalah salah satu lagi skim pembasmian kemiskinan di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor khusus

untuk wanita ladang. Memandangkan kaum / masyarakat ladang adalah salah satu kelompok masyarakat yang berada di bawah paras kemiskinan atau sedikit di atas paras kemiskinan, maka program ini telah diwujudkan pada tahun 2010. Jawatankuasa Pembasian Kemiskinan telah mengadakan satu pendengaran awam bagi memastikan atau bagi mendapat gambaran sebenar keberkesanan program ini terhadap masyarakat ladang khususnya wanita yang bekerja di ladang.

Jadi, objektif utama WALA ini adalah untuk menjana pendapatan tambahan dengan sekali gus mengeluarkan pekerja wanita ladang daripada garis kemiskinan. Kenapa ya. Ada beberapa fakta yang telah jawatankuasa ini temui dalam pendengaran tersebut. Pertama, struktur organisasi WALA ini merupakan struktur yang agak kecil memandangkan tanggungjawab yang agak besar untuk mereka pikul iaitu 8 pegawai yang telah menumpukan fokus mereka kepada pencarian ladang dan juga peserta-peserta untuk diserapkan ke dalam program-program di bawah WALA.

Kedua, fungsi 8 orang pegawai ini begitu pelbagai. Ia merangkumi (pertama), mencari ladang-ladang untuk memperkenalkan program kepada wanita-wanita ladang. Kedua, mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan ladang. Ketiga, memperkenalkan dan memohon untuk menjemput wanita ladang ini mengambil bahagian kerana wanita ladang ini tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan ladang. Dan keempat, mendaftarkan peserta yang berminat dan meyakinkan objektif WALA ini iaitu menambahkan pendapatan mereka. Jadi, sasarannya kepada wanita yang bekerja di ladang atau yang tidak bekerja merupakan hanya suri rumah bagi mengikuti program yang telah ditetapkan.

Ketiga, daripada jumlah ladang yang dilawati, hanya 47% sahaja yang bersedia untuk bersama dalam program tersebut iaitu sejumlah 21 buah ladang di dalam negeri Selangor ini. Keempat, kelayakan penyertaan bergantung kepada syarat yang telah ditetapkan. Syaratnya sangat mudah iaitu warganegara Malaysia dan tinggal di ladang-ladang dan ditetapkan juga berumur antara 18 hingga 55 tahun.

Kelima, program yang dijalankan oleh WALA adalah mengaturkan kerja-kerja sambilan, latihan-latihan asas pembangunan diri dan komuniti serta program perniagaan kecil dan pemasaran.

Namun ada beberapa perkara yang ditemui oleh jawatankuasa dalam perkongsian maklumat oleh pegawai-pegawai yang bertugas dalam projek WALA ini. Antaranya adalah mereka mendapati agak sukar untuk mendapat kerjasama daripada (mendapati sukar untuk mendapat penyertaan daripada) wanita ladang kerana wanita-wanita yang bekerja di ladang ini sangat terkongkong hidupnya dengan kebergantungan mereka oleh pihak ladang. Dan keduanya, terpaksa diwujudkan program-program sambilan membayar upah untuk membuat perkara ataupun kerja-kerja kecil bagi memberi mereka bayaran atas ataupun memberi upah terhadap kerja-kerja kecil yang dilakukan yang sebenarnya sepatutnya memberikan mereka

pinjaman tersebut untuk menjalankan perniagaan. Tetapi didapati wanita ini belum bersedia untuk menjalankan perniagaan. Jadi diwujudkan kerja-kerja dan mereka diberi upah menjalankan kerja-kerja tersebut.

Seterusnya, WALA juga mendapati agak sukar untuk menyediakan program sebab salah satu perkara yang disarankan ataupun yang boleh dilakukan oleh wanita ladang adalah bercucuk tanam. Tapi ini juga mendapat halangan ataupun agak sukar untuk dilaksanakan kerana pihak ladang tidak membenarkan tanah ladang itu digunakan untuk bercucuk tanam.

Walaupun demikian, jawatankuasa terus komited untuk membantu mengeluarkan wanita ladang ini daripada kongkongan ataupun kongkongan kemiskinan, tapi didapati mereka menghadapi jalan yang agak sukar. Oleh yang demikian, jawatankuasa menyarankan beberapa perkara bagi memastikan peruntukan yang telah diluluskan untuk membiayai program ini menepati objektif penubuhan ataupun pelancaran projek tersebut.

Pertama, WALA hendaklah berusaha memberi latihan daripada memberi pinjaman untuk menjalankan perniagaan kerana mereka didapati belum ada kemahiran untuk memulakan perniagaan. Oleh itu disarankan untuk memberi latihan yang lebih mendalam dalam kemahiran mengikut minat peserta. Kemudian, yang keduanya WALA haruslah mewujudkan hubungan yang baik dengan pengurus ladang dan syarikat ladang supaya kemudahan asas dapat disediakan untuk program-program WALA yang dijalankan seperti penggunaan dewan dan juga kebenaran untuk mengadakan program di ladang-ladang tersebut. Sebab ada situasi mereka berdepan dengan bantahan oleh pihak pengurusan untuk melakukan program di dalam ladang. Ketiga, kerajaan negeri hendaklah meningkatkan taraf hidup pekerja ladang dengan menggalakkan pendidikan di kalangan golongan wanita.

Kerajaan negeri hendaklah menggalakkan syarikat ladang juga membina prasarana seperti tadika untuk kanak-kanak ataupun anak-anak pekerja ladang. Selain itu memberi bantuan mikro kredit kepada mereka, perkhidmatan kaunseling juga harus diberikan memandangkan kebanyakannya masalah yang dihadapi oleh wanita ladang ialah dari segi budaya mereka yang tidak menggalakkan wanita berdikari. Jadi ini yang dihadapi oleh wanita ladang yang merasakan mereka tidak nampak diri mereka menjadi seorang usahawan yang berjaya. Jadi, ini menjadi halangan untuk mereka keluar daripada kelompok kemiskinan.

Dan yang terakhir daripada pendengaran tertutup yang jawatankuasa adakan, keberkesanan kos dan juga konsep WALA ini perlu dikaji semula kerana dia tidak menepati sepenuhnya objektif kewujudan WALA ini iaitu menjana pendapatan tambahan bagi wanita ladang. Jadi, jawatankuasa melihat mungkin lebih baik ditumpu ataupun memberi penumpuan terhadap mengubah set minda masyarakat

wanita ladang sebelum membawa mereka kepada ataupun menawarkan mereka untuk menjalankan perniagaan.

Jadi dengan itu, Taman Medan ingin mencadangkan kepada Dewan ini pembentangan penyata daripada Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong? Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Tuan Speaker, Sungai Pelek menyokong usul Taman Medan. Tuan Speaker, sebagaimana yang kita tahu kebanyakan wanita ladang dikategorikan sebagai golongan yang serba kekurangan sama ada dari segi pendidikan, ekonomi mahupun kemahiran pengurusan kendiri, keluarga dan kewangan. Oleh itu, golongan ini perlu terus diberi perhatian supaya tidak ketinggalan arus kemodenan bahkan akan membawa kesan yang memberangsangkan. Memandangkan tempoh pelaksanaan program WALA yang bermula pada April 2012 agak pendek iaitu hanya dua tahun saja, maka tentulah keberkesanan kurang memuaskan. Keberkesanan program WALA hanya dapat dinilai selepas satu tempoh yang panjang di mana program ini melibatkan usaha mengubah mentaliti mereka yang selama ini terkongkong oleh usul, budaya dan tahap pendidikan.

Saya berpendapat peningkatan tahap pendidikan merupakan cara yang paling baik untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu, strategi program haruslah menjurus kepada pendidikan yang berterusan.

Tuan Speaker,

Saya juga bercadang supaya syarikat ladang menyediakan kemudahan tadika demi meningkatkan beban wanita ladang. Selain daripada itu, syarikat ladang juga boleh memberi insentif kepada produk yang dihasil oleh wanita ladang sebagai galakan.

Dengan usul ini, Sungai Pelek menyokong program WALA dikaji semula memandangkan kegagalannya mencapai sasaran membandingkan kos yang dibelanjakan serta tenaga yang dicurahkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah disokong. Maka saya buka untuk perbahasan. Pihak kerajaan?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak Taman Medan dan Sungai Pelek yang telah pun mengutarakan satu usul. Tapi ada beberapa perkara yang ingin saya nyatakan di sini kenapa Program Wanita Ladang ini wajar diteruskan dan tidak wajar diberhentikan adalah atas dasar kita lihat bahawa di dalam segmen di dalam negeri Selangor ada satu segmen wanita yang sebenarnya agak tertinggal di belakang iaitu

wanita-wanita di dalam ladang. Tetapi bagi pendekatan kerajaan Selangor, kita tidak mahu mana-mana pihak tertinggal dalam konteks untuk memastikan mereka terlibat secara langsung dalam program-program dan aktiviti kebajikan negeri Selangor. Atas itu, WALA ini diwujudkan.

Ingin saya memberitahu bahawa WALA ini adalah satu projek yang sebenarnya ada dua pendekatan yang ingin kita lihat. Satu adalah pendekatan di mana individu di dalam ladang itu sendiri iaitu wanita ladang diberikan satu tumpuan. Yang keduanya, kita mahu memastikan *environment* ataupun keadaan persekitaran dan infrastrukturnya dalam ladang itu juga diperbaiki. Tetapi fokus untuk wanita ladang ini ataupun program WALA ini adalah memang komitmen kita masih lagi menambahkan pendapatan mereka. Jadi untuk itu, pada asalnya kita lihat kemungkinan ianya boleh kita terus berikan mikro kredit dan sebagainya tetapi setelah hampir enam (6) bulan yang pertama itu kita lihat wanita-wanita ladang masih belum di tahap yang kita jangkakan.

Oleh itu, modus operandi ataupun pendekatan itu kita berikan sedikit berbeza di mana kita (kerajaan Selangor ataupun pihak/agensi yang terlibat itu) memulakan aktiviti pendekatan memberikan latihan terlebih dahulu (latihan, *skill* tentang kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan makanan, jahitan dan tanaman) untuk mereka suka dulu untuk terlibat. Dan bagi mereka yang telah terlibat itu juga, bagi mereka yang inginkan satu aktiviti berterusan jadi kita tawarkan satu program bimbingan yang boleh mendapatkan pendapatan. Setelah habis saja program itu, kita bagi upah. Sebab selain daripada aktiviti itu, mereka terus akan dapat satu kerja tangan ataupun aktiviti dan ianya dibayar.

Dan kita lihat sebenarnya dalam apa yang saya dapati daripada 525 peserta, kita lihat bagaimana macam-macam program kalung bunga malai, manik, crown dan sebagainya yang mana ia memberikan pendapatan. Bagi kita mungkin tak banyak tapi seorang (salah seorang) peserta itu boleh mencecah sehingga RM200 ke RM300 sebulan. Ia telah boleh membantu walaupun ia tidak dalam bentuk aktiviti yang dia sendiri buat, tetapi ia adalah bantuan daripada pihak agensi WALA untuk memberikan satu program bersama dan upah itu dibayar (RM300 itu) mereka dapat secara bulanan.

Tetapi *bottom line* ya (dengan izin) ianya akan memastikan wanita yang dah bersedia ini nanti, di situlah kita mula memberikan mikro kredit. Jadi kalau kita nak compare ataupun kita nak bandingkan bilangan yang terlibat itu dengan dana yang diberikan sebanyak yang baru dikeluarkan adalah RM1.2 juta (hampir), ia tidaklah macam impaknya besar sangat. Kuantitinya macam banyak tetapi sebenarnya kesan ladang itu telah mula kita nampak. Impak itu mula kita nampak. Jadi saya merasakan ini adalah salah satu

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Y.B. EXCO, saya ingin mencelah. Sebenarnya, apa yang kami dapat dari pembentangan pegawai-pegawai yang ditugaskan adalah pihak kerajaan perlu menyediakan peluang perniagaan itu kepada wanita ladang dan peruntukan yang ada itu digunakan untuk memberi upah kepada wanita ladang tersebut. Bukan memberi pinjaman, tetapi memberi upah dan diwujudkan kerja-kerja tersebut itu supaya duit itu dapat diberikan sebagai upah kepada wanita ladang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Itu yang saya sebut tadi tentang kita ada *step* dia (kita ada langkah-langkahnya). Pertama kita bagi upah. *Step* pertama bagi dia latihan, lepas itu upah (dia buat program itu dapat upah). Bila dia dah mahir dan dia boleh berdikari untuk menjayakan perniagaan kecil-kecilan itu kita akan berikan pinjaman. Dan pinjaman itu bukan di bawah konteks yang kita kata macam MIMBAR atau Skim Sel. Ia perlu ada satu pinjaman yang agak berbeza sebab kita lihat wanita yang terlibat ini juga sebenarnya mereka adalah juga pekerja-pekerja ladang yang datang bersama dengan kita adalah secara *part time* ataupun sambilan untuk menambah pendapatan.

Tapi maknanya insya-Allah akhirnya program WALA ini pada asalnya dulu terus bagi mikro kredit, tapi sekarang kita telah sedikit *improve* ataupun perbaiki. Kita bagikan latihan terlebih dahulu, lepas itu dia merasai program yang kita latih itu dengan upah sedikit sewajar atau setanding dengan apa yang dilaksanakan dan bila mereka telah mahir, baru kita berikan mikro kredit. So, insya-Allah di situ lah kita tahu bahawa mereka telah boleh berdikari. Tidak lagi perlu bimbingan secara langsung oleh pihak WALA yang bertugas. Di situ saya nak semua faham bahawa ianya bukan benda yang mudah. Dengan banyak kekangan-kekangan yang ada sama ada di pihak ladang ataupun ahli keluarga sendiri tetapi insya-Allah saya yakin program ini boleh dilaksanakan dengan baik tetapi mungkin memerlukan masa yang agak sedikit panjang. Tidak kalau kita boleh *compare* kan sebagaimana program Skim Sel dan MIMBAR.

Dan akhirnya saya nak menyentuh tentang struktur kenapa kita ambil terlalu kecil ya. Memang kita tengok dalam beberapa ladang ini cukup untuk 8 orang untuk beroperasi secara terus, tetapi kerjasama yang saya ingin cakapkan di sini adalah kerjasama ini juga adalah bersama-sama dengan Pusat Wanita Berdaya dan juga Standco Ladang untuk memastikan program ini berjaya. Jadi, bukanlah semata-mata struktur 8 orang itu saja yang difokuskan untuk melaksanakan program ini. Kita ada 3 agensi yang terlibat secara langsung.

Jadi, selain daripada itu saya juga mengambil maklum saran-saran yang diberi. Jadi saya ingin mengatakan WALA ini ada sedikit (program ini ada sedikit) istimewa kerana khusus kepada wanita ladang, tidak seperti mana Skim Sel dan juga MIMBAR. Ia terbuka kepada semua bangsa dan dia tidak ada termasuk juga orang

kurang upaya. Insya-Allah. Tapi untuk wanita ladang khusus untuk wanita India yang bekerja di ladang-ladang. Sekian terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang berbunyi “bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan wanita ladang (WALA) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 8 tahun 2014”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul no.11 tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 8 tahun 2014”.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya fikir pembasmian kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 21 Januari 2014 bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai Program Mikro Kredit Miskin Bandar. Jabatan yang dijemput adalah Mikrokredit Miskin Bandar ataupun MIMBAR dan taklimat disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MIMBAR iaitu Encik Azli bin Othman.

Program Mikro Kredit Miskin Bandar telah dilancarkan pada 3 Mac 2011 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar di bawah Pengurus Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor dengan peruntukan dana awal sebanyak RM20 juta daripada Kerajaan Negeri Selangor. Kawasan sasaran MIMBAR ialah penduduk miskin bandar di 8 daerah iaitu daerah Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Ampang Jaya, Selayang, Sepang dan Kajang. Program MIMBAR bertujuan untuk menjana ekonomi bagi peserta untuk melepassi paras garis kemiskinan. Peserta yang diberi keutamaan pinjaman ialah golongan wanita, orang kurang upaya ataupun orang kelainan upaya dan mereka yang berkeluarga. Kawasan sasaran MIMBAR adalah seperti yang saya sebutkan tadi dan zon Klang dan zon Ampang Jaya melalui pendengaran jawatankuasa pilihan khas ini didapati mempunyai bilangan peserta yang paling banyak iaitu lebih daripada 1,000 peserta MIMBAR. Program ini dibuka kepada pemohon rakyat negeri Selangor dan juga kepada

pemohon bukan rakyat di negeri Selangor yang bermastautin di negeri ini melebihi 10 tahun. Pengesahan diperlukan daripada ketua masyarakat bagi mereka yang bermastautin di negeri Selangor melebihi 10 tahun. Pada mulanya tempoh pemastautin ditetapkan kepada 5 tahun tetapi disebabkan dana untuk membiayai mereka yang layak tidak mencukupi maka tempoh ini sebenarnya telah pun dipajangkan ke 10 tahun. Terdapat 5 cara MIMBAR membuat bancian kelayakan iaitu:

- (i) Bancian yang dijalankan oleh pegawai-pegawai MIMBAR.
- (ii) Ketua Masyarakat, NGO, Persatuan Penjaja dan kerjasama pihak PBT.

Pada bulan Julai 2012 MIMBAR memohon lebihan tanah daripada Kerajaan Negeri tetapi pada bulan November 2013 peruntukan dana sebanyak RM6 juta diluluskan. Dalam tempoh lebih daripada setahun MIMBAR menggunakan wang yang dibayar balik oleh peserta sebagai pusingan modal. Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah sebanyak 18 bulan tetapi tempoh bayar balik boleh dipanjangkan mengikut budi bicara MIMBAR. Tiada faedah dikenakan ke atas pinjaman dan tidak ada caj pengurusan. Ini berbeza dengan program-program lain Mikrokredit yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Pada masa sekarang kadar bayar balik peserta MIMBAR adalah sebanyak 70%, 70% ye bukan 7% dan kebanyakannya daripada golongan wanita yang berusia antara 30 tahun hingga 50 tahun Puan Speaker tetapi kita juga mendapati golongan cina miskin bandar kurang berminat. Ini adalah disebabkan nilai wang yang boleh dipinjamkan adalah rendah pada *entry level program* ini. Nilai ini boleh ditingkatkan setelah nilai yang dipinjamkan telah dibayar balik. Terdapat pilihan program yang boleh disertai, yang boleh dipilih oleh peserta-peserta iaitu:

- (a) Mikro Kredit. Pinjaman Mikrokredit di antara RM1,000.00 hingga RM5,000.00 untuk menambah dana perniagaan.
- (b) Bantuan niaga iaitu bantuan dari segi peralatan produk dan ruang niaga disediakan untuk pakej yang membantu pemohon untuk terus semula bermiaga dengan peralatan yang disediakan seperti *kiosk* dan produk.
- (c) Panduan kerja. Menyediakan peralatan dan ruang kerja bagi menjana pendapatan untuk mengaplikasikan konsep *book fare* dengan tawaran kerja bantuan kerja yang disediakan.

Didapati bahawa MIMBAR kurang menggalakkan perniagaan teksi kerana difahamkan kadar bayar balik pinjaman untuk golongan peniaga teksi tidak memberangsangkan iaitu 80% - 90% tidak bayar. Kebanyakan peserta lebih

berminat dengan pakej Mikro Kredit dan pakej Panduan Niaga seperti kiosk dan produk yang sedia ada. Peserta kurang berminat dengan pakej panduan kerja kerana lebih berteraskan *workfare* daripada *welfare*. Kami telah bermesyuarat dan mengemukakan syor dan saranan seperti yang berikut. Pada masa sekarang liputan program MIMBAR adalah terhad. MIMBAR haruslah menjalankan lebih banyak promosi bukan sahaja melalui Selangor Kini, bukan sahaja melalui laman sesawang MIMBAR malahan kita juga boleh melakukan lebih banyak *road show*. Ini adalah kerana terdapat ramai penduduk miskin yang kami fahamkan tidak tahu tentang kewujudan program MIMBAR ini dan kami juga mencadangkan supaya memandangkan kebanyakan peserta-peserta MIMBAR merupakan peserta daripada kaum Melayu usaha perlu digiatkan untuk membantu kaum-kaum yang lain dalam program ini. Cara-cara yang efektif perlulah dikaji untuk memastikan kadar bayar balik pinjaman melebihi 70% supaya lebihan pembayaran ini boleh digunakan sebagai modal pusingan dan sekali gus boleh menambah bilangan peserta yang boleh menerima manfaat daripada MIMBAR.

Akhir sekali, kami juga bercadang supaya MIMBAR harus menggalakkan program *book fare* daripada *welfare* dan mengehadkan projek Mikro Kredit kepada peserta-peserta yang tidak berupaya kerja kerana kesihatan fizikal dan mental yang kurang baik. Itulah cadangan daripada jawatankuasa dan saya, dan saya memohon usul ini dapat diterima. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Seri Serdang dalam perbahasan ini menyokong usul yang dibawa oleh Kampung Tunku dengan berkenaan membasmi kemiskinan program Mikro Kredit Miskin Bandar iaitu MIMBAR. Seri Serdang berharap agar MIMBAR ini diurus selia dengan berkesan dan cepat untuk diluluskan atas keperluan kepada pemohon-pemohon yang miskin dan juga memberi penekanan berkenaan dengan pinjaman ini supaya di *road show* kan seluruh 56 DUN ini agar memberi kefahaman bagaimana orang-orang miskin ini cara bermohon untuk mendapatkan lebih cepat untuk modal pusingan perniagaan mereka. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong maka saya buka untuk dibahaskan. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin menambah satu dua perkara sahaja. Pertamanya dari segi pulangan pinjaman sebanyak 70% merupakan satu *track record* yang baik dan keupayaan pihak pengurusan MIMBAR untuk menguruskan pinjaman melalui pusingan modal merupakan juga satu yang perlu dipuji dan disanjung tetapi kita harap satu suntikan modal berjadual dilakukan cara prioriti oleh kerajaan bagi meningkatkan daya saing MIMBAR sebagai satu institusi-institusi pinjaman Mikrokredit. Ini memandangkan

terdapat hari ini beberapa saingen lain daripada pihak institusi wang dan bank yang menawarkan kadar-kadar yang menarik bagi Mikro_Kredit Bandar dan Luar Bandar. Jadi saya harap satu cadangan yang boleh ionjakkan sekiranya boleh diterima adalah dalam saranan ke-7. Kerajaan Negeri memperuntukkan dana tambahan dan menetapkan kuota tertentu agar program ini dapat dimanfaatkan oleh warga negeri di luar Selangor dengan dimulakan di kalangan warga Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kelantan. Tujuannya adalah agar kita dapat mempromosikan Selangor sebagai satu negeri berkebajikan yang menekankan tentang usaha-usaha membasmi kemiskinan bandar. Sekian.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI MEI: Terima kasih Puan Speaker. Rawang cuma ingin menambah 2 perkara. Yang pertama, saya rasa adalah wajar ataupun pihak Kerajaan Negeri boleh mengkaji semula kadar yang dicadangkan oleh laporan ini yang mana kita faham sebenarnya perniagaan itu bukan sahaja terhad kepada kecil tetapi ada juga seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Batu Tiga tadi bahawa mereka yang telah mencapai satu tahap yang sudah lebih tinggi daripada kecil, perniagaan kecil mungkin punya perniagaan sederhana ataupun lebih besar. Saya rasa ini adalah salah satu objektif ataupun sasaran kita bahawa bukan sahaja melepaskan mereka daripada paras kemiskinan tetapi juga menaikkan lagi keupayaan peniaga-peniaga ini dan dengan pihak Kerajaan Negeri memainkan peranan untuk memberi sistem sokongan yang sepatutnya kepada mereka. Dan saya nampak untuk WALA, MIMBAR dan SKIM SEL ini mungkin ini adalah satu cadangan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk kita selaraskan ataupun letakkan di bawah satu badan yang khas yang mana memberi tumpuan khasnya kepada keusahawanan ini yang mana sebab kita nampak mungkin ada syarat dan kadar yang berbeza antara ke 3 skim ini dan ada golongan sasaran yang tertentu. Tetapi kita faham bahawa pembinaan ataupun untuk golongan keusahawanan ini bukan sahaja berkenaan dengan pinjaman dan kewangan tetapi juga perlu lihat kepada aspek latihan dan sebagainya. Ini adalah satu perancangan yang lebih holistik untuk golongan keusahawanan. Ini cuma 2 cadangan yang ingin saya kemukakan dan saya menyokong Usul ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya minta pihak kerajaan memberi penggulungan.

Y.B. PUAN ROADZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Ada beberapa perkara sahaja yang nak saya sentuh ini untuk bajet WALA saya suka sangat ada saranan supaya ditambahkan dana ini sebab kita ada hanya RM20 juta dan sekarang ini telah dibelanjakan sebanyak RM15.4 juta untuk tahun ini baki *one off* yang diberi hanya RM46.5 juta dan jadi kita harap dengan suntikan yang ada yang nanti Insya-Allah kita boleh menambahkan lagi peminjam-peminjam. Sebab sekarang ini hanya permohonan hanya boleh diproses dan diberikan kelulusan seramai 100 orang sahaja sebulan memandangkan dana yang ada. Sebab itu kalau

ada dibangkitkan oleh Seri Serdang supaya ianya perlu diuar-uarkan atau pun dibuatkan publisiti yang lebih lengkap, saya, disebabkan selama 2 tahun ini banyak pengalaman dan perkara yang kita lalui kerana Mikro Kredit Bandar ini adalah satu pinjaman secara individu. Kalau kita lihat walaupun Hulu Kelang menyatakan Alhamdulillah kita mendapat pulangan semula hampir 70% sebenarnya yang lebih tepat adalah 76.49 % pulangan semula tetapi kita merasakan bahawa risiko itu terlalu tinggi sebab ianya secara individu. Tetapi bagaimanapun apa yang kita lakukan sekarang ini pendekatan kita lebih selektif iaitu kita ingin memastikan pemohon-pemohon yang memang atas dasar kebajikan ye, mereka perlu dibantu dahulu kita berikan keutamaan ya. Bagi mereka yang mempunyai kebolehan usahawan ini mereka boleh terus *direct* kepada ataupun terus memohon di bawah *Stand Keusahawanan* tidak ada masalah. Tetapi apa yang kita ingin fokuskan sekarang ini adalah mereka yang kita tahu mereka ini datang berjumpa dengan kerajaan atas dasar kebajikan tidak cukup pendapatan dan sebagainya dan di sinilah sebenarnya kita mahu memberikan satu alternatif tentang bagaimanakah cara supaya mereka ini dapat keluar daripada permasalahan yang mereka hadapi. Sebab pendapatan yang mereka perolehi bulanan itu adalah secara tetap. Kadang-kadang ada yang tidak tetap. Contohnya, kalau satu keluarga itu suaminya bekerja sebagai pemandu lori ye, yang hanya bawa balik duit 3 – 4 hari selepas bertugas ianya bergantung kepada bukan pendapatan tetap tetapi yang kalau ada kerja ada duti yang itu yang kita beri keutamaan sebab miskin dalam bandar ini lebih teruk kalau dibandingkan dengan miskin di luar bandar. Maknanya mereka terpaksa bayar banyak kos-kos kehidupan yang mengekang, yang memastikan bahawa mereka tidak dapat bayar atau pun tidak dapat *survive* dengan izin atau tidak lepas daripada kemiskinan. Jadi sebab itu kita pastikan Mikrokredit Bandar ini *approach* nya atau pendekatannya adalah sekarang ini kita tahu ramai yang memerlukan, tetapi ramai juga yang datang meminjam tetapi akhirnya tidak dapat dijumpai ye, hilang begitu sahaja dan kita mempunyai duit dana yang sepatutnya dipulangkan untuk manfaat orang lain hampir 30% tidak dipulangkan jadi kita mengambil pendekatan lebih selektif iaitu mereka yang betul-betul perlukan kebajikan mereka inilah yang akan kita bantu dan berikan Mikrokredit ini. Insya-Allah. Jadi itu sahaja, yang lain itu saya harap, hari ini saya suka sangat tiga-tiga penyata ini dikemukakan kerana bagi saya badan yang melaksanakannya adalah satu sahaja sebenarnya di bawah Qadrulhasan. Di bawah Yayasan Qadrulhasan ini mengendalikan 3 skim ini iaitu SKIM SEL, WALA dan juga MIMBAR dan dengan adanya tiga-tiga mereka diletakkan dalam satu kita lebih memahami sebenarnya dalam konteks memberikan pinjaman kecil-kecilan ini apakah pendekatan yang terbaik tetapi dalam konteks yang berbeza, ye, itu sahaja Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ha, boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang suntikan modal itu yang telah disebut oleh Yang Berhormat Klang tentang suntikan modal berjadual. Soalan saya ialah apakah kriteria ataupun garis panduan yang diterima pakai oleh kerajaan untuk membasmikan modal ini. Adakah ianya dijalankan berdasarkan dasar-dasar tertentu ataupun macam mana, kita nak tahu sebab selalunya kalau MIMBAR ini dia nak *operate*, kalau kita tidak ada modal pun susah juga. Jadi saya nak tahu, kami nak tahu apakah kriteria *guide line* yang ditetapkan MMKN dalam perkara ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kampung Tunku. Sebenarnya kalau kita lihat pendekatan yang dibuat oleh Mikro Kredit Bandar ini adalah salah satu pendekatan yang boleh dikatakan tidak dibuat oleh kebanyakan *micro-creditors* ataupun peminjam-peminjam ini. Ia sebenarnya mengambil pendekatan yang agak berisiko iaitu secara individu tidak ada faedah. Ianya jarang-jarang ataupun boleh dikatakan tidak ada langsung dibuat di mana-mana di Malaysia ini khususnya ataupun di dalam ataupun di luar negara tetapi Kerajaan Selangor ingin mencuba satu inovasi baru bagai mana ianya patut dilaksanakan dari sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar meluluskan RM20 juta itu di bawah kutipan hasil hutang TALAM itu untuk melihat apakah pendekatan yang terbaik. Jadi RM 20 juta ini diberikan dan ianya Alhamdulillah bukan dihabiskan dalam tempoh satu tahun tetapi hampir tiga tahun dana itu masih ada berbaki RM 4.6 juta lagi tetapi suntikan modal yang kita telah bincang dalam Yayasan Qadr Al Hassan adalah dengan adanya kejayaan yang ada dalam pendekatan yang berbeza ini *insya-Allah* pendekatan yang kita suntikan yang kita buat masih lagi di dalam bentuk suku tahun kita memberikan satu suntikan tapi yang lebih sedikit perbezaannya kalau RM 2 juta itu dulu lebih kepada kesemuanya dalam RM20 juta itu lebih kepada kesemua duit dalam pembiayaan pun di situ, duit untuk pengurusan pun di situ, jadi mungkin kriteria yang kita letakkan supaya duit yang RM20 juta itu ataupun tambahan yang RM20 juta itu adalah khusus untuk pembiayaan semata-mata. Jadi kerajaan Selangor perlu memberikan satu suntikan modal dalam konteks pengurusan, tidak dalam satu tabung tapi dua-dua digunakan. Jadi pembiayaan lain, pentadbiran dan pengurusan itu lain. Jadi itu jawapan daripada saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul Nombor 12 Tahun 2014. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawa se nya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri atau JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan *Selangor Oil Palm Industries Corporations* (SOPIC) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya bermula, saya ingin merekodkan bahawa di Dewan yang mulia ini tiada seorang YB yang Pembangkang. Semua sudah balik. Ini adalah cara UMNO, Barisan Nasional, cakap tak serupa bikin. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, JP ABAS telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 28 Januari 2014 bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan SOPIC dan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan di antara bulan Jun hingga Oktober 2012 didapati status kewangan SOPIC pada tahun 2011 adalah memuaskan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2011 berjumlah RM 2.26 juta meningkat sejumrah RM 92.72 juta berbanding kerugian sebelum cukai pada tahun 2010 berjumlah RM 90.46 juta. Walau bagaimanapun, terdapat sembilan kelemahan yang perlu diperbaiki.

Yang pertama; strategi pelaksanaan masih belum dilaksanakan sepenuhnya di mana setakat bulan September 2012 hanya strategi mengusahakan tanaman buah-buahan komersial yang berdaya saing dilaksanakan. Strategi menjadi pengeksport utama buah-buahan dan makanan dan strategi mencebur industri makanan belum dilaksanakan dan dalam hal ini SOPIC memberi penerangan bahawa tidak dapat melaksanakan dua strategi yang lain kerana bekalan tenaga buruh yang tidak mencukupi dan harga buah-buahan yang turun naik.

Kedua, pengeluaran buah-buahan yang rendah di mana SOPIC hanya menyumbang kepada dua daripada 5 jenis tanaman buah-buahan utama iaitu rambutan dan tembikai. Sumbangan pengeluaran buah-buahan yang diusahakan sendiri oleh SOPIC pada tahun 2010 dan 2011 adalah tidak memberangsangkan. Menurut penerangan SOPIC sumbangan pengeluaran buah negara dan negeri merosot kerana mulai tahun 2010 SOPIC tidak lagi mengeksport buah kerana merugikan dan fokus SOPIC adalah pasaran buah tempatan komersial.

Yang ketiga, penggunaan kawasan ladang sedia ada yang tidak optimum. Berdasarkan semakan audit, sehingga 18 Oktober 2012, sebanyak 134 ekar daripada 875 ekar kawasan ladang sedia ada tidak diusahakan. Keadaan ini

menyebabkan SOPIC kehilangan hasil jualan dan pembaziran wang pajakan masing-masing. Jawatankuasa mendapati SOPIC cuba mengatasi kekurangan tenaga buruh dengan usaha sama bersama ahli *farm exotic*,....tetapi ketiga-tiga usaha sama ini telah gagal.

Keempat, prestasi pengeluaran jualan dan keuntungan yang tidak memuaskan. Di dapati SOPIC tidak dapat mencapai sasaran pengeluaran dan keuntungan yang ditetapkan. Hal ini disebabkan SOPIC tidak menetapkan sasaran pengeluaran dan tidak mempunyai pasukan pemasaran yang mencukupi. Dalam hal ini SOPIC mengakui bahawa ia tidak menyediakan rancangan strategik pemasaran yang menyeluruh sebagai garis panduan.

Kelima, dasar atau objektif syarikat yang sentiasa berubah. Sejak penubuhan SOPIC bermula tahun 1974, SOPIC telah mengalami beberapa kali perubahan struktur operasi disebabkan perubahan dasar jemaah ahli di PKPS dan Lembaga Pengarah SOPIC di mana sejak bulan Ogos 2008 ke April 2010 hingga sekarang, SOPIC telah mengalami empat perubahan dasar syarikat di mana isu untuk menyambung operasi SOPIC atau menutup SOPIC diubah dua kali dan kegiatan utama SOPIC diubah dari buah-buahan kepada aktiviti ternakan.

Keenam, sumber manusia tidak mencukupi dan tidak berkemahiran. Berdasarkan semakan audit di dapati tiada bukti latihan berkaitan ladang diberikan kepada pekerja ladang bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Ketujuh, kemudahan dan infrastruktur serta penyenggaraan ladang yang kurang memuaskan. Seterusnya pemantauan yang kurang berkesan. Di dapati mesyuarat SOPIC hanya membincangkan antara dua hingga lima daripada sembilan masalah berkaitan dengan ladang yang perlu dibincangkan. Perkara yang kerap dibincangkan adalah penyenggaraan ladang dan prestasi pengeluaran buah-buahan. Perkara lain kurang dibincangkan.

Akhir sekali kelemahan tadbir urus korporat di mana keanggotaan Lembaga Pengarah SOPIC tidak mempunyai Pengarah bukan eksekutif yang bebas dan berpengalaman selaras dengan amalan terbaik kod tadbir urus korporat Malaysia 2007. Selain itu, tiada pembayaran dividen dibuat kepada Kerajaan Negeri selepas tahun 1995 kerana *trend* keuntungan SOPIC tidak memberangsangkan. SOPIC juga tidak mewujudkan Unit Audit Dalaman tetapi menggunakan Unit Audit Dalaman PKPS. Rancangan perniagaan tempoh 5 tahun dari 2010 hingga 2014 yang baru tidak menyeluruh dan tidak lengkap seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan kerana ia tertumpu pada aktiviti perladangan sahaja. Berdasarkan hasil audit yang dinyatakan maka Jawatankuasa menyarankan supaya:

- (i) SOPIC hendaklah berusaha untuk meningkatkan daya saing dan hasil jualan.

- (ii) SOPIC hendaklah memastikan bahawa aktiviti perladangan, PKPS mempunyai sumber manusia yang mencukupi dan pengurusan ladang yang cekap.
- (iii) SOPIC hendaklah mengadakan pemantauan yang berkesan melalui tindakan susulan yang segera terhadap isu yang dibangkitkan dari 4.1 hingga 4.9.

Sekian, terima kasih. Kinrara mohon Usul ini dibahaskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Penyokong? Kalau tak ada penyokong akan digugurkan.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Lembah Jaya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Usul ini telah pun disokong dan saya buka untuk dibahaskan. Pihak kerajaan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kinrara dan juga Lembah Jaya yang telah mengusulkan mengenai tentang SOPIC dan kita menyambut baik tentang saranan yang diberi dan juga teguran yang diberi oleh Jawatankuasa dan prinsip kerajaan adalah kita ingin menguruskan syarikat Kerajaan Negeri secara terus dan juga bertanggungjawab dan kita akan terus memantau pengurusan di dalam syarikat SOPIC ini. Sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JB ABAS bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan *Selangor Oil Palm Industries Corporations* (SOPIC) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul Nombor 13 Tahun 2014. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut : Bahawa se nya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri atau JP ABAS bagi Dewan Negeri

Selangor berkenaan *Selangor State Investment Centre Berhad* (SSIC) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014. JP ABAS telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 21 Januari 2014 bagi menyiasat dan mendengar taklimat daripada SSIC berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara – Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 siri 1 pada muka surat 23 sampai muka surat 36. Wakil-wakil dari SSIC hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah. YB-YB yang hadir di dalam Pendengaran Tertutup tersebut adalah Y.B. Hulu Kelang sebagai Pengerusi JP ABAS, YB Lembah Jaya, Y.B. Kinrara, Y.B. Rawang dan saya. Berikut adalah rumusan Penyata yang telah kita bentangkan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, SSIC adalah satu syarikat milik penuh MBI (*Menteri Besar Incorporated*). Ia adalah untuk meningkatkan pelaburan ke Negeri Selangor dari dalam dan luar negara. Walaupun sebuah syarikat, SSIC merupakan sebuah entiti yang tidak berorientasikan keuntungan tapi berteraskan kepada perkhidmatan dan perbelanjaannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri melalui *grant* kira-kira RM5 juta setahun. Pengauditan telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara antara bulan Julai hingga Oktober 2012 dan mendapati bahawa status kewangan, aktiviti dan tadbir urus korporat SSIC adalah memuaskan. Walau bagaimanapun semakan Audit telah mengenal pasti beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki oleh SSIC. Selepas meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan mengadakan Pendengaran Tertutup berikut adalah beberapa perkara penting tentang SSIC yang JP ABBAS ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini.

Perkara pertama ialah semakan Audit mendapati bahawa SSIC tidak ada maklumat pelaburan yang menyeluruh. SSIC hanya mempunyai maklumat lokasi perindustrian secara umum pada laman sesawang dan banyak bergantung pada pihak luar tuan tanah untuk mendapat maklumat sebenar mengenai sesuatu kawasan perindustrian yang dibangunkan. SSIC juga tidak mempunyai sistem maklumat yang bersepadu bagi menyimpan maklumat mengenai pelaburan.

JP ABBAS mendapati bahawa walau terdapat usaha-usaha untuk mengemaskini maklumat pelaburan SSIC. Maklumat pelaburan masih tidak menyeluruh lagi sebagai contoh SSIC hanya masih tidak mempunyai senarai yang lengkap untuk semua kawasan perindustrian di Selangor. Hanya 5 PBT sahaja yang telah menghantar kebenaran merancang kawasan perindustrian kepada SSIC iaitu MBHS, MDSB, MPSepang, MPK dan MPKj. Di samping itu hanya 1 PBT yang telah menyiapkan inventori kawasan perindustrian bersama SSIC iaitu MBSA. Dengan ini JP ABAS mengesyorkan SSIC untuk teruskan usaha kemas kini maklumat pelaburan supaya dapat mewujudkan satu sistem maklumat yang bersepadu, maklumat pelaburan yang bersepadu. PBT juga disarankan untuk menyiapkan inventori kawasan perindustrian untuk setiap PBT dan sentiasa mendapatkan memberikan maklumat terkini kepada SSIC mengenai kawasan perindustrian di setiap Daerah atau pun Bandar raya. Selain itu, Audit juga mendapati bahawa sebanyak 36.8% daripada 326 masalah yang dilaporkan oleh pelabur-pelabur masih

belum diselesaikan oleh pihak SSIC. Ini adalah kerana sebahagian besar adalah di luar bidang SSIC iaitu di PBT. Oleh itu JP ABAS berpendapat bahawa untuk meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur PBT-PBT harus meningkatkan tahap perkhidmatan di kawasan-kawasan perindustrian. Terutamanya kawasan perindustrian yang strategik untuk Selangor supaya masalah pelabur-pelabur boleh diselesaikan dengan lebih cepat. Perkara ketiga, perkara kedua ialah tentang teguran Audit atas SOP untuk pengurusan kewangan SSIC. JP ABBAS telah mendapati bahawa kelima-lima SOP yang dipertikaikan di Laporan Audit telah di tamatkan selepas teguran Audit. SOP-SOP ini telah mendapat kelulusan daripada MBI dan disahkan oleh Lembaga Pengarah SSIC pada 8 Februari 2013. Perkara ketiga ialah tentang teguran Audit bahawa tiada pengasingan tugas antara pegawai yang menyedia, mengesah dan meluluskan bayaran di SSIC. Praktis ini adalah satu kesalahan yang serius kerana ia akan menyebabkan penyelewengan dan salah guna kuasa. Lepas teguran Audit SSIC juga sudah telah melaksanakan pengasingan tugas. Ini baik pada bulan September 2011 dan pelantikan Pegawai Eksekutif Kewangan, Kerani Kewangan Eksekutif, Pentadbiran Syarikat dan Kerani Pentadbiran yang menjalankan fungsi-fungsi berlainan. Perkara keempat yang telah menerima teguran audit ialah amalan cek diperkecilkan untuk pembayaran. Bayaran berjumlah RM4.67 juta yang melibatkan 43 *voucher* telah dipecah kecilkan kepada 102 cek yang kurang daripada RM50,000. Kenapa ini boleh berlaku kerana adalah polisi SSIC cek yang kurang daripada RM50,000 hanya memerlukan 2 pihak untuk menandatangani. Tapi cek yang melebihi RM50,000 kena kelulusan pihak yang ketiga. Untuk membolehkan pembayaran yang lebih cepat pegawai cuba mengelakkan kelulusan ketiga dan memecah kecilkan supaya lebih rendah daripada RM50,000. Sebagai contoh pembayaran RM40,000 boleh di pecah kecilkan kepada 2 cek yang berjumlah RM30,000. Amalan ini tidak sihat kerana tiada kawalan terhadap pembayaran pembelian yang melibatkan perbelanjaan yang besar. Jawatankuasa mendapati bahawa selepas teguran Audit SSIC tidak lagi mempraktikkan pengecilan cek ini *so good job*. Perkara kelima ialah teguran Audit bahawa bayaran yang disokong bayaran yang tidak disokong dengan dokumen yang lengkap. Di sesi pendengaran tertutup SSIC dalam mendapati bahawa semua transaksi ini adalah berkaitan dengan pinjaman peribadi bekas Ketua Pegawai Eksekutif SSIC. Semua pinjaman ini telah diselesaikan sekarang, untuk makluman Dewan berdasarkan tema dan syarat perkhidmatan SSIC pinjaman peribadi kepada kakitangan SSIC yang tidak melebihi 10 kali gaji pokok adalah dibenarkan dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif. Setelah menerima teguran Audit bahagian Kewangan SSIC telah memperketatkan proses pinjaman permohonan peribadi dan memastikan semua prosedur pinjaman peribadi kakitangan dipatuhi. Jawatankuasa SSIC supaya terus usaha seperti berikut untuk memastikan setiap bayaran termasuk pinjaman peribadi Ketua Pegawai Eksekutif harus disertai dengan dokumen yang lengkap. Perkara seterusnya ialah semakan Audit juga mendapati bahawa kadar bayaran bonus SSIC adalah berdasarkan geran yang berlebihan dan bukan berdasarkan SSIC. Ini saya nak menarik perhatian Dewan Yang Mulia Ini sebab ini adalah tidak wajar kerana lebihan geran adalah pertunjuk ketidak kecekapan kerana

SSIC tidak dapat melaksanakan semua perbualan yang dirancang. Dalam itu JP ABAS menyarankan supaya pemberian bonus hendaklah berpandukan kepada prestasi pelaburan negeri Selangor setiap tahun dan bukan lebihan geran. Akhir sekali JP ABAS berpendapat bahawa prestasi kemasukan pelaburan perlu dipertingkatkan lagi walau pun sekarang sudah sangat tinggi. Kita mendapati bahawa jumlah peratusan pelaburan Selangor ialah 19% daripada keseluruhan pelaburan negara pada tahun 2013. Prestasi pelaburan ini boleh ditingkatkan lagi memandangkan Selangor menyumbangkan 23% KDNK negara. Untuk memastikan Selangor terus menjadi peneraju ekonomi negara prestasi peratusan jumlah keseluruhan pelaburan Selangor mesti haruslah 23% ke atas. Dengan ini JP Abas menyarankan SSIC supaya menyediakan *Blueprint of Selangor Investment* dengan izin supaya Kerajaan Negeri ada satu hala tuju dan ada satu pendekatan yang lebih strategik untuk menarik pelaburan dalam dan luar negeri. Selain itu SSIC juga harus memanfaatkan promosi media kerana rangkaian Pejabat Media adalah lebih luas. Secara keseluruhannya SSIC telah menerima teguran Audit dengan sangat positif hanya ada beberapa perkara yang kena mengambil perhatian yang pertama ialah SSIC tidak ada maklumat pelaburan. Kalau dapat maklumat yang lebih bersepodu, dapat mengemaskini. Yang kedua adalah supaya PBT-PBT boleh meningkatkan kerjasama dengan SSIC supaya boleh mendapatkan lebih maklumat lagi dan meningkatkan tahap perkhidmatan di kawasan-kawasan perindustrian dan juga apa yang saya menarik dan SSIC untuk berupayalah supaya pemberian bonus adalah berpandukan prestasi pelaburan dan bukan geran. Yang akhir sekali ialah supaya SSIC boleh menyediakan *Blueprint of Selangor Investment*. Dengan ini Damansara Utama memohon Usul ini disokong.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Usul ini telah disokong maka saya buka untuk dibahaskan. Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, Kg Tunku ingin membahas Usul yang dibawa oleh Y.B. Damansara Utama ini di mana saya sebenarnya telah pun menyentuh tentang perkara ini sebanyak semasa saya membahas Ucapan Junjung Kasih pada minggu lepas. Yang pertama sekali ialah tentang penubuhan *Blueprint* ini adalah sesuatu yang perlu dilakukan dengan segera dan saya juga ingin menjalankan kepada pihak Eksekutif supaya dalam *Blueprint* ini kita juga perlu memasukan KPI khusus untuk menyelesaikan beberapa kepincangan yang di bawah oleh Usul atau Jawatankuasa Pilihan ABAS ini. Yang pertama ialah tentang KPI pelaburan asing. Saya ingin menarik perhatian Dewan terhadap pelaburan luar negara yang boleh di Selangor tahun 2013 dan ini menunjukkan tanda-tanda ke bimbingan kepada kita semua di mana Selangor walau menyumbang lebih daripada 23% kepada KTAK Malaysia peratusan pelaburan hanya 19% sahaja.

Dan dari segi pelaburan luar negara Selangor berada di kedudukan yang ketiga, di belakang negeri Johor dan di belakang negeri Sarawak. Walau pun saya ambil maklum bahawa pelaburan yang berada di Sarawak itu disebabkan oleh kemasukan pelaburan yang tidak mesra alam sekitar yang saya pasti Selangor tidak mengalu-alukan pelaburan yang sebegini rupa. Tapi kita harus memikirkan kedudukan Selangor berbanding dengan Johor di mana saya rasa ini adalah satu keadaan di mana Selangor akan menghadapi persaingan daripada zon ekonomi Iskandar di mana ianya telah pun menarik lebih banyak pelaburan daripada Singapura. Dan saya merasakan bahawa Selangor perlu mengadakan satu anjakan paradigma di mana dari segi pentadbiran PBT, Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri kita perlu ada satu perubahan daripada minda untuk menarik pelaburan asing. Saya telah menyebut dalam Perbahasan minggu lepas bahawa kita perlu melihat penggunaan Bahasa Inggeris dalam sektor ini di mana secara dasar dan garis panduan PBT yang melibatkan pelaburan asing khususnya dalam pentadbiran kawasan-kawasan perindustrian dalam pentadbiran tanah dan sebagainya. Kita perlu mewujudkan satu iklim mesra pelanggan di mana kita tahu kebanyakannya pelaburan asing ini mereka fasih dan lebih selesa dengan Bahasa Inggeris. Maka dalam sektor ini dalam aspek ini bukan sahaja SSIC menggunakan Bahasa Inggeris dalam pentadbirannya tetapi kita juga memastikan bahawa Pegawai-pegawai di PBT dan Pejabat Tanah di SUK yang fasih tentang Undang-undang Tanah, yang fasih tentang undang-undang ada jalan, bangunan dan sebagainya. Mereka mempunyai kemampuan untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, saya rasa ini adalah sangat penting. Yang kedua ialah kita perlu memastikan bahawa pelaburan yang kita ambil itu berteknologi tinggi dan kita perlu mengambil iktibar daripada negara-negara atau pelaburan seperti daripada negara Jerman. Beberapa tahun yang lalu kita begitu bangga kerana ada kemasukan Q-cell yang *manufacturing* yang hasilkan *cell* solar tapi difahamkan bahawa selepas itu mereka terpaksa memberhentikan operasi mereka kerana ada pasaran bersaingan daripada China. Jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang kita perlu lihat, kita perlu ubah mengikut iklim dan kita perlu memastikan kita ada satu iklim yang selesa dengan pelaburan berteknologi tinggi ini. Saya ambil satu contoh, ini adalah satu contoh yang melibatkan kawasan yang pernah saya tandatangani iaitu pelaburan untuk mewujudkan sebuah kilang yang menghasilkan biodiesel di Pulau Indah. Mereka terpaksa mencari tanah tapi akhirnya mereka terpaksa menggunakan usaha sendiri untuk mencari tanah dan memberi tanah untuk mendirikan kilang mereka. Sebenarnya sebelum itu mereka pernah menghubungi SSIC untuk mendapatkan bantuan tetapi pada hari ini mereka tidak mendapat apa-apa bantuan daripada SSIC dan terpaksa bergantung kepada usaha diri sendiri. Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita perlu membaiki supaya kita tidak ketinggalan di ke belakang dalam menarik pelaburan asing ini. Saya juga mencadangkan agar segala aduan yang disalurkan kepada PBT melalui IPMC iaitu *Industries Park Management Committee* ini dirumuskan oleh SSIC dan dibentangkan secara perkara ke Jawatankuasa ABBAS ini supaya kita tahu apakah status atau pun perkembangan terkini tentang aduan-aduan ini. Saya selalu mendengar aduan dan pekilang-pekilang tentang jalan tidak diperbaiki, lampu tidak

ada, longkang rosak seperti aduan yang kita terima dan dari ke perumahan dan saya rasa ini adalah sesuatu yang amat mengecewakan dan tidak harus berlaku. Jadi untuk usaha ini saya berharap SSIC dan juga PBT dapat bekerjasama dan kita tetapkan satu KPI dalam sektor ini dan dimasukkan ke dalam *Blueprint* ini dan kita menjadikan satu budaya laporan-laporan yang kita ada daripada PBT ini daripada SSIC ini kita bentangkan ke Jawatankuasa pilihan mengenai ABAS ini supaya ianya boleh diteliti oleh seluruh Ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi itulah sedikit sebanyak ucapan saya dan saranan saya dan saya memohon supaya penyata ini diterima oleh Dewan Yang Mulia Ini, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Speaker. Perkara yang penting dalam saranan Jawatankuasa adalah tentang pembentukan satu *Blueprint*.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang, boleh saya minta sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 6.30 petang, maka saya tangguhkan Dewan sehingga esok 18 April 2014 jam 9.30 pagi.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang)